

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003	(Halaman 47)
Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2003	(Halaman 50)
Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003	(Halaman 54)
Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003	(Halaman 61)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
“	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	kosong (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

Yang Berhormat	Dato' Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
“	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
“	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
“	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
“	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
“	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
“	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
“	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

Yang Berhormat	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A. (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**ETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Ab. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****MESIN CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 11 Julai 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

***mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah kesan pada sektor pelancongan di negara kita akibat kejadian letupan bom di sebuah hotel terkemuka, JW Marriott di Jakarta, Indonesia baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, letupan bom di Hotel JW Marriott, Jakarta pada 5 Ogos 2003 yang lalu telah mengorbankan sekurang-kurangnya 14 orang dan 150 orang yang lain cedera. Ekoran daripada insiden tersebut, negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, German dan Australia telah mengeluarkan nasihat perjalanan kepada rakyatnya supaya tidak melakukan lawatan ke Indonesia. Namun, Malaysia terkecuali daripada senarai tersebut kerana dunia mengetahui bahawa Malaysia adalah satu destinasi yang selamat untuk dilawati. Tambahan pula langkah-langkah awal pencegahan serta tindakan tegas Malaysia dalam usaha untuk menangani keganasan diiktiraf dunia.

Seperti mana tragedi pengeboman di Bali yang berlaku pada bulan Oktober 2002 yang lalu, insiden pengeboman seperti ini dijangka tidak menunjukkan kesan negatif yang ketara dari segi ketibaan pelancong. Sekian, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei merupakan jiran yang terdekat. Kita bimbang dengan kemunculan kumpulan ekstremis dan militan yang sering dikaitkan dengan Indonesia dan Malaysia. Sekarang SARS muncul kembali di Singapura dan wabak ini yang paling menakutkan. Kalau pelancong enggan ke Singapura, bermakna mereka juga bimbang untuk ke Malaysia, lebih-lebih lagi ke negeri Johor.

Sektor pelancongan merupakan sektor yang kedua terbesar kepada ekonomi negara kita. Media-media Barat pula sering kali mengambil kesempatan untuk memburukkan negara kita ini, seperti laporan terbaru hari ini yang mengaitkan *Business Week*, yang kembali dengan perangai lama mereka dengan mengugut Perdana Menteri kita dalam suasana harmoni yang sedang kita hadapi pada hari ini. Ditambah pula dengan faktor-faktor lain, faktor dalaman yang mungkin menanggung di air yang keruh. Oleh itu saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah ada langkah-langkah bersepadu mungkin bersama dengan Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Dalam Negeri dalam menangani masalah ini, ditambah pula pelancong sejak akhir-akhir ini sering menumpukan perhatian mereka kepada Malaysia. Kita juga tidak dapat menafikan keadaan di mana bulan depan suatu persidangan yang paling besar akan berlangsung di negara kita ini. Minta sedikit pandangan daripada Timbalan Menteri.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang sentiasa mengambil langkah pencegahan terhadap segala kemungkinan berlakunya tindakan keganasan yang akan berlaku di negara kita. Oleh sebab itu, kita mempunyai satu unit *intelligent* yang telah diiktiraf di dunia, yang merupakan satu unit yang amat berkesan dan

dunia tahu tindakan yang telah diambil oleh Malaysia dan pendirian yang tegas oleh kerajaan terhadap keganasan.

Selain daripada itu, walaupun ada sebilangan media-media Barat cuba memberi gambaran yang tidak tepat, namun ia merupakan tugas kita untuk memberi gambaran yang tepat, gambaran yang benar kepada masyarakat dunia. Oleh itu, kementerian saya sentiasa memperbanyakkan misi promosi di luar negara untuk memberi gambaran yang tepat dan memberitahu orang ramai bahawa betapa selamatnya berada di Malaysia untuk dilawati. Ini dapat dibuktikan kepada masyarakat dunia melalui pelbagai acara perayaan yang diadakan di Malaysia melalui TV dan juga kita telah menjemput ramai para media dan juga TV untuk melawat Malaysia melalui program yang disebutkan sebagai *Mega Fam* atau *Mega Familiarization Project*, di mana kita bawa media-media dan juga syarikat-syarikat pelancong dari luar negara untuk mengetahui keadaan yang sebenar di Malaysia. Itu adalah cara terbaik.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian Yang Berhormat menerima maklum balas tentang pembatalan tempahan bilik hotel di Kuala Lumpur selepas peristiwa Hotel JW Marriott Jakarta dibom. Jika ada, berapa anggaran kerugian akibat pembatalan tempahan hotel di Kuala Lumpur ini? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Penginapan di hotel-hotel di seluruh Malaysia pada bulan Mei adalah lebih kurang 45%. Kejatuhan itu bukan disebabkan insiden di Jakarta tetapi oleh sebab SARS. Tetapi pada bulan Jun, kadar itu telah meningkat kepada hampir 60%. Pada bulan Julai pula, ia adalah melebihi 60%. Ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan para pelancong untuk melawat Malaysia dan membuat perjalanan telah meningkat dan angka-angka telah menunjukkan bahawa bilangan pelancong ke Malaysia telah juga meningkat pada bulan Jun dan Julai. Namun, ia belum sampai ke tahap pada bulan Jun dan Julai pada tahun 2002. Kita sedang berusaha supaya membawa kembali semua pelancong.

[Soalan No. 2 – Y.B. Dato' Mustafa bin Ali (Dungun) tidak hadir]

3. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan berkaitan Penyakit JE dan SARS, sila nyatakan jumlah peruntukan yang disediakan; dan
- (b) apakah keputusan penyelidikan yang menggalakkan.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, penyelidikan JE di Unit Virologi Institut Penyelidikan Perubatan lebih tertumpu kepada penentuan insiden kes serta kajian *epidemiologi molecular*. Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan insiden JE melalui kaedah *serologi* dan petanda *molecular* di mana maklumat JE ini diperlukan sebagai pangkalan data sekiranya terdapat program imunisasi terhadap JE di masa hadapan. Kajian ini juga ingin menubuhkan Pangkalan Data Sekuen Gen Virus JE. Kajian ini adalah untuk dua tahun, bermula pada tahun 2002 dan telah mendapat peruntukan kewangan sebanyak RM269,000 dari Tabung Penyelidikan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk tempoh di antara Januari hingga Jun 2003, sebanyak 318 spesimen telah diterima dan sebanyak 22 spesimen adalah positif, melalui kaedah ELISA IgM. Selain daripada itu, usaha juga dilakukan untuk menghasilkan antigen JE, melalui inokulasi virus JE prototype (*Strain Nakayama*) ke dalam tikus baru lahir atau *suckling mice*. Antigen yang dihasilkan ini akan digunakan di dalam ujian ELISA IgM - *in house Unit Virologi* yang dapat meningkatkan kesensitiviti ujian.

Untuk pendidikan SARS, sehingga kini Unit Virologi telah menilai kit ELISA dari Korea Selatan dan juga *Center For Diseases Control* Amerika Syarikat. IMR telah

menyelesaikan 'upscaling' iaitu peningkatan *titer* virus SARS yang diasingkan oleh Unit Virologi.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya tentang kes SARS yang baru ini saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Menteri Kesihatan, memandangkan pada bulan Mac hingga Mei, pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan yang sangat berkesan dalam menangani kesan buruk penyakit SARS terhadap negara kita ini. Oleh kerana sekarang ada kes baru di Singapura, saya ingin tahu apakah langkah-langkah pencegahan yang sedang dilakukan dan akan diteruskan supaya kita dapat mengelakkan penyakit SARS masuk ke Malaysia supaya ia tidak akan mendatangkan kesan buruk terhadap sektor pelancongan khususnya dan ekonomi negara amnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas hujah tadi daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Sememangnya, langkah-langkah yang telah kita laksanakan semasa wabak SARS melanda dunia, telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan pihak-pihak yang lain. Tetapi, kita tidak berpuas hati sahaja dan mengambil ringan mengenai tugas kita di Kementerian Kesihatan. Pada masa ini, langkah-langkah pengawasan telah dijalankan secara berterusan. Antaranya, yang pertama memantau kejadian kes SARS yang dilaporkan di negara lain sama ada oleh WHO atau oleh pihak media, termasuk kes yang berlaku di Singapura baru-baru ini dan pada bulan Ogos, 143 kes yang kononnya SARS tetapi, akhirnya diputuskan bukan SARS yang berlaku di Kanada.

Yang kedua, kita menjalankan pemantauan klinikal, *clinical vigilance* di semua klinik dan hospital Kementerian Kesihatan iaitu melalui satu rangkaian yang amat luas dan besar, yang kita ada di negara kita. Yang ketiga, kita memantau kejadian *Atypical Pneumonia* di kalangan anggota kesihatan memandangkan ketika wabak SARS yang baru lalu, golongan yang paling berisiko tinggi adalah staf-staf di hospital dan klinik kita. Yang keempat, menjalankan pemantauan makmal, *lab laboratories base surveillance* ke atas permintaan ujian SARS daripada hospital dan klinik.

Mengenai kes di Singapura, kita menerima laporan daripada WHO dan saya sudah berhubung *directly* dengan Menteri Kesihatan baru Singapura dan beliau telah mengatakan kepada saya iaitu yang terkandung di dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh beliau, baru-baru ini dan di sini dia katakan dan saya kutip "*MOH Singapura has notified the World Health Organization of the incident and the details of the case. WHO has informed us that the case does not fulfill the case definition of SARS. As per the new WHO guideline in the post outbreak period.*" Kita masih menunggu keputusan akhir yang akan dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengenai perkara ini.

Kita masih ingat kes-kes yang berlaku di Kanada. Yang pertamanya, dikatakan ini kononnya SARS. Tetapi, selepas kajian mendalam yang dijalankan melalui Kementerian Kesihatan di Kanada dan juga dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia, akhirnya dikatakan bukan SARS. Kita anggap di sini iaitu kita bersetuju dengan Menteri Kesihatan Singapura iaitu kes ini adalah satu kes yang ringan. Kalau ia benar-benar bukan SARS, ia adalah satu kes yang ringan, bukan seperti SARS yang berlaku pada wabak yang baru lalu. Ia tidak ada langsung ia punya - x-ray, hingga tiga kali x-ray telah dijalankan tidak ada *evidence of pneumonia*. Ini adalah satu kriteria yang diperlukan. *Evidence of x-ray* yang menunjukkan ada pneumonia atau sindrom *respiratory distress*. Tetapi, kita diberitahu tidak wujud di dalam kes ini. So, kita masih menunggu keputusan muktamad yang mungkin dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Menteri dan kakitangan kesihatan yang telah pun menguruskan krisis SARS dengan agak baik dan cemerlang. Saya juga difahamkan bahawa SARS ini berhubung kait dengan masalah *respiratory*. Saya difahamkan bahawa langkah yang paling baik ialah dengan izin *high dosage of vitamin C* secara orally ataupun *secara intervenes* dan juga yang kedua jaga *lung* kita jadi bersih. Jadi, adakah pihak kementerian terutama Yang Berhormat Menteri ingin mencadangkan kepada Kabinet supaya mengharamkan hisap rokok ini di dalam negara? [Ketawa] [Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sensitif itu Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sensitif itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sensitif, sensitif.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Chua Jui Meng: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua, ini sensitif tetapi saya mengucapkan terima kasihlah atas hujah-hujah tadi. *[Ketawa]*

4. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kriteria larangan terhadap orang asing yang memasuki Malaysia dan senarai orang asing yang dilarang masuk ke Malaysia bersama dengan alasan pelarangan terhadap setiap individu. Apakah rasional kerajaan mengenakan sistem pengawasan terhadap 6 bekas tahanan ISA gerakan reformasi di Imigresen.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kriteria-kriteria yang digunakan untuk melarang kemasukan orang-orang asing adalah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959, 1963 iaitu seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, saya harap semua Ahli Yang Berhormat dapat bersabar sebab di bawah peruntukan ini, memang ada banyak kriteria yang saya ingin huraikan.

Di bawah peruntukan seksyen ini, peruntukan-peruntukan yang kita boleh larang adalah seperti berikut:

- mana-mana orang yang tidak dapat menunjukkan bahawa ia mempunyai punca pendapatan untuk menyara dirinya dan tanggungjawabnya, jika ada, atau bahawa ia mempunyai kerja tertentu yang menantinya atau yang mungkin menjadi seorang yang papa atau menjadi beban orang awam;
- mana-mana orang yang mengalami sakit otak atau mengalami kecacatan mental atau mengalami penyakit berjangkit atau menular yang menjadikan kehadirannya di Malaysia berbahaya kepada masyarakat;
- mana-mana orang yang enggan membuat pemeriksaan perubatan selepas dikehendaki berbuat demikian di bawah Seksyen 39(A)(1);
- mana-mana orang yang telah pun disabitkan di mana-mana negara atau negeri bagi mana-mana kesalahan dan dihukum penjara bagi sebarang tempoh dan tidak menerima pengampunan;
- mana-mana orang dengan sebab keadaan-keadaan yang berhubung dengan sabitan dianggap oleh Ketua Pengarah sebagai seorang imigran pendatang yang tidak diingini;
- mana-mana pelacur atau mana-mana orang yang hidup atas atau menerima atau yang sebelumnya memasuki Malaysia hidup atas atau menerima hasil pelacuran;
- mana-mana orang yang memperoleh atau cuba untuk membawa ke Malaysia pelacur atau wanita atau gadis bagi tujuan pelacuran atau lain-lain tujuan yang tidak bermoral;
- mana-mana pihak kutu rayau atau peminta sedekah tetap;

- mana-mana orang yang kemasukannya ke Malaysia adalah atau pada masa kemasukannya menyalahi undang-undang di bawah akta ini atau akta-akta lain bertulis pada masa itu;
- mana-mana orang yang dipercayai atau menjalankan kegiatan yang menjatuhkan secara paksa atau kekerasan mana-mana kerajaan di Malaysia atau mana-mana kerajaan yang ditubuhkan atau undang-undang perlembagaan atau kuasa atau tidak mempercayai atau menentang kerajaan yang ditubuhkan atau yang menjalankan penubuhan pegawai-pegawai awam yang menganjurkan atau mengajar tentang kerosakan harta benda secara menyalahi undang-undang;
- mana-mana orang yang menjadi anggota atau bergabung dengan mana-mana pertubuhan yang berkaitan dengan atau memberi ajaran tentang ketidakpercayaan dalam usaha menentang kerajaan yang wujud atau menjalankan atau mengajar tentang kewajipan keperluan telah kewajaran seseorang yang menyalahi undang-undang;
- mana-mana orang yang berikutan dengan makluman yang diterima dari mana-mana sumber yang disifatkan oleh menteri sebagai seorang yang mana imigran itu tidak diingini;
- mana-mana orang yang telah pun dipindahkan dari mana-mana negara atau negeri oleh kerajaan negara atau negeri itu dan kalau beliau dimasukkan dalam negara ini menjadi imigran yang tidak diingini;
- mana-mana orang yang tidak mempunyai dan memiliki dokumen-dokumen perjalanan yang sah, keluarga dan orang-orang tanggungan seorang imigran larangan; dan akhir sekali
- mana-mana orang atau mana-mana ahli atau kelas orang-orang terhadapnya ataupun suatu perintah yang telah dibuat di bawah Seksyen 9 atau pas atau perhitungannya telah dibatalkan di bawah Seksyen 9 masing-masing atau kepadanya pembatalan tersebut terpakai di bawah Seksyen 9.

Pada masa ini, sebanyak 160,000 orang yang nama mereka ini dimasukkan ke dalam Senarai Syak Jabatan Imigresen Malaysia atas sebab-sebab yang disebutkan di atas tadi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sistem pengawasan terhadap enam orang tahanan ISA di Jabatan Imigresen Malaysia adalah untuk memastikan pengaruh mereka tidak dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang ingin mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman negara ini. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang larangan terhadap orang asing ini. Adakah ia termasuk anggota Jemaah Islamiah yang dituduh mengadakan aktiviti pengeboman di sana sini? Adakah mereka dimasukkan di dalam senarai ini? Yang kedua, saya juga ingin bertanya kenapakah kerajaan juga mengadakan larangan terhadap seorang bekas ahli politik di Taiwan (Chew Mei Feng) yang mana kelakuan sexnya dimasukkan dalam penggambaran pita VCD tanpa kesedarannya. Jadi, apakah sebab kerajaan melarangnya masuk ke Malaysia. Dan ketiga kenapakah tunang Naib Presiden Parti KeADILan Nasional (Mabel Au) dilarang untuk masuk ke Malaysia? Apakah sebab larangan terhadap kesemua orang ini?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, yang pertama sekali dari segi Jemaah Islamiah memang jika terdapat anggota-anggota Jemaah Islamiah yang tersenarai dalam senarai hitam pihak kerajaan, maka mereka dilarang untuk masuk. Tetapi, jika ada sesiapa yang hanya menjadi ahli ataupun ada berkaitan sedikit sebanyak tetapi bukan menjadi orang yang aktif dalam kegiatan-kegiatan subversif ataupun kegiatan menentang kerajaan maka mereka ini dianggap bukan disenaraikan dalam senarai hitam Jabatan Imigresen.

Bagi soalan tambahan yang kedua, seperti yang saya katakan tadi semua orang atau individu yang tersenarai dalam komputer ataupun senarai Jabatan Imigresen yang tidak diberikan kebenaran untuk memasuki negara ini maka mereka tidak boleh memasuki negara ini.

Mengenai subjek Chew Mei Fun, bukan Chew Mei Fun, apa? *[Menghalakan pandangan ke arah Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara]* Minta maaf Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Bukan Chew Mei Fun ini. Chew Mei Feng dari Taiwan ini jika kemasukan beliau atau kehadirannya di Malaysia ini akan menggugat ketenteraman dan keselamatan dalam negeri maka kita tidak boleh membenarkan. Sebab, bila kita sebut tentang keselamatan dan ketenteraman awam, kita bukan hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti subversif ataupun aktiviti-aktiviti penjenayah. Ini merangkumi semua, Yang Berhormat kena tahu. Bukankah? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Samalah, samalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh. Seputeh, ada apa hal ini?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apalah, duduklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan larangan terhadap Mabel Auini tidak harus diadakan.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk, Yang Berhormat. Jangan melenting macam budak sekolah!

Dato' Chor Chee Heung: Dalam jawapan saya juga merangkumi semua bila saya sebut kata semua individu ataupun mana-mana pihak di dalam senarai itu tidak dibenarkan masuk, mesti ada alasannya. Sekian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi kepada Ahli Yang Berhormat bagi Yan.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada atau tidak dan berapakah jumlah orang luar ini yang disenaraikan oleh pihak kementerian ataupun kerajaan sebagai *persona non grata* yang tidak boleh masuk ke negara kita. Berapa pula di kalangan rakyat kita ini yang diisytiharkan oleh negara luar sebagai *persona non grata*, sebab ada di kalangan orang-orang di luar negara ini yang pernah berusaha beberapa kali mendapatkan visa masuk ke Malaysia secara yang *legal* tetapi sampai ke hari ini percubaan-percubaan mereka untuk mendapatkan visa untuk menghadiri majlis-majlis tertentu di Malaysia ini tidak dibenarkan.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai jumlah individu yang telah diklasifikasikan sebagai *persona non grata* itu saya tidak ada maklumat. Jika Yang Berhormat berminat, saya boleh memberi secara bertulis. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan kesan Karnival Jualan Mega terhadap pelancongan negara. Apakah langkah yang akan diambil untuk menjadikan Malaysia sebuah negara destinasi membeli belah.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Karnival Jualan Mega Malaysia dianjurkan sebanyak tiga kali setahun iaitu dalam bulan Mac, Ogos dan Disember sejak tahun 2000. Kesan daripada penganjuran Karnival Jualan Mega dapat dilihat kepada peningkatan jumlah ketibaan pelancong pada bulan Mac, Ogos dan Disember berbanding dengan bulan-bulan sebelum dan selepas penganjuran karnival tersebut.

Misalnya pada Mac 2002, jumlah ketibaan pelancong adalah seramai 1,272,000 berbanding dengan 968,000 pada bulan Februari 2002 iaitu peningkatan sebanyak 31.4%. Jumlah kedatangan pelancong pada Mac 2002 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 15.1% jika dibandingkan dengan April 2002 yang berjumlah 1,106,000 orang.

Senario yang sama dapat dilihat pada Ogos 2002 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2.5% berbanding dengan Julai 2002 peningkatan sebanyak 13.1% berbanding dengan September 2002. Manakala pada Disember 2002 jumlah ketibaan yang dicatatkan ialah melebihi 18.2% berbanding jumlah ketibaan pada bulan November. Dari segi perbelanjaan pelancong, komponen beli-belah juga telah menunjukkan peningkatan daripada RM25.8 bilion perbelanjaan pelancong yang direkodkan pada tahun 2002 sebanyak RM5.3 bilion adalah daripada komponen beli-belah dengan peningkatan sebanyak 1.9%. Pada tahun 2001 komponen beli-belah adalah sebanyak RM5.1 bilion. Ini merupakan komponen kedua terbesar perbelanjaan pelancong di Malaysia selepas perbelanjaan penginapan.

Langkah-langkah lain yang akan diambil oleh kementerian ini untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membeli-belah pertamanya ialah meningkatkan lagi usaha-usaha membuat, mendapatkan tempat atau ruang publisiti dan promosi di pasaran-pasaran utama yang telah dikenal pasti. Ini termasuklah kempen pengiklanan melalui akhbar-akhbar utama, stesen-stesen televisyen serta radio dan pendedaran risalah mengenai beli-belah di pejabat-pejabat *tourism* Malaysia di luar negara.

Yang kedua, bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan di luar negara untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan yang bercirikan beli-belah dengan mengaturkan lawatan ke kawasan beli-belah utama seperti Lembah Kelang, Pulau Pinang, Johor Bahru dan bandar-bandar lain.

Yang ketiga, mengadakan promosi di pameran pelancongan utama di luar negara seperti *World Travel Mate London*, ITB di German dan juga melalui misi jualan ke negara-negara tertentu dan *convention*, mesyuarat serta pameran bertaraf antarabangsa, sekian.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada Kementerian kerana mengadakan pendekatan sebegini untuk menarik pelancong. Memang hajatnya musim-musim '*mega sales*' ini bertambah di sekitar bandar raya kita. Kalau kita lihat, Malaysia bukan satu-satunya negara yang mempromosikan negaranya melalui tarikan membeli-belah. Soalan tambahan saya, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk menentukan bahawa kualiti '*mega sales*' ini berkekalan dan ianya tidak dieksploitasikan oleh anggota-anggota besar dan peniaga-peniaga hingga menjadikan daya tarikan dan daya saing kita dengan negara-negara lain yang juga mengadakan promosi yang sama dapat kita kekalkan, apakah langkah-langkahnya.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai satu pusat membeli-belah yang terkenal di antarabangsa memang telah berjaya ke suatu tahap di mana pelancong-pelancong kini tahu bahawa Malaysia sentiasa mengadakan karnival tersebut. Kementerian juga sentiasa mengawasi aktiviti *mega sales* ini supaya kedai-kedai dan pusat membeli-belah menjual barangan mereka dengan harga yang berpatutan dan tidak menipu para pelancong. Ini adalah bertujuan untuk menjaga imej Malaysia sebagai satu pusat belah-belah yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati ada sedikit percanggahan Tuan Yang di-Pertua, di antara dua buah kementerian iaitu Kementerian Pelancongan dan khususnya Kementerian Penerangan. Pertamanya, Kementerian Pelancongan mempromosi pelancongan untuk datang ke Malaysia dengan berbagai-bagai karnival yang sehingga ini telah mendatangkan

kesan positif daripada itu. Sementara Kementerian Penerangan pula kita lihat menyangkan tidak henti-hentinya hingga kepada kekerapan yang sangat memuakan tentang gerakan-gerakan pengganas yang kononnya pengganas-pengganas yang melibatkan pejuang-pejuang Islam seperti Jemaah Islamiah sama ada di Indonesia atau di mana-mana juga. Tidakkah ini bercanggah di antara dua kementerian ini? Yang satu mempromosi dan yang satu lagi menakut-nakutkan. Tujuan menakut-nakutkan antara lainnya untuk menyamakan di antara gerakan-gerakan tersebut dengan Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Yang kedua, antara *inter-ministerial advisory* kalau dapat dibuatkan Kementerian Pelancongan mengambil daya utama, kalau dapat minta Kementerian Penerangan *tone down* sedikit, tentang pemaparan aktiviti-aktiviti keganasan khususnya yang melibatkan pejuang-pejuang Islam di seluruh dunia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:bagi menarik pelancong datang ke Malaysia ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang kedua, penerangan tidak kena, ambil yang pertama Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lihat ada apa-apa percanggahan di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Penerangan dan kementerian saya. Itu cuma soalan yang berbau politik. Apa yang diperbuat oleh Kementerian Penerangan memang betul untuk memberi gambaran yang sebenar yang berlaku di negara kita tetapi apa yang sebenarnya yang menakutkan pelancong ialah tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri PAS di Terengganu yang sengaja mensyaratkan supaya kita memerlukan pemandu pelancong yang berasingan untuk wanita dan lelaki. Itu yang menakutkan pelancong, jadi jangan buat soalan yang berbau politik. Sekian terima kasih.

6. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Kesihatan menyatakan secara terperinci kaedah dan perancangan "Program Keselamatan Makanan" yang akan dan telah dilaksanakan untuk memastikan makanan import dan tempatan selamat untuk dimakan di negara ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, Program Keselamatan Makanan yang komprehensif bagi memastikan keselamatan makanan di negara ini telah dirangka berasaskan Pelan Tindakan Kebangsaan, *National Work Plan* dan perlaksanaannya juga dipanjangkan kepada pihak berkuasa tempatan. Aktiviti-aktiviti di bawah ini merangkumi:

- Pensampelan-pensampelan makanan domestik, import dan eksport untuk mengenal pasti tahap pencemaran mikrobiologi, kimia dan benda asing.
- Pemeriksaan premis makanan termasuk penggedan dan penutupan.
- Penggubalan perundangan, kod amali dan garis panduan makanan.
- Penguatkuasaan perundangan makanan.
- Penerapan program jaminan kualiti termasuk *Hazard Analysis Critical Control Point* oleh industri makanan.
- Pembangunan perkhidmatan makmal.
- Penerapan *information communication technology*.
- *Codex*, Perjanjian Sanitary dan Phytosanitary, Perjanjian Teknikal *Barrier to Trade* di bawah *World Trade Organisation*.

- *Collaboration* dan kerjasama antara agensi di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Pendidikan *consumer*.
- Pembangunan dan Penyelidikan (R&D).

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri Kesihatan. Program keselamatan makanan ini termasuklah supaya orang ramai tidak selalu terpengaruh dengan ubat-ubat yang mendatangkan kekuatan?

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebut tentang kuat ini, dia memang menarik jadi oleh sebab orang ramai rakyat kita di negara ini tertarik dengan benda yang boleh jadi kuat.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*] Contohnya, contohnya..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Contoh, contohnya macam Tongkat Ali...

Seorang Ahli: Kacip Fatimah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kacip Fatimah apa lagi, *viagra*, kemudian ini, kopi merah. Apa lagi, ginseng....Menteri lagi pandailah pasal ini. Lagi orang Cina lagi banyaklah benda yang boleh jadi kuat.

Jadi, oleh kerana ramai yang terpengaruh dengan benda yang boleh mendatangkan kekuatan

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan bertambah riuh*] Susu Harimau.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa? [*Disampuk*] Susu harimau? Saya pun tidak pernah dengar, susu harimau orang makan, ya. Jadi, betulkah benda-benda ini boleh jadi kuat? Itu satu.

Jangan rakyat ramai yang terpengaruh dan akhirnya terjebak kepada bahan-bahan yang boleh merosakkan kesihatan. Jadi, di warung-warung saya tengok dan di mana-mana sahaja, jenama-jenama yang boleh menarik perhatian ini digunakan. Bagaimanakah tindakan Kementerian Kesihatan, yang memang telah berjaya mengawal SARS ini saya memang pujilah Menteri Kesihatan kita ini, seorang Menteri yang memang bekerja kuat. Saya ingat dia boleh kekal terus sebagai Menteri Kesihatan kalau saya Perdana Menteri, [*Ketawa*] *you* memang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Yalah, maklumlah dia orang Johor, sahabat baik saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: tetapi hospital untuk kawasan saya dia tidak bagi juga. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Jadi macam mana Yang Berhormat Menteri?

Datuk Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Seri Gading dan terima kasih atas perkataan manis tadi. Oleh sebab itu, selepas ini saya akan memberi hadiah kepada Yang Berhormat bahan-bahan yang boleh menguatkan, [*Ketawa*] apa yang disukai oleh Yang Berhormat bagi Seri Gading. [*Ketawa*] Tetapi apa yang dikatakan tadi adalah benar. Saya risau mengenai tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh banyak pihak yang tidak bertanggungjawab atau tidak bermoral.

Mereka mendakwa bahan-bahan tersebut boleh mengubati penyakit mati pucuk ... Saya cakap terus-terang, ada juga yang mengatakan bahawa ia boleh mengubati barah, SARS pun ada, penyakit-penyakit tertentu yang ditakuti oleh manusia di negara ini.

Oleh sebab itu, kita sudah mulakan sejak lama dahulu, pendaftaran ubat-ubatan, khasnya ubat-ubat herba, jamu dan lain-lain lagi sebagaimana yang dituntut atau yang dibuat itu tidak boleh dibuat sesuka hati. Tetapi tuntutan atau kenyataan yang dibuat seperti itu perlu diluluskan oleh Kementerian Kesihatan melalui *Drug Control Authority Malaysia*. Hanya tuntutan-tuntutan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan sahaja boleh dipamer atau dipaparkan atau *roadcast* kepada orang ramai. Kalau tidak ia adalah merupakan satu kesalahan.

Pada masa ini kita juga mengenakan syarat-syarat pelabelan bagi makanan. Kita ada makanan yang dikatakan '*low-cholesterol*', 'telur ini tiada kolesterol', ada makanan yang boleh menguatkan, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tetapi kalau ia tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan, pada satu masa nanti ia akan menjadi satu kesalahan. Oleh kerana berlaku keadaan seperti itu, kita tidak mahu rakyat kita terjebak dengan tuntutan-tuntutan yang tidak berasas yang dibuat oleh pedagang-pedagang ataupun pengedar-pengedar. Saya memberi jaminan di sini bahawa semua usaha telah dijalankan termasuk langkah-langkah perundangan telah disiapkan juga supaya masalah yang dikatakan itu tidak merebak di negara kita.

Yang paling mustahak ialah pendidikan konsumen. Kita berharap dengan pelabelan yang diwajibkan dan tuntutan-tuntutan yang perlu diluluskan oleh Kementerian Kesihatan ini, akan secara langsung memberikan pendidikan kepada rakyat kita – dia boleh baca label itu, dan kita akan menjalankan kempen-kempen pendidikan terhadap keperluan untuk rakyat kita, konsumen kita, membaca label-label yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya ada dua perkara, pertama sekali, melihat kepada import makanan terlalu banyak daripada luar. Bagaimana kalau negara kita ini terlibat dengan keadaan-keadaan yang tidak baik, sebagaimana yang berlaku di Iraq misalnya, di mana makanan tidak cukup dan peperangan pula berlaku. Barangkali negara ini kalau dua hari peperangan, rakyat kita akan kelaparan.

Ada dua perkara lain yang saya hendak sebut di sini, iaitu dalam program keselamatan makanan. Pertama mengenai mutu makanan itu sendiri di mana saya yang tinggal di kawasan Pasir Mas, saya melihat makanan-makanan yang dibawa daripada Thailand, mutu makanannya adalah terlalu rendah dan seolah-olah tidak ada pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian. Apatah lagi makanan-makanan yang melibatkan kanak-kanak sekolah adalah tidak bermutu dan mempunyai unsur-unsur yang tidak baik, kerana makanan itu kalau dicampak ke tanah, rumput itu 'mampus', mati rumput itu. *[Ketawa]* Bagaimana kalau kanak-kanak sekolah memakannya? Jadi, mutu makanan itu sendiri.

Yang kedua pula, sama ada halal ataupun haram – dari segi halal ataupun haram, kerana kita tahu bahawa negara kita ini adalah Negara Islam, dan semestinyalah bila Negara Islam ini rakyatnya berpegang kepada makan dan minumannya, boleh ataupun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: dan sejauh manakah pemantauan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang kedua, apakah langkah-langkah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit sahaja

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu sudah dua pun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: ... langkah-langkah penguatkuasaan kepada mereka yang melanggar peraturan-peraturan ini dan sejauh manakah yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Yang pertama, mengenai keselamatan makanan, iaitu bekalan yang mencukupi bagi rakyat kita. Ini memang diberi tumpuan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertanian kita. Saya pernah dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di dalam satu seminar antarabangsa mengenai ICT dalam zaman informasi dan pengetahuan dan sekarang kita ingin memasuki ke dalam era teknologi-teknologi tinggi ini dan kita telah berjaya juga dalam usaha kita.

Tetapi dalam satu soalan yang diutarakan oleh seorang peserta daripada Barat yang mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang mengatakan bahawa dahulunya Malaysia adalah sebuah negara pertanian. Selepas itu kita memasuki pula zaman perindustrian dengan berjaya. Kemudian kita memasuki pula ke dalam zaman ICT dan sekarang zaman bioteknologi. Apakah visi Yang Amat Berhormat untuk masa hadapan?

Jawapan Yang Amat Berhormat amat jelas. Dia kata, "Saya akan kembali kepada zaman pertanian". Ini mustahak oleh sebab Malaysia menghadapi persaingan hebat di dunia, khususnya daripada negara-negara di mana kos buruh dan kos pengendalian operasi adalah lebih murah daripada Malaysia tetapi kita ada satu kelebihan iaitu kita ada tanah yang luas, kita ada petani, termasuk di Kelantan, Terengganu dan di negeri-negeri lain dan kita boleh memajukan bidang pertanian.

Umpamanya di negara China, walaupun pada masa ini mereka mengalami pertumbuhan ekonomi yang pantas tetapi mereka menghadapi kekurangan sumbangan daripada sektor pertanian di mana pertumbuhannya kalau tidak salah, adalah sifar. China ada 1.3 bilion penduduk, mereka memerlukan makanan yang selamat, yang bermutu tinggi, seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Kita bersedia bukan sahaja untuk membekalkan makanan yang mencukupi untuk rakyat kita tetapi juga dapat kita mengeksport ke negara-negara lain, termasuk ke negara China.

Mengenai mutu makanan, kita sentiasa mengambil berat mengenai perkara ini. Umpamanya, pada tahun lalu, bilangan sampel yang diambil oleh Bahagian Kawalan Mutu Makanan di bawah Kementerian Kesihatan, jumlah sampel yang diambil untuk dibuat analisis di dalam makmal kita adalah sebanyak 32,752 sampel – begitu banyak, dan daripada ujian yang telah dijalankan di makmal, kita dapati 5,731 sampel telah melanggar peraturan-peraturan makanan. Banyak tindakan telah diambil termasuk jumlah rampasan yang agak banyak, kes-kes yang dibawa ke mahkamah, penutupan premis juga dijalankan dan lain-lain langkah yang telah diambil.

Saya hendak memberikan *assurance* kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas bahawa Kementerian Kesihatan akan meneruskan usaha kita untuk mempertingkatkan pendidikan, termasuk penguatkuasaan yang lebih meluas supaya kita mendapat makanan yang selamat di Malaysia.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, sudah.

7. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar kementerian telah menolak permohonan kelulusan pemindahan SRJK(C) Chung Hwa 2 dari Jalan New Ferri ke Taman Bagan Butterworth.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Komen saya Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ceria hari ini dan tidak *moody*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah meneliti permohonan perpindahan SRJK(C) Chung Hwa 2 Jalan New Ferri ke Taman Bagan Butterworth dan mendapati terdapat tiga buah SRJK(C) yang sedia ada di dalam lingkungan 5 kilometer dari tapak baru yang dicadangkan. Sekolah berhampiran adalah SRJK(C) Mak Mandin, berada hanya kira-kira 500 meter sahaja daripada tapak baru yang dicadangkan.

Kementerian menasihati pihak sekolah supaya memperbaiki keadaan bangunan sekolah, jika pihak berkenaan ingin kekal di tapak yang asal. Sebaliknya, jika ibu bapa berpandangan bahawa sekolah ini tidak sesuai lagi bagi anak-anak mereka, kementerian menasihati supaya ibu bapa berkenaan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang berdekatan yang lebih sesuai seperti SRJK(C) Chung Hwa 1, SRJK(C) Chung Hwa Pusat dan SRJK(C) Mak Mandin, dan guru-guru juga boleh kita atur untuk dipindahkan ke sekolah-sekolah yang berhampiran. Ini pun jika kita boleh berunding. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan. Bukankah mengikut garis panduan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa setiap taman perumahan baru di mana ada 3,000 hingga 7,5000 penduduk, maka tempat itu perlu ada sebuah sekolah.

Apabila murid-murid berjalan kaki ke sekolah dalam jangka masa 10 minit maka boleh dibenarkan mendirikan sebuah sekolah di sana. Masalah di sini ialah tapak telah disediakan, tapak telah dibeli. Dana pembinaan pun telah dikutip. Cuma sekolah ini meminta ia dibenarkan memindahkan dari tapak yang sedia ada ke tapak baru kerana tapak lama, tuan punya tanah hendak memajukan tapak itu. Ini sahaja kita minta.

Barisan Nasional melaung-laungkan seperti sepanduk sekarang, "50 Tahun Cemerlang Kongsi Kuasa"...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Tidak payahlah itu.

Tuan Lim Hock Seng: Ada yang dapat betis, ada yang dapat paha... [Ketawa] Ini kita cuma minta sedikit, cuma mahu pindah sahaja, pun tidak dapat...

Seorang Ahli: Gigit jari sahaja. Minta jari sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu, sama ada rayuan telah dibuat dan sekiranya rayuan telah dibuat, bolehkah ia dipertimbangkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebenarnya kes ini telah pun dibawa ke beberapa peringkat dan kita juga sedang berbincang. Begitu juga termasuk dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, kita berbincang. Jadi, seperti kita kata, buat masa ini, saya katakan tadi supaya kita menasihati kaum keluarga yang kalaulah dia memberi alasannya ialah bangunan itu tidak selamat. Hari ini Yang Berhormat bangkit mengenai dengan tapak baru itu, mungkin kita akan pertimbangkan. Itu yang saya boleh beri jawapan sebab perkara ini pun sudah lama.

Kalau macam saya katakan tadi, kita menasihati anak-anak tadi buat sementara waktu, kalau dia rasa bangunan itu tidak selamat, sebab kita sudah mempunyai beberapa buah sekolah yang berdekatan. Itu yang saya sebutkan tadi tetapi janganlah Yang Berhormat bangkitkan bahawa bila menjelang pilihan raya ataupun buat berita semasa merdeka, kita hendak beri itu, ini. Memang kita Kerajaan Barisan Nasional, kita sedia mempertimbangkan seperti mana dalam garis panduan kita. Kalau kita rasa perlu kita binakan sekolah, kita bina sekolah.

Malah dahulu juga, kalaulah kita perlukan sekolah wawasan, kita bangukan sekolah wawasan tetapi sebelah pihak Yang Berhormat, bila kita buat sekolah wawasan,

Yang Berhormat pula hentam juga. Jadi, kita pun kadang-kadang pening kepala juga. Jadi, bersabarlah Yang Berhormat. Saya akan bangkit sekali lagi mengenai dengan tapak sekolah ini dan kita terus membincang.

Tetapi buat sementara waktu kalaulah dianggap bangunan itu tidak selamat, sekolah-sekolah yang berdekatan sudah pun ada. Jadi, saya akan bawa perkara ini sekali lagi untuk perbincangan lanjutan. Kalaulah Yang Berhormat kata tapak tadi sudah ada dalam kawasan taman perumahan itu, kita akan bincang dan kita akan buat keputusan. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi mengatakan kita mempunyai sekolah-sekolah yang lain di jarak yang dekat dari sekolah yang kita dipindahkan ini tetapi adakah kementerian akan mengambil kira juga bahawa kepadatan penduduk di kawasan yang berkenaan sudah bertambah dan keperluan atau permintaan *demand* sudah meningkat di kawasan itu, untuk meluluskan pemindahan sekolah ini ke tempat yang memerlukannya. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa, saya sudah jelas dalam jawapan saya mengenai dengan kawasan-kawasan baru yang mana penduduk-penduduknya meminta ataupun sekolah tidak mencukupi, itu kita sedia pertimbangkan.

Jadi, dalam kawasan-kawasan perumahan sekarang ini kita ada, macam tadi disebut, kita ada garis panduan dan kita akan membuat tinjauan dan laporan akan diberi kepada pihak kementerian, kita akan pertimbangkan. Ini, saya kata untuk, macam tadi kita kata kawasan perumahan itu begitu luas dan sudah pun mempunyai sekolah dan jika ia perlukan sekolah ataupun bangunan tambahan dan sekolah tambahan, kita sedia pertimbangkan. Itu bergantung kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

Tidaklah kita mengatakan bahawa *strictly* kalau sekolah ada di tempat itu, terus kita memikirkan sekolah itu tetap berada di situ, semua orang menghantar anak mereka. Kita juga sekarang dalam soal memikirkan bagaimana hendak menjadikan sekolah tadi, sekolah-sekolah yang sudah sedia diadakan kepada satu sesi sahaja, tidak ada pagi dan petang. Juga pertambahan murid, kita tidak mahu sekolah-sekolah itu melebihi, kalau tidak silap sayalah, lebih daripada 1,500 ke atas. Itu begitu besar sekolah itu, sehingga mereka terpaksa mengadakan sesi pagi dan petang. Jadi, tumpuan kita hari ini untuk mengurangkan sekolah-sekolah dua sesi ini supaya dijadikan satu sesi, seperti biasa. Terima kasih.

8. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bilakah projek pembinaan jambatan di Batang Rejang akan siap; dan
- (b) apakah tindakan berkesan yang diambil agar projek ini dapat disiapkan tanpa tundaan lagi.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Datuk Robert Lau Hoi Chew dari Sibu memandangkan isu atau persoalan yang dibangkitkan adalah sama....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin: ...berkaitan dengan projek ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemajuan projek pembinaan jambatan Sungai Batang Rejang ini ialah sebanyak 73%. Sejak Jun 2003, kemajuan projek ini tidak memuaskan akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Mulai dari Ogos 2003, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya telah mengambil alih penyeliaan projek pembinaan jambatan Sungai Batang Rejang ini.

Pihak Jabatan Kerja Raya kini sedang dalam proses menilai semula pelan terperinci pemulihan pelaksanaan projek tersebut dan telah menempatkan seorang jurutera di tapak pembinaan untuk memantau pelaksanaan projek bagi memastikan projek ini dapat

disiapkan dalam tahun 2004. Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya juga adalah dalam proses menimbang dan menilai tuntutan yang dikemukakan oleh pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan sama ada kerja simen yang tidak menetapi spesifikasi, kerja-kerja simen tersebut telah dibuat semula seperti yang tertera di dalam kontrak.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun jawapan itu pendek tetapi jelas. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, pembangunan jambatan menyeberangi Sungai Rejang di Durin, Sibul seperti satu skandal sekarang kerana sudah ditunda begitu lama. Saya kurang faham iaitu siapa *engineer* yang *checks cement grade*? Tentang gred simen ini, saya ada terima maklumat iaitu dia pakai simen gred 25. Ini digunakan hanya untuk membina rumah biasa sahaja. Ini adalah satu masalah yang saya fikir JKR perlu beri perhatian dengan lebih berat. Nanti bangunan itu belum siap, ia sudah runtuh. *[Disampuk] [Tepuk]*

Apakah sebabnya ini boleh berlaku? *How can this happen?* Dengan izin. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata jambatan ini akan disiapkan pada akhir tahun ini. Pastikah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ini di luar jangkaan. Jangan kata, ini akan disiapkan akhir tahun 2004, saya fikir tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Bagilah jawapan yang sedikit realistik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Yang Berhormat, tidak percayakah? *[Ketawa]* Seperti yang telah saya katakan tadi mengenai simen, kita telah pun menentukan supaya kerja-kerja simen tersebut dibuat semula. Saya telah pun juga menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa bermula dari bulan Ogos tahun ini, pengawasan kerja-kerja ini diambil alih oleh JKR Pusat, tidak lagi di bawah JKR Negeri.

Saya juga ingin maklumkan sebagaimana yang telah kita jawab sebelum daripada ini dan saya ucapkan terima kasih kerana sememangnya tidak dinafikan bahawa Yang Berhormat bagi Lanang dan Yang Berhormat bagi Sibul mengambil berat mengenai pembinaan jambatan ini kerana pada setiap sesi ada sahaja soalan mengenai jambatan ini dan semasa menjawab pada 11 Mac tahun ini, saya telah menyatakan bahawa pihak kontraktor mengasaskan, bahawa projek ini akan siap pada 31 Mei 2004. Tidak pernah kita menjawab bahawa kita akan menyiapkannya pada tahun ini.

Jadi, Yang Berhormat, jawapannya ialah pada 31 Mei 2004 ianya disasarkan untuk siap dan itulah tarikh yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat, bukan akhir tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan bagi Pertanyaan Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM KUALA LUMPUR) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [4 September 2003]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kalau tidak ada yang berdiri, saya minta menteri menjawab. Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Selepas ini menteri menjawab ya.

11.05 pagi.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana telah membuat satu keputusan yang berwawasan iaitu meluluskan cadangan demutualisasi dan penyenaian Bursa Saham Kuala Lumpur.

Perubahan struktur BSKL selepas demutualisasi dan penyenaian akan memberi peluang kepada orang ramai untuk turut menikmati keuntungan daripada aktiviti-aktiviti BSKL. Pada pendapat saya, ini merupakan salah satu cara yang baik untuk mengagihkan kekayaan negara untuk dikongsi bersama oleh lebih ramai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengurus dan mentadbirkan sebuah organisasi senaraian awam bukanlah satu tugas yang mudah. Lebih-lebih lagi pada ketika keseluruhan dunia sedang berdepan dengan masalah kelembapan ekonomi. Sungguhpun demikian, saya percaya dengan pengalaman dan kemahiran yang telah dikumpulkan pada tahun-tahun yang lepas, BSKL akan dapat meneruskan dan mempertingkatkan kecemerlangannya pada masa-masa yang akan datang.

Malaysia kini sudah mempunyai syarikat-syarikat senaraian awam yang meyakinkan para pelabur dari dalam dan luar negara seperti Maybank Berhad, Public Bank Berhad dan YTL Corporation. Saya percaya adalah menjadi harapan seluruh rakyat Malaysia agar BSKL yang bakal disenaraikan juga akan muncul sebagai sebuah syarikat senaraian awam yang menjanjikan pulangan pelaburan yang lumayan kepada para pemegang sahamnya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan perlu sedar bahawa BSKL yang akan disenaraikan tetap merupakan satu-satunya bursa saham di negara ini. Oleh itu, kerajaan perlu menyusun strategi yang sewajarnya untuk memastikan operasi BSKL tidak mendatangkan risiko yang tinggi sehingga menjejaskan perkembangan pasaran modal tempatan dan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Pada masa yang sama, kita juga perlu sedar bahawa campur tangan kerajaan yang keterlaluan dalam urusan BSKL yang telah didemutualisasikan boleh menjejaskan keyakinan para pelabur terhadap kebebasan BSKL. Adalah menjadi satu cabaran kepada pihak berkuasa untuk mencari satu titik keseimbangan di antara dua objektif ini.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada demutualisasinya aktiviti-aktiviti BSKL akan tertakluk kepada pengawalan dan pemantauan Suruhanjaya Sekuriti. Saya berharap pengawalan dan pemantauan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti ini akan menjadikan BSKL lebih efisien dalam semua aspek urusan dan pentadbiran dan sekali gus menjadikan BSKL

sebuah organisasi komersial yang mempunyai daya saing yang disegani di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini semakin ramai rakyat Malaysia telah menyedari bahawa menyimpan wang di bank-bank negara atau bank-bank swasta dengan cara simpanan tetap tidak lagi mendatangkan pulangan yang memuaskan. Lantaran daripada itu, semakin ramai rakyat Malaysia telah beralih kepada pasaran saham atau *unit trust* untuk mengumpul kekayaan. Terdapat ramai rakyat Malaysia telah melabur dalam saham syarikat-syarikat senaraian awam dan *unit trust* sebagai simpanan untuk hari tua.

Walaupun semua orang tahu bahawa risiko pelaburan dalam pasaran saham dan *unit trust* tidak dapat dihapuskan 100%, pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti mempunyai tanggungjawab untuk mengurangkan risiko para pemegang saham syarikat-syarikat senaraian awam tersebut. Dalam soal ini, saya berharap Suruhanjaya Sekuriti dapat terus memberi penekanan kepada isu tadbir urus korporat serta mempergiatkan lagi pendidikan kepada pengarah-pengarah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemajuan yang dicapai dalam bidang penjagaan kesihatan dan perubatan, manusia secara amnya telah dapat hidup dengan lebih lama. Fenomena ini juga telah dapat dilihat di Malaysia. Ini bermakna, bilangan warga tua di negara kita akan semakin bertambah. Kerajaan perlu bertindak mulai sekarang untuk memastikan bahawa bilangan warga tua yang ramai tidak menjadi satu beban kepada negara dan juga tidak membawa masalah-masalah sosial sampingan.

Salah satu tugas penting kerajaan berhubung dengan isu ini ialah memastikan syarikat-syarikat senaraian awam dan syarikat *unit trust* ditadbirkan oleh pengarah-pengarah yang bertanggungjawab dan diuruskan dengan telus. Ini akan menjamin nilai saham syarikat-syarikat senaraian awam dan *unit trust*. Para pemegang saham syarikat-syarikat senaraian awam akan dapat menjual saham-saham mereka apabila tua nanti untuk mendapatkan wang bagi menanggung perbelanjaan hidup selepas persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar para pengarah syarikat-syarikat senaraian awam dapat mengurus dan mentadbir syarikat masing-masing dengan cekap bagi memaksimumkan nilai para pemegang saham. Para pengarah syarikat-syarikat senaraian awam perlu tahu bahawa pelaburan dalam pasaran saham pada masa sekarang bukan lagi semata-mata satu perbuatan spekulasi untuk mengumpul kekayaan dalam masa yang singkat. Ini kemungkinan akan menjadikan pasaran saham awam macam satu perjudian atau kasino sebab itu kita mesti mengelakkan perbuatan spekulasi.

Ramai pemegang saham sebenarnya melabur dengan satu harapan supaya nilai sahamnya akan bertambah secara berterusan seiringan dengan pertumbuhan syarikat. Sebagai membalas keyakinan para pelabur terhadap pasaran saham, para pengarah syarikat-syarikat senaraian awam tidak harus melakukan sesuatu yang boleh mengecewakan para pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru pihak kerajaan supaya memantau pertumbuhan profesion Jururunding Kewangan (*Financial Consultant*) atau Perancang Kewangan (*Financial Planner*) dengan izin, di negara ini. Sepanjang pengamatan saya, semakin ramai rakyat Malaysia telah mendapatkan perkhidmatan daripada individu-individu yang menggelarkan diri mereka sebagai Jururunding Kewangan atau Perancang Kewangan.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jururunding atau Perancang Kewangan ini termasuklah perancangan kewangan untuk hari tua. Ini merupakan satu tanggungjawab yang berat dan memerlukan kepakaran yang sewajarnya dalam bidang kewangan. Demi kepentingan orang ramai, kerajaan perlu memastikan hanya mereka yang layak sahaja dibenarkan menawarkan perkhidmatan sebagai Jururunding atau Perancang Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada BSKL yang akan disenaraikan dalam proses demutualisasi dan penyenaiaannya dan juga dalam operasinya pada masa akan datang. Saya berharap BSKL yang bakal

disenaraikan bukan sahaja dapat menarik pelaburan tempatan tetapi juga mampu menarik minat pengurus dana asing. Kemungkinan besar bila disenaraikan di senaraian awam, pihak BSKL boleh memperluaskan perdagangan mereka selain daripada selama ini mereka cuma dapat pendapatan daripada kutipan *fee*. Kemungkinan juga mereka dapat memperluaskan lagi kepada sektor IT dan memberikan maklumat-maklumat selain daripada untuk syarikat-syarikat tempatan dan untuk syarikat-syarikat antarabangsa dan dapat mempertingkatkan pendapatan yang lumayan daripada perdagangan, IT dan perkhidmatan maklumat kepada syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi 10 minit kepada Yang Berhormat bagi Tumpat. Selepas itu Timbalan Menteri boleh menjawab.

11.18 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kemurahan hati memberikan saya peluang untuk bercakap secara ringkas di atas perkara perbincangan berkaitan Rang Undang-undang Demutualisasi BSKL 2003. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, demutualisasi ini ialah istilah bahasa Inggeris yang 'dibahasamalaysiakan'. Istilah ibunya ialah '*mutual*' dengan izin dan *mutual* itu Tuan Yang di-Pertua, bermaksud kepentingan dan manfaat yang dikongsi bersama. Jadi demutualisasi bermaksud merungkai dan memberhentikan hubungan *mutual* antara para sektor-sektor yang terlibat dalam dunia pasaran saham.

Jadi ini dari segi maksud awalnya sudah tentulah tidak begitu baik kerana nampak seolah-olah ianya ingin menarik dan menukar keadaan yang ada kepada keadaan yang lain yang tidak mengikut istilahnya memberi keuntungan bersama kepada pihak-pihak yang terlibat.

Secara lebih kasar mengikut undang-undang, kita semua tahu demutualisasi ini adalah suatu tindakan oleh pihak kerajaan untuk menukar status BSKL daripada sebuah syarikat tanpa untung pada dasarnya yang dimiliki bersama oleh mereka, peserta-peserta dalam dunia pasaran saham ini untuk menjadikannya sebuah syarikat awam yang biasa yang mana keuntungan-keuntungan akan diperolehi dan diagih-agihkan kepada pemegang-pemegang saham.

Saya secara ikhlasnya tidak dapat secara jelas melihat sama ada ia semestinya baik untuk negara dan masyarakat, untuk BSKL dan untuk mereka yang terlibat dalam dunia saham ataupun sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dalam dunia pasaran saham ini, pasaran saham yang terbesar di dunia, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dengan izin, *New York Stock Exchange* pada fahaman saya. Mengikut penyelidikan saya tidak merupakan sebuah syarikat awam yang mempunyai pemegang-pemegang saham yang memperolehi keuntungan kepada pemegang-pemegang saham.

Ianya seperti BSKL yang ada pada hari ini, sebuah syarikat *mutual*. Ia sebuah syarikat terbesar tetapi tidak bererti ianya juga baik, skandal yang terbesar dalam dunia pasaran saham hari ini ialah *CEO New York Stock Exchange* telah diluluskan suatu imbuhan sejumlah USD140 juta untuk beliau dan disambung lagi kontraknya selama dua tahun lagi dengan imbuhan-imbuhan yang besar juga berbelas-belas juta Dolar Amerika sebagai gaji pada tiap-tiap tahun dalam dua tahun yang akan datang. Maknanya ia tidaklah semestinya juga satu keadaan yang baik.

Di Benua Asia pula, kita maklum bahawa pasaran saham pertama yang didemutualisasikan ialah Pasaran Saham Singapura pada 1 Disember 1999, kemudian satu lagi pasaran saham di Asia yang dijadikan demutualisasi ialah Pasaran Saham Tokyo yang telah melalui proses demutualisasinya pada 1 November 2001 yang lalu. Jadi Pasaran Saham Kuala Lumpur akan didemutualisasikan mengikut rang undang-undang ini. Tetapi kalau kita bandingkan diri kita dengan London, dengan Tokyo, dengan Singapura dan kita mendengar daripada pihak kerajaan bahawa Pasaran Saham Kuala Lumpur begitu baik keadaannya.

Tetapi saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut kajian *OSK Research* keadaan Pasaran Saham Kuala Lumpur (BSKL) ialah yang terburuk hari ini di seluruh kalangan pasaran-pasaran saham di Asia ini. Ia berkedudukan nombor 11 mengikut keadaan Harga Pasaran *Composite Index "A Year Todate"*. Yang nombor satu paling atas ialah Thailand meningkat 48.5%. Yang kedua NASDAQ *United States of America* (32%). Yang ketiga Taiwan. Yang keempat Filipina. Yang kelima Indonesia, mendahului kita dengan peningkatan 24.5%. Yang keenam Singapura (21.6%), Jerman yang ketujuh, Korea yang "*costly*" yang kelapan, Jepun yang kesembilan dan yang kesepuluh Hong Kong, yang kesebelas barulah BSKL dengan peningkatan hanya 14.8%.

Jadi, ini perbandingan yang membawa kepada kesimpulan mengikut *OSK Market Research* ini keadaan KLCI sekarang Tuan Yang di-Pertua, katanya *remain the least performing market among the Asian "bosses" with year todate gave of just a little under 15%* dan dia membuat kesimpulan bahawa dengan izin, *in fact the boast of the local market performance is among the worst in Asia as compared to gain of between 15% to 49% in other Asian market.*

Jadi ini keadaan yang kita terpaksa akui dan pasaran saham dua hari dalam BSKL makin menurun manakala Pasaran Saham Korea naik dan ini mungkin kita akui disebabkan oleh masalah penularan penyakit SARS bermula semula daripada Singapura. Jadi, inilah keadaannya Tuan Yang di-Pertua. Keadaan kita adalah tidak begitu menonjol dan baik jika dibandingkan dengan pasaran-pasaran saham yang ada.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan ialah pasaran saham kita ini mengikut yang dicadangkan di sini berbeza dengan rang undang-undang yang kita bahaskan dan luluskan sebelum Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini berkaitan dengan Bank Negara, berkaitan dengan Takaful memberi peruntukan penubuhan Majlis Penasihat Syariah.

Saya ingin bertanya kenapakah di bawah rang undang-undang ini tidak diambil kesempatan untuk memasukkan tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah untuk mengawasi perjalanan BSKL supaya BSKL boleh mengawasi syarikat-syarikat yang sekitar 800 yang ada di bawahnya supaya syarikat-syarikat yang dikendalikan dan dipaparkan di Saham BSKL ini adalah syarikat-syarikat yang menepati kehendak-kehendak syariah untuk ditakrifkan oleh BSKL sebagai syarikat-syarikat yang layak untuk ditakrifkan syarikat yang mesra syariah ataupun yang mengikut syariah. Jadi, ini satu perkara yang saya fikir perlu kita beri perhatian dan bertanya kenapa ia tidak dilaksanakan?

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan pihak kerajaan bahawa tugas utama sesebuah bursa saham ialah untuk mengawasi perjalanan pasaran yang melibatkan pertukaran tangan ratusan juta ringgit tiap-tiap hari dan dalam keadaan pasaran yang tinggi, ribuan juta ringgit tiap-tiap hari. Jadi tugas ini amat penting dan ia melibatkan jutaan rakyat Malaysia dan juga rakyat antarabangsa.

Jadi peranan ini walaupun dalam bentuk yang ada ataupun dalam bentuk yang didemutualisasikan mestilah diberikan penekanan dan saya berharap kerajaan tidak mengurangkan pengawasan terhadap BSKL kerana ia akan melibatkan kepentingan jutaan rakyat yang melabur melalui secara langsung ataupun sebagaimana Yang Berhormat bagi Gelang Patah sebut *Unit Trust* ataupun sebagaimana ramai bumiputera terlibat melalui ASN, PNB dan sebagainya atau malah melalui Tabung Haji.

Oleh itu kita tidak mahu melihat pengulangan masalah-masalah yang mana syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL membawa masalah yang besar kepada rakyat terbanyak. Kita tidak perlu bercakap banyak tetapi contoh-contoh syarikat awam seperti KUB yang mempunyai pemegang saham ratusan ribu orang Melayu kebanyakannya yang menjanjikan ratusan orang-orang Melayu akan menjadi jutawan selepas disenaraikan di BSKL tetapi tidak pernah menepati janji-janji kepada orang-orang ini terutamanya orang Melayu khasnya anggota-anggota parti kerajaan. Jadi, ini saya fikir perlu diawasi oleh BSKL dalam apa bentuk keadaan syarikat itu berada sekalipun.

Contoh yang mutakhir ialah tentang BERNAS. Sekali lagi sebuah syarikat awam yang melibatkan pemegang-pemegang saham yang kecil-kecilan, *minority shareholders*

dikuasai oleh *majority controlling shareholders*, pemegang saham yang menguasai syarikat yang sekali lagi mewakili parti-parti kerajaan yang mana yang diutamakan gaji dan kedudukan serta 'laba' untung untuk pemegang-pemegang saham bursa ini tanpa mengira bahawa ia sebenarnya adalah berkaitan dengan masa hadapan ratusan ribu penanam padi di negara ini.

Jadi, ini saya fikir BSKL dalam apa bentuk pun mesti mengambil peranan yang lebih bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa mereka ini, syarikat-syarikat ini tidak dipergunakan oleh pemegang-pemegang saham utama *controlling shareholders*, dengan izin untuk menipu ramai rakyat yang melabur secara ikhlas untuk mencari sedikit keuntungan dan sebagainya tetapi mengalami kerugian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, itulah perkara-perkara yang saya ingin sebutkan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Sila Timbalan Menteri menjawab.

11.30 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Sipitang, Seputeh, Gelang Patah dan juga Terengganu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Oh Tumpat, maaf, yang telah mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003 ini. Saya sangat menghargai cadangan dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mempertingkatkan lagi pembangunan pasaran modal tempatan supaya menjadi pusat pasaran modal yang menarik di rantau dan di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun membangkitkan tentang langkah-langkah dan tarikh pelaksanaan demutualisasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan demutualisasi BSKL dijangka selesai pada awal tahun 2004 tertakluk kepada kelulusan oleh Parlimen ke atas Rang Undang-undang Demutualisasi serta pindaan kepada Undang-undang Sekuriti yang berkaitan. Langkah yang terlibat di dalam pelaksanaan proses demutualisasi ialah mendapat kelulusan Menteri Kewangan untuk mengubah status BSKL daripada satu syarikat awam berhad menurut jaminan kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer.

Mengemukakan permohonan untuk perubahan status ini kepada pendaftar syarikat. Setelah pendaftar berpuas hati dengan permohonan tersebut, pendaftar akan memaklumkan perkara tersebut kepada Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan akan menetapkan tarikh perubahan status BSKL ini melalui perintah yang disiarkan di dalam warta. Selepas itu pendaftar akan menukarkan dengan sewajarnya bukti-bukti pendaftaran bursa dan mengeluarkan suatu sijil perbadanan yang baru yang menentukan perubahan bursa daripada satu syarikat awam berhad menurut jaminan kepada satu syarikat awam berhad menurut syer.

Menteri perlu menamakan satu anak syarikat milik penuh bursa sebagai syarikat prima pindaan dan menetapkan tarikh menetapkan had di mana ke semua harta, hak dan liabiliti sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri akan berpindah kepada dan terletak hak kepada syarikat penerima pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut statistik yang diberikan oleh *World Federation of Exchanges* dengan izin, sebanyak 50% daripada 59 ahli-ahlinya adalah terdiri daripada bursa-bursa saham yang telah demutualisasikan. Antara bursa terawal yang demutualisasikan adalah *Stockholm Exchange* dan *Deutsche Borse AG* iaitu pada tahun 1992. Sementara yang terbaru adalah *Tokyo Stock Exchange*

pada 2000. Bagi rantau Asia pula, bursa-bursa yang telah demutualisasikan termasuk *Tokyo Exchange, Osaka Securities Exchange, Singapore Exchange* dan *Hong Kong Exchanges and Clearing*.

Yang Berhormat bagi Tambun juga telah meminta penjelasan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh bursa-bursa yang telah melaksanakan proses demutualisasi dan bagaimana Malaysia mempelajari dan menanganinya sekiranya berhadapan dengan masalah yang sama. Satu isu yang paling kerap dibangkitkan ialah mengenai wujudnya percanggahan di antara kepentingan bursa saham yang demutualisasi sebagai suatu entiti komersial dengan tanggungjawabnya sebagai suatu utiliti awam untuk menjaga kepentingan awam.

Isu yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Dalam konteks demutualisasi di Malaysia, konflik kepentingan tersebut ditangani dengan menyerap perkembangan kepentingan awam di dalam struktur korporat BSKL yang baru. Ini akan dilaksanakan dengan memperkenalkan konsep pengarah berkepentingan awam yang akan dilantik oleh Menteri dan mereka bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan awam dalam melaksanakan polisi-polisi BSKL. Pengarah berkepentingan awam ini akan membentuk 1/3 daripada Lembaga Pengarah.

Di samping itu, kemungkinan konflik kepentingan juga dapat dikurangkan dengan mengenal pasti dan mengubahsuai tanggungjawab yang dijalankan oleh SC dan BSKL setelah BSKL menjadi satu utiliti awam. Sebagai mengawal kawal selia *statutory*, tanggungjawab SC termasuk menguatkuasakan undang-undang dan mengawal selia secara langsung ke atas bursa dan unit-unit perniagaan bursa manakala BSKL pula sebagai penyelenggara pasaran, bertanggungjawab untuk memastikan pasaran yang adil dan teratur melalui penguatkuasaan kaedah-kaedah dan memastikan semua keperluan infrastruktur bursa saham adalah sempurna.

Masalah-masalah yang telah dihadapi di negara lain selepas demutualisasi tidak berkait secara langsung dengan kelebihan demutualisasi. Demutualisasi mengetengahkan konsep perniagaan yang berbeza daripada yang dipraktikkan sebelum ini iaitu dalam memberi penekanan terhadap kepentingan semua peserta pasaran. Semasa sesebuah pasaran itu telah melalui proses demutualisasi, apa yang penting ialah usaha untuk menarik pelabur-pelabur portfolio supaya demutualisasi menjadi lebih kompetitif dan perlu menyeragamkan tindakan mereka selaras dengan keperluan pelanggan. Demutualisasi di BSKL akan menjadi pemangkin kepada proses perubahan untuk lebih peka kepada keperluan pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan hal Malaysia terikut-ikut dengan jejak langkah negara-negara lain terutama sekali Singapura dan Australia di dalam membuat sebarang keputusan untuk melaksanakan proses demutualisasi. Saya ingin menekankan di sini bahawa kita sebenarnya bukanlah mengikut gerak langkah negara lain. Sebenarnya strategi konsolidasi institusi pasaran modal kita telah bermula sejak tahun 1998 apabila kita mula menggabungkan bursa-bursa di Malaysia di bawah naungan satu kumpulan syarikat di mana BSKL telah mengambil alih KLOFFE pada tahun 1999.

Pada tahun 2001, BSKL telah menggabungkan dengan KLOFFE dan COMEX serta pada tahun 2002 BSKL telah mengambil alih MASDEC. Malaysia juga telah melancarkan Pelan Induk Pasaran Modal atau CNP untuk jangka masa sepuluh tahun mulai tahun 2001.

CMP menggariskan objektif dan cadangan untuk meningkatkan lagi daya saing pasaran modal Malaysia. Salah satu cadangan tersebut adalah demutualisasi bursa saham. Inisiatif ini adalah sambungan kepada proses pemodenan pasaran modal negara.

Keputusan demutualisasi dibuat setelah kajian dan terperinci dan menyeluruh telah dijalankan oleh pihak pengurusan BSKL dengan satu konsortium penasihat yang telah dilantik oleh BSKL. Ia juga melibatkan proses perundingan bersama SC serta bancia yang melibatkan lebih daripada 100 peserta pasaran dan badan-badan yang terlibat di dalam pasaran modal seperti pelabur-pelabur tempatan dan asing, penasihat-penasihat kewangan, badan-badan berkanun, broker-broker saham dan lain-lain.

Dengan lain perkataan, strategi yang dirumuskan adalah berdasarkan kepada keperluan untuk mempertingkatkan keupayaan pasaran modal Malaysia supaya lebih efisien dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun membangkitkan kesan kepada pasaran saham sekiranya harga saham BSKL sendiri jatuh apabila ia disenaraikan. Saya ingin tegaskan di sini bahawa setelah BSKL disenaraikan, kedudukannya adalah sama seperti syarikat-syarikat tersenarai yang lain di mana tarikan pelabur dan peserta pasaran adalah berdasarkan kemampuan memberi pulangan yang baik. Pulangan ini akan diukur berdasarkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh BSKL sendiri.

Oleh itu turun naiknya bursa saham BSKL tidak akan menjejaskan keyakinan pelabur ke atas pasaran dan saham syarikat tersenarai yang lain. Contohnya walaupun indeks komposisi BSKL turun, banyak juga saham yang mengalami kenaikan harga ataupun indeks-indeks BSKL lain juga naik. Malah hubung kait di antara prestasi pasaran dan peningkatan atau penurunan harga saham di bursa saham lain yang disenaraikan adalah kecil berdasarkan kepada pengalaman di Singapura, Hong Kong, Australia, Eropah dan United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan bahawa rang undang-undang tidak memperuntukkan sekatan untuk menghalang mana-mana menguasai kepentingan terbesar dalam bursa. Saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Demutualisasi memang tidak mempunyai peruntukan sekatan tersebut tetapi peruntukan mengenainya dicadangkan di Rang Undang-undang Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003 yang akan dibentangkan selepas ini.

Di bawah peruntukan tersebut, seseorang tidak boleh memperoleh lebih 5% daripada saham BSKL tanpa mendapat kelulusan bertulis Menteri Kewangan. Di samping itu, syarikat berpegangan besar juga tidak boleh mengurangkan pegangan sahamnya di dalam mana-mana bursa dan unit-unit perniagaan yang lain di bawah 75% tanpa mendapat kelulusan menteri terlebih dahulu.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan supaya pelantikan pengarah mestilah di kalangan mereka yang sesuai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pengarah kepentingan awam akan dibuat secara terus oleh menteri tanpa melalui jawatankuasa pencalonan bagi lembaga syarikat pegangan bursa. Dari segi kedudukan setiap pengarah kepentingan awam akan mendapat semua hak keistimewaan dan kewajipan seperti pengarah-pengarah yang lain. Bagi pengarah selain dari pengarah kepentingan awam, persetujuan SC diperlukan sebelum mereka menerima pelantikan atau dipilih sebagai pengarah.

Walau bagaimanapun, budi bicara SC dalam membuat keputusan adalah berdasarkan satu senarai kriteria yang telus termasuklah sama ada seseorang itu adalah individu yang bankrap, yang masih belum dilepaskan atau telah disabitkan dengan suatu kesalahan melibatkan *fraud* atau ketidakjujuran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan aktiviti dagangan sekuriti yang dimonopolikan oleh BSKL boleh menimbulkan kesan negatif. Saya ingin menegaskan bahawa isu monopoli telah ditangani dengan mewujudkan pertimbangan kepentingan awam di dalam bursa yang demutualisasikan sebagai suatu utiliti awam yang strategik. Dalam hubungan ini peranan kerajaan amat penting untuk memastikan keseimbangan di antara kepentingan BSKL sebagai entiti komersial dengan tanggungjawab untuk menjaga kepentingan awam.

Sungguhpun begitu, bursa yang demutualisasikan perlu diberi fleksibiliti secukupnya untuk beroperasi sebagai entiti komersial. SC akan memastikan bahawa pengarah yang dicalonkan oleh pemegang saham dan pengarah bebas adalah seorang yang layak dan sesuai. Kriteria kelayakan diperuntukkan di bawah Seksyen 8D(4) Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang ingin mendapatkan penjelasan mengenai saiz yang hendak dicapai oleh BSKL dan langkah-langkah yang diambil untuk membolehkan lebih banyak syarikat disenaraikan di BSKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembentukan BSKL adalah bertujuan untuk menyediakan prasarana untuk membolehkan sektor swasta menjana dan menggembleng model terutama sekali syarikat-syarikat tempatan. Ini secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pengagihan kekayaan di negara ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

BSKL sentiasa berusaha untuk menarik seberapa banyak syarikat di Malaysia disenaraikan sekiranya mereka layak dan memenuhi peraturan-peraturan berkaitan penyenaiaan syarikat yang sedia ada. Oleh itu, saiz pasaran akan bergantung kepada jumlah saham yang diterbitkan oleh semua syarikat tersenarai dan juga harga saham-saham yang tersebut.

Bagi tujuan tersebut, BSKL telah memperkenalkan pelbagai langkah menarik lebih banyak syarikat Malaysia untuk mendapatkan modal dan kewangan daripada pasaran saham. Matlamat yang penting ialah membentuk pasaran yang memenuhi keperluan syarikat-syarikat dan juga para pelabur. Pada masa ini terdapat tiga jenis pasaran yang dikendalikan oleh BSKL iaitu Papan Utama untuk syarikat yang mempunyai modal yang besar, Papan Yang Kedua untuk syarikat yang mempunyai modal yang kecil dan Pasaran MESDAQ untuk syarikat yang terlibat di dalam sektor teknologi dan pertumbuhan pesat. Fleksibiliti juga diberikan oleh BSKL untuk menarik lebih banyak syarikat disenaraikan dengan mempelbagaikan keperluan penyenaiaan untuk setiap pasaran.

Sebagai contoh, sebuah syarikat boleh disenaraikan di Papan Utama dengan memenuhi hanya satu daripada tiga jenis ujian penyenaiaan awal. BSKL juga akan meningkatkan usaha promosi bursa bagi mendapatkan lebih banyak syarikat untuk disenaraikan, khasnya selepas demutualisasi di mana fungsi unit-unit perniagaan akan bertumpu kepada peningkatan penyertaan di dalam pasaran dan perolehan syarikat melalui aktiviti-aktiviti perniagaannya. Dari segi penyenaiaan, unit pengendalian pasaran akan membantu syarikat-syarikat yang ingin menyenaiaan sahamnya di pasaran sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang juga telah membangkitkan usaha yang diambil untuk menarik syarikat dari luar Malaysia disenaraikan di BSKL. Saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini syarikat-syarikat asing yang ditubuhkan di luar Malaysia masih belum boleh disenaraikan di BSKL. Walau bagaimanapun, kajian sedang dibuat untuk membolehkan syarikat-syarikat termasuk yang dipunyai oleh warganegara Malaysia untuk disenaraikan di BSKL.

Ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi daya saing dan tarikan kepada pasaran modal di Malaysia. Dalam hubungan ini, kita akan membantu syarikat-syarikat dari semua negara asalkan mereka memenuhi garis panduan untuk menyenaiaan syarikat di pasaran saham tempatan.

Mengenai langkah untuk meningkatkan keyakinan pelabur di dalam dan di luar negara dan persepsi pelabur asing terhadap pasaran di Malaysia, saya ingin memaklumkan bahawa pelbagai usaha yang berkesan telah dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham tempatan termasuk langkah jangka pendek dan jangka panjang.

Usaha-usaha tersebut boleh dibahagikan kepada tiga aspek seperti berikut:-

- (i) meningkatkan kerangka dan kecekapan pengawalseliaan pasaran saham;
- (ii) meningkatkan infrastruktur dan prasarana pasaran untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos bagi peserta pasaran dan mempromosi pasaran dan mendidik pelabur di dalam dan di luar negara untuk menjelaskan perkembangan dalam pasaran modal dan sekuriti serta mendapat maklum balas dari pelabur.

Keyakinan para pelabur

terhadap pasaran saham tempatan juga bergantung kepada perkembangan ekonomi semasa dan juga dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengukuhkan ekonomi negara. Tidak ketinggalan faktor-faktor luar seperti keadaan ekonomi dunia, pasaran saham dunia, suasana semasa seperti peperangan dan sebagainya.

BSKL sentiasa menjalankan promosi bagi menarik pelabur asing dan tempatan untuk melabur di dalam BSKL, tujuannya membetulkan persepsi pelabur asing mengenai ekonomi negara dan pasaran kita. BSKL juga telah menganjurkan promosi pelaburan di pusat-pusat kewangan antarabangsa, luar negara bersama-sama dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia untuk memaklumkan mengenai perkembangan semasa pasaran saham dan ekonomi negara.

Lazimnya promosi pelaburan tersebut dianjurkan bersama-sama bank-bank antarabangsa. Bank-bank tersebut akan menyelaraskan perjumpaan dan membincangkan dengan *client* mereka yang merangkumi pihak pelaburan asing. Kegiatan promosi ini sentiasa dijalankan bertujuan khususnya untuk menggalakkan pelaburan dalam pasaran saham di Malaysia.

BSKL juga memasukkan artikel berkaitan perkembangan semasa yang berlaku di dalam pasaran saham Malaysia di dalam beberapa majalah pelaburan antarabangsa. Ini adalah bertujuan bagi memastikan bahawa segala maklumat mengenai pasaran saham tempatan dapat disalurkan dengan tepat dan efektif khususnya untuk menggalakkan pelabur asing melabur dalam pasaran saham BSKL.

Di peringkat tempatan pula, BSKL mengadakan taklimat kembara dan minggu pelabur bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelabur mengenai pasaran saham BSKL. Di samping itu, pameran bergerak di dalam negara juga diadakan.

Aktiviti-aktiviti ini telah berjaya meningkatkan kefahaman kepada pihak awam tentang kelebihan melabur di BSKL. Program promosi pelaburan akan dipertingkatkan lagi selepas demutualisasi di mana unit-unit *business* kumpulan BSKL, unit *business* pasaran dan penjelasan, penyelesaian dan depositary akan turut bertanggungjawab dan untuk menawarkan produk masing-masing kepada kalangan termasuk pelabur, syarikat-syarikat berpotensi untuk disenaraikan dan perantara pasaran.

Mengenai kedudukan BSKL dari segi kedaifannya, saiz dan prestasi berbanding bursa-bursa lain di peringkat antarabangsa, saya ingin menjelaskan prestasi BSKL adalah kukuh jika dibandingkan dengan bursa-bursa lain di rantau Asia Tenggara. Ini mencerminkan kekuatan ekonomi negara dan kesan positif dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan seperti Pakej Rangsangan, pengawalseliaan rapi oleh agensi-agensi kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti serta kegiatan BSKL dalam mempromosikan pasaran saham negara. Dengan proses demutualisasi ini BSKL yakin pasaran akan lebih terangsang dan prestasi BSKL akan lebih meningkat. Ini seterusnya akan mengukuhkan lagi pasaran modal negara dan menaikkan nilai pelaburan dan kesan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya dikaji semula syarat penyenaian rekod keuntungan selama lima tahun untuk menggalakkan penyenaian syarikat-syarikat yang mempunyai *fundamental* yang kukuh tetapi tidak mempunyai *track rekod*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan yang diguna pakai bagi penyenaian yang ditadbir oleh Suruhanjaya Sekuriti seperti polisi dan garis panduan terbitan, tawaran Sekuriti dan kaedah-kaedah penyenaian pasaran MASDEQ

membenarkan syarikat-syarikat tertentu memohon penyenaiaan sama ada di BSKL atau di pasaran MASDEQ tanpa keperluan untuk memenuhi peruntukan rekod keuntungan *profit track record*, dengan izin.

Sebagai contoh, di bawah polisi dan garis panduan terbitan tawaran Sekuriti, syarikat-syarikat yang mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM220 juta dan syarikat-syarikat projek infrastruktur tidak dikehendaki memenuhi peruntukan rekod keuntungan. Manakala syarikat-syarikat yang mempunyai kadar pertumbuhan yang tinggi atau *growth companies*, dengan izin, yang bercadang untuk disenaraikan di pasaran MASDEQ juga tidak dikehendaki memenuhi peruntukan rekod keuntungan.

Mengenai langkah-langkah pembaharuan selain daripada demutualisasi untuk membangunkan keseluruhan sistem termasuk pasaran modal dan kewangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang, saya ingin maklumkan bahawa proses pembaharuan dan pembangunan dalam sektor kewangan adalah suatu proses yang perlu dilalui secara evolusi. Sejajar dengan objektif ini Bank Negara Malaysia telah menerbitkan Pelan Induk Sektor Kewangan, manakala pihak SC pula telah memberi Pelan Induk Pasaran Modal atau CMP yang bertujuan untuk membangunkan sektor kewangan dan pasaran modal negara secara bersepadu.

Pelaksanaan CMP akan diselaraskan oleh Majlis Penasihat Pasaran Modal yang terdiri daripada wakil industri dari kalangan profesional dan juga peserta-peserta antarabangsa. Proses demutualisasi BSKL merupakan salah satu di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menunjukkan sebuah pasaran modal di dalam sebuah sistem kewangan yang lebih *sophisticated* dan berdaya saing.

Saya ingin menekankan di sini, Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) adalah bersifat menyeluruh dan menyentuh setiap aspek dari rangka pengawalseliaan pasaran modal hingga kepada pendidikan pelabur. Antaranya termasuklah penyertaan, pengawalseliaan, pembangunan menyeluruh pasaran bon, mempertingkatkan tadbir urus korporat, menggalakkan e-dagang dan pendidikan berterusan pengarah syarikat dan juga perantara pasaran.

Mengenai soalan kedudukan nisbah antara bon dan ekuiti di pasaran modal Malaysia serta langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan dana melalui pasaran modal dengan lebih mudah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa berwaspada akan tahap hutang kerajaan supaya pemberhutangannya tidak menjejaskan aset ekonomi dan menimbulkan ketidakseimbangan dalam ekonomi mikro negara. Walaupun pinjaman yang tinggi untuk membiayai defisit fiskal telah meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan kepada 45.7 KDNK pada 2002, penunjuk hutang lain masih di tahap yang tidak membimbangkan. Peratusan bayar khidmat hutang kepada hasil dan perbelanjaan mengurus masih rendah di tahap 11.6 dan 14.1 pada tahun 2003. Hutang luar Kerajaan Persekutuan juga masih rendah di tahap 10.1% daripada KDNK.

Memandangkan keadaan tabungan yang tinggi dan kecairan dalam sistem perbankan serta lebihan akaun semasa yang besar di dalam imbalan pembayaran, pembiayaan defisit fiskal bukan satu isu besar yang kritikal bagi Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar akan keperluan dan *committed* untuk mengukuhkan kedudukan kewangan ke arah mencapai bajet berimbang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2002 jumlah dana yang diterbitkan melalui pasaran Sekuriti hutang persendirian adalah RM36.2 bilion berbanding dengan RM37.9 bilion pada tahun 2001. Namun demikian, dari jumlah keseluruhannya pasaran utama tempatan, jumlah terbitan Sekuriti hutang persendirian yang baru telah bertambah kepada 77% pada tahun 2000 daripada 59% pada tahun 2001. Jumlah nilai pembiayaan melalui Sekuriti sandaran aset (*asset-backed security*) dengan izin, telah bertambah kepada RM1.9 bilion pada tahun 2002 daripada RM1.2 bilion pada tahun 2001. Sekuriti hutang persendirian Islam juga terus menjadi salah satu sumber pembiayaan yang terutama bagi sektor swasta dan merupakan 38% daripada jumlah sekuriti hutang persendirian yang diterbitkan pada tahun 2002.

Antara penerbit utama sekuriti hutang persendirian Islam pada 2002 adalah PLUS, CELCOM dan Putrajaya Holdings yang berjaya mengumpulkan RM5.1 bilion, RM1.1 bilion dan RM910 juta masing-masing. Lanjutan dari pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Pasaran Bon Kebangsaan telah menyediakan dasar yang menyeluruh untuk pembangunan pasaran bon yang teratur serta mencadangkan strategi pelaksanaan yang bersesuaian. Hasil dari usaha ini satu rangka pengawalseliaan untuk penerbitan sekuriti hutang persendirian, dengan izin, *travel debt security* telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang antaranya menyelaraskan struktur pengawalseliaan, mempercepatkan serta menyediakan sistem kelulusan bon korporat yang mudah dan telus, mengenakan keperluan penzahiran yang lebih tinggi bagi mempertingkatkan perlindungan pelabur dan menggalakkan penerbit untuk memasuki pasaran bon serta memberi peluang yang lebih kepada kecairan pasaran 'sekunder'.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti komited untuk memberi kelulusan dalam masa 14 hari bagi permohonan terbitan bon berdasarkan kriteria dan telus yang disebut dalam garis panduan. Di samping ini langkah-langkah lain yang membangunkan pasaran bon ini termasuklah membentuk satu keluk hasil tanda arah, dengan izin, *benchmark U-curve* melalui kalender Sekuriti Kerajaan Malaysia, Malaysian Government Securities (MGS) dan penerbitan garis panduan penawaran Sekuriti hutang dan disokong aset, dengan izin, *asset-backed securities* oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memenuhi keperluan penerbit dan pelabur dengan meneroka kepelbagaian produk.

Bagi pembangunan pasaran ekuiti pula kerajaan telah mengenal pasti beberapa langkah yang bertujuan untuk memberikan *flexibility* kepada syarikat-syarikatnya, ingin memperolehi modal antaranya, pengawalseliaan melalui penzahiran yang membolehkan penyenaian dibuat dengan lebih cekap dan berkesan. Pada bulan April 2003 pihak SC telah mengkaji semula garis panduan tawaran sekuriti untuk membolehkan syarikat-syarikat pendapatan modal dengan lebih mudah.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan mengenai penggunaan dana BSKL dan langkah-langkah untuk pelbagaikan sumber pendapatan pada masa hadapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar daripada perolehan BSKL diperuntukkan kepada BSKL sebagai sebuah agensi kawal selia hadapan. Ini termasuk jumlah RM500 juta untuk kemudahan penjelasan tunggu sedia yang diperlukan untuk memastikan pengurusan resistal sistematik yang baik.

BSKL juga sentiasa meningkatkan taraf prasarana pasaran supaya terus berdaya saing dan efisien memenuhi kehendak semua pihak berkepentingan. Sumber-sumber BSKL digunakan untuk meningkatkan sistem bagi menyokong perniagaan utamanya iaitu urus nilai niaga jual beli saham, penjelasan dan penyelesaian transaksi saham depositary dan penyebaran maklumat. Untuk maju ke hadapan BSKL prihatin akan perlunya kepelbagaian sumber pendapatannya. Pada masa ini sebahagian besar perolehan BSKL bergantung kepada aktiviti dagangan di dalam pasaran saham. Pada masa akan datang, salah satu strategi perniagaan yang dikenal pasti adalah untuk menambah produk dan perkhidmatan yang disediakan. Langkah ini bukan sahaja untuk menarik lebih banyak penyertaan dan aktiviti di dalam pasaran, tetapi juga memperkayakan sumber kewangan BSKL selepas demutualisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun juga membangkitkan isu bahawa kerajaan lebih mementingkan tadbir urus *corporate* tetapi, tidak menekankan kepada *unsalaried service* dengan izin seperti akauntan. Sehubungan ini, beliau ingin mengetahui langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan di dalam meningkatkan *unsalaried service* dengan izin ini. Untuk makluman, proses pemberian lesen oleh pihak SC merupakan satu proses yang ketat dan teliti. Di dalam konteks broker-broker saham yang dilisenkan oleh pihak SC, pemohon-pemohon yang memohon lesen niaga atau *dealer license*, perlulah terlebih dahulu menduduki peperiksaan bagi menentukan tahap kefahaman permohonan tersebut di dalam bidang yang dimohon dan sejajar dengan kehendak profesion mereka sebagai broker-broker saham.

Permohonan-permohonan yang tidak berjaya di dalam peperiksaan tersebut tidak akan diberi lesen. Pada masa yang sama, pihak SC akan melakukan semakan latar belakang bagi memastikan pemohon bebas daripada sebarang kesalahan jenayah atau

kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran. Lesen hanya akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang dapat memenuhi kriteria yang tinggi seperti yang telah ditetapkan oleh pihak SC. Selain daripada itu, pemegang-pemegang lesen di dalam industri sekuriti, perlu mengumpulkan 20 markah CPE atau dengan izin *Continuous Professional Education* pada setiap tahun sebelum dapat memperbaharui lesen-lesen mereka. Tujuan CPE diperkenalkan adalah untuk memastikan pemegang-pemegang lesen ini sentiasa mempunyai tahap pengetahuan tinggi di dalam bidang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah ada membangkitkan mengenai pengurusan kewangan. Pada masa sekarang, pihak kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mempromosikan industri pengurusan kewangan atau *financial planning* bagi menggalakkan masyarakat negara ini merancang pengurusan kewangan mereka. Bagi tujuan ini, proses pemberian lesen untuk penasihat-penasihat kewangan dilaksanakan mengikut standard sedia ada sama seperti pemberian lesen kepada perantara-perantara kewangan yang lain. Ini, bagi menentukan bahawa hanya mereka yang benar-benar layak sahaja akan dilesenkan sebagai penasihat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi juruaudit syarikat, pihak kerajaan sedang mengambil langkah untuk memperkuat proses pelesenan juruaudit serta juga proses pengawalseliaan berterusan ke atas juruaudit. Bagi tujuan ini, proses pelesenan juruaudit yang dilaksanakan di bawah peruntukan Akta Syarikat tahun 1965 akan diperkemas lagi bagi memastikan hanya juruaudit-juruaudit yang dapat memenuhi keperluan untuk mengeluarkan laporan yang berkualiti dan bermutu sahaja akan dilesenkan oleh Menteri Kewangan.

Salah satu perkara yang telah dirancang oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan keberkesanan juruaudit-juruaudit Malaysia ialah dengan menambah jumlah ahli jawatankuasa pelesenan juruaudit-juruaudit. Pihak kerajaan juga sedang mengkaji cadangan untuk menubuhkan sebuah badan khas bagi menilai tahap keberkesanan laporan juruaudit di Malaysia. Badan ini kelak dijangkakan akan dianggotai oleh wakil-wakil dari profesion perakaunan, ahli-ahli akademik dan badan pengawalseliaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan isu mengenai tahap hukuman ke atas penyelewengan yang tidak mencukupi dan mencadangkan hukuman yang lebih berat dikenakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mengawal selia pasaran modal, peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang sekuriti, adalah bertujuan untuk mengenakan hukuman yang setimpal ke atas pihak-pihak yang melanggar undang-undang. Misalnya, dalam kes 'Thaksin' baru-baru ini, pengarah urusan syarikat tersebut telah dikenakan hukuman penjara selama lima tahun di atas kesalahan mengemukakan maklumat palsu kepada BSKL.

Selain daripada itu, pada tahun 2002, pihak Mahkamah Seksyen telah mengenakan hukuman penjara bagi empat kes iaitu dua kes dikenakan hukuman penjara selama tiga tahun, satu kes selama dua tahun dan satu kes selama lapan bulan. Hukuman yang telah dikenakan bergantung kepada budi bicara mahkamah setelah mengambil kira fakta-fakta kes sebelum menjatuhkan hukuman. Mengenai tindakan yang diambil ke atas syarikat-syarikat yang memberikan maklumat palsu seperti di dalam kes Enron di Amerika Syarikat, tindakan telah diambil dengan cepat. Pihak SC telah mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang melanggar undang-undang sekuriti.

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan isu syarikat membuat pengumuman palsu, kononnya telah diberikan projek untuk membina landasan kereta api Trans-Borneo. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa syarikat tersebut bukanlah sebuah syarikat yang tersenarai dan Ahli Yang Berhormat, bolehkan merujuk kepada Jabatan Keretapi Sabah untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Pada tahun 2002, sejumlah 25 kertas siasatan telah dibuka. Daripada jumlah tersebut, 12 kes telah difailkan ke mahkamah. Bagi tahun 2003 pula, terdapat 10 kertas siasatan yang telah dibuka dan tiga kes telah difailkan di mahkamah. Selain daripada tindakan jenayah, pihak BSKL telah mengambil beberapa tindakan termasuklah tindakan

penyahsenaraian atau *delisting* bagi syarikat-syarikat yang tidak memenuhi kriteria-kriteria financial dengan izin.

Tindakan-tindakan bersesuaian sedang diambil bagi syarikat-syarikat BSKL yang telah diklasifikasikan sebagai syarikat PN4. Antara tempoh 1999 hingga 2003, sebanyak 74 kes telah dirujuk kepada agensi-agensi lain untuk tindakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SC dan BSKL sentiasa memantau pasaran untuk memastikan tidak berlakunya pelanggaran peraturan dan undang-undang. Di samping itu, setiap pelanggaran akan diambil tindakan secepat mungkin mengikut keperluan undang-undang. Pihak SC dan BSKL juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti pihak Suruhanjaya Syarikat, Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk memperkukuhkan pelaksanaan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan untuk membaiki kedudukan syarikat-syarikat yang tersenarai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah diperkenalkan oleh BSKL untuk meningkatkan kualiti syarikat yang tersenarai di BSKL, termasuklah meningkatkan kualiti tadbir urus korporat syarikat-syarikat tersenarai. Secara khususnya, BSKL telah memperkenalkan keperluan penyelenggaraan yang baru pada bulan Februari 2001 dan peraturan berkaitan dengan hal-hal tadbir urus korporat telah diperkenalkan untuk dipenuhi oleh syarikat-syarikat tersenarai.

Sebagai contoh ialah keperluan satu pertiga daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah bebas, keperluan jawatankuasa audit di mana majoriti ahlinya adalah pengarah bebas. Keperluan untuk semua ahli lembaga pengarah mengikuti kursus mandatori dan memastikan semua syarikat menyatakan di dalam laporan tahunan tentang pematuhan kod tadbir urus korporat Malaysia dan juga pernyataan kawalan dalaman dan keperluan syarikat-syarikat tersenarai untuk mengekalkan tahap kewangan yang boleh diterima di dalam nota amanah nombor empat atau *practice note four*.

Usaha berterusan akan diambil berteraskan objektif untuk meningkatkan keyakinan pelabur, meningkatkan ketelusan pasaran dan piawaian, penzahiran, memperkukuhkan tadbir urus korporat dan memastikan keadilan untuk semua pemegang saham.

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan usaha-usaha yang dijalankan untuk mendidik pelabur supaya keputusan untuk melabur perlu berasaskan *fundamental* dan bukannya *sentimental*. Saya ingin memaklumkan bahawa dengan perkembangan pasaran modal yang pesat serta menggunakan rejim berasaskan kezahiran, dengan izin, *disclosure based regime* Suruhanjaya Sekuriti kini telah mempergiatkan lagi aktiviti pendidikan pelabur bagi mempertingkatkan pengetahuan pelabur untuk membantu mereka membuat keputusan pelaburan yang lebih baik berasaskan fakta atau *fundamental* dan seperti apa Yang Berhormat kata, bukannya berasaskan khabar angin sentimental semata-mata.

Antara aktiviti pendidikan pelabur yang dijalankan termasuklah:-

- Menganjurkan seminar-seminar pendidikan pelabur yang merangkumi topik berkaitan pelaburan seperti hak dan tanggungjawab pelabur, memahami laporan kewangan, analisis pelaburan dan sebagainya.
- Menerbitkan risalah pendidikan pelabur berkaitan dengan aktiviti pelaburan serta menerbitkan artikel berkenaan pendidikan dan melindungi pelabur di dalam media massa.
- Mewujudkan laman web yang khusus bagi mendidik pelabur iaitu website www.min.com.my. Laman web ini menyediakan dan artikel-artikel berkaitan aktiviti pelaburan dan mengadakan ceramah-ceramah pendidikan pelabur sambil meningkatkan kesedaran pelabur terhadap bentuk-bentuk pelaburannya.

Pasaran modal, dengan izin, *Capital Market Development Fund* adalah bertujuan untuk mempromosi pasaran modal melalui pembangunan. Selain daripada itu menubuhkan

dana bangunan dan meningkatkan kemahiran dan kepakaran serta pendidikan pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan tiga isu. Yang pertama adalah berkaitan dengan pengurusan risiko. Dalam CMP kita atau *Capital Market Plan* kita, jika kita tengok strategi 2.1 *Initiative*, dengan izin, ada dua iaitu 2.1, dengan izin, *Develop a strong framework for corporate governance and shareholder value recognition*. *Initiative 2.2* - dengan izin, *Heightened effort to establish a vibrant and competitive investment management industry*; dan di bawah itu adalah pengurusan berisiko yang mesti di ambil.

Yang kedua adalah mengenai kumpulan jumlah warga tua. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang jumlah warga tua di Malaysia yang berumur

Tuan Chang See Ten: Boleh tanya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada kata, untuk mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap syarikat bursa saham. Kita dapati bahawa ada orang awam yang hilang keyakinan terhadap pasaran awam oleh kerana ada beberapa syarikat yang telah dibatalkan lesen mereka akibat mereka tidak dapat melanjutkan perniagaan dan ramai pelabur kecil telah hilang wang mereka dan ini sudah mendatangkan satu kesan yang buruk kepada pasaran awam.

Apa tindakan yang lebih berkesan supaya kita bertindak sebelum mereka menjadi masalah. Kalau tidak ada, ini akan menjejaskan pasaran awam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang sudah saya jawabkan, BSKL dan Suruhanjaya KLSE sudah mengambil banyak tindakan mengenai masalah ini. Yang pertama adalah dibawakan kepada hukuman kes-kes yang ada buat masalah. Yang kedua pun ada satu pelan *Capital Market Plan* yang tadi sudah dikastakan *Capital Market Master Plan* untuk menentukan perkara ini tidak akan terjadi dan juga Yang Berhormat bagi Sipitang kata, kita mendidik pelabur-pelabur khususnya pelabur kecil, *small investors*, *invest* dengan *fundamental* dan bukan sahaja dengan *sentimental*.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada warga tua kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Pada masa sekarang jumlah warga tua di Malaysia yang berumur 55 tahun ke atas adalah berjumlah 2.3 juta orang. Pendapatan utama golongan ini adalah daripada wang pencen, daripada wang simpanan dengan institusi perbankan, pulangan daripada pelaburan dan sumbangan daripada ahli keluarga.

Kerajaan adalah sentiasa peka dan prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi oleh warga tua akibat keadaan di BSKL atau saham kadang-kadang ada tinggi dan ada rendah. Jadi masa sekarang langkah-langkah telah diambil untuk membantu golongan warga tua. Antaranya menerbitkan dua siri Bon Simpanan Malaysia pada bulan November tahun 1999 dan bulan Februari tahun 2002. Bon Simpanan Malaysia ini telah ditawarkan kepada semua warga tua yang berumur 55 tahun ke atas dan juga badan-badan kebajikan berdaftar.

Sejumlah RM2 bilion Bon Simpanan Malaysia telah ditawarkan pada bulan November 1999 dan RM1 bilion lagi ditawarkan pada bulan Februari tahun 2002. Bon Simpanan Malaysia ini menawarkan kadar pulangan yang lebih tinggi daripada kadar faedah simpanan. Terbitan November 1999 menawarkan kadar pulangan 5.75% setahun dan subsidiari adalah 5% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat mengenai prestasi BSKL adalah terburuk pada masa ini. Jadi, saya tidak tahu dari mana dan macam mana OSK ada memberikan satu laporan yang begitu tetapi mengikut kita punya laporan dari BSKL dan SP jikalau kita ukurkan BSKL dengan lain-lain guna masa lima tahun, prestasi BSKL adalah sangat memuaskan jika

dibandingkan dengan BSKL dengan Singapura, Jakarta, Indonesia dan Hong Kong, BSKL 145.3%, Singapura 81%, Indonesia 56% dan Hong Kong adalah 39%. Ini adalah kita punya maklumat.

Mengenai proses juga daripada Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat. Proses demutualisasi tidak membawa manfaat kepada peniaga BSKL. Dari proses demutualisasi yang saya sudah berikan dengan teliti adalah bertujuan untuk melengkapkan status BSKL daripada sebuah syarikat yang dipunyai oleh syarikat-syarikat broker saham kepada sebuah syarikat yang tidak diguarantee dengan *shares*.

Jadi, maksudnya BSKL akan dipunyai oleh sekumpulan pelanggan saham yang lebih luas dan termasuk orang awam. Jadi, dia tidak akan kata tidak membawa apa-apa manfaat kepada pemegang syer di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua mengenai definisi '*mutual*' dalam berkaitan dengan demutualisasi. Jadi saya tidak berapa bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Tumpat mengenai '*mutual*' is together and '*demutual*' is not together. Ini memang bukan maksudnya, Jika kita tengok pada masa sekarang sudah lebih 50% *world shareholdings association* sudah *demutualisasi*. Jadi, tidak bermakna kata kita ikut perkataan itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi akhir sekali saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Mana-mana pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak saya dapat menjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya.

Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri Kewangan, saya ingin bertanya sungguhpun saya tidak berucap di dalam sesi yang terdahulu daripada ini saya mendengar dengan teliti. Jadi satu daripada perkara yang Timbalan Menteri bangkitkan ialah berkenaan dengan *share* mengundi di BSKL iaitu selepas *demutualisation* ini diterima pakai disahkan dan diterima pakai oleh Parlimen. Saya ingin bertanya apakah ada bezanya antara *share* mengundi, bila disebut *share* mengundi tentu ada *share* yang tidak mengundi tetapi bila saya kira daripada pengagihan *share-share* dalam bursa saham ini didapati cukup lengkap 100%, jadi saya ingin tahu adakah perbezaan antara *share* mengundi dan *share* tidak mengundi dan itu sebabnya syarikat bursa saham, 30%, Menteri Kewangan 30%, dana pembangunan pasaran modal 30% dan *remisier* 10%. Semuanya ini kalau dikira kalau betul-betul kiraan saya jadi 100%.

Soalan saya yang kedua ialah berkenaan dengan peruntukan yang diberi kepada *remisier* sebanyak 10%. Saya ingin mengetahui siapakah dia yang dikatakan *remisier* ini, *remisier current*, *remisier* sekarang ini atau *remisier* yang sebelumnya juga menjadi *remisier* dan *remisier* yang akan datang. Jadi bermakna *remisier* yang ada sekarang ini - ada yang saya dengar rungutannya, katanya kalau 10% kepada *remisier* yang *current*, yang sekarang ini sedang berusaha sebagai *remisier*. Kalau dimasukkan orang sebelum waktu ini dan selepas waktu ini jadi peruntukan untuk *remisier* ini akan menjadi lebih kecil, *that is watered down their shares* dengan izin. Jadi itu sahaja soalan saya Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ucapkan syabas kepada kerajaan kerana ini memang mengikut gelombang dunia terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, mengenai *remisier* yang 10% dan siapa yang boleh jadi betul-betul *remisier* yang boleh ambil bahagian. Pada masa sekarang memang ada dalam kajian. Yang pertama adalah, memang betul ada yang jadi *remisier* selepas itu tahun 1997 sudah berhenti sudah balik kepada profesion mereka. Jadi sekarang boleh jadi masa sekarang ada jalan profesion dia sebagai seorang *remisier*. Jadi jikalau mereka berhenti dalam 2, 3 tahun, tahap itu belum tentu lagi. Mereka akan kaji di antara mereka sendiri. Jadi apakah bezanya saham mengundi dan saham tidak mengundi? BSKL tidak bercadang untuk mengeluarkan saham tidak mengundi dan dari semua saham yang akan dibenarkan mempunyai satu kelas yang sama dan hak mengundi yang sama. Jadi memang sekarang BSKL tidak ada bercadang untuk tidak *one vote* untuk membenarkan saham tidak mengundi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pada mana-mana dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya menjawab pada hari ini pihak kerajaan akan menelitinya untuk diambil kira dalam usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi pembangunan pasaran modal negara supaya menjadi sebuah pasaran modal yang bertaraf dunia, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal I hingga 13 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal I hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.30 tgh.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Sila.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Akta Perindustrian Sekuriti 1983 bertujuan untuk mengawal selia pasaran-pasaran saham dan ekuiti-ekuiti di pasaran saham. Pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983 sebahagian besarnya adalah bertujuan untuk memastikan proses demutualisasi BSKL dapat dilaksanakan dengan jayanya, manakala sebahagian lagi adalah pindaan untuk mengemas kini peruntukan-peruntukan yang berkaitan kawal selia pasaran modal negara.

Proses demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur akan menimbulkan implikasi ke atas sistem pengawalseliaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL. Bagi menangani isu ini, adalah dicadangkan supaya struktur korporat BSKL yang baru dibentuk dengan mengambil kira aspek kepentingan awam dan kaedah pengawalseliaan yang dijalankan oleh BSKL dan SC dikaji semula. Bagi tujuan tersebut, beberapa pindaan perlu dibuat ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Fasal 2 memperkenalkan beberapa definisi baru termasuk "syarikat pemegang bursa" atau dengan izin, "*exchange holding company*", yang didefinisikan sebagai satu badan korporat yang merupakan syarikat pegangan kepada mana-mana bursa saham.

Rumah penjelasan yang diiktiraf syarikat bursa dan rumah-rumah penjelasan yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 atau depositories pusat yang telah diluluskan sebagai satu syarikat pegangan bursa di bawah Seksyen 11D. Definisi ini

bertujuan untuk memastikan wujudnya suatu rangka kerja pengawalseliaan yang sesuai untuk bursa yang telah demutualisasikan, yang terdiri daripada syarikat pemegang bursa dan juga unit-unit perniagaannya yang beroperasi sebagai subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat pegangan besar.

Tuan Yang di-Pertua, definisi baru “organisasi peserta”, dengan izin, *participating organization* juga diperkenalkan untuk menggantikan definisi “syarikat anggota” yang digunakan sebelum ini. Definisi ini menjelaskan bahawa organisasi peserta adalah satu entiti yang menjalankan urus niaga sekuriti dan statusnya sebagai organisasi peserta diiktiraf oleh kaedah-kaedah bursa saham.

Seksyen 8D rang undang-undang juga memperkenalkan definisi “pengarah berkepentingan awam”, yang bermaksud, pengarah-pengarah bursa saham atau syarikat pemegang bursa yang dilantik oleh Menteri Kewangan setelah berunding dengan SC. Oleh sebab mereka yang dilantik adalah untuk mewakili *stake holders*, dengan izin, dan kepentingan orang ramai, tugas dan tanggungjawab mereka adalah untuk melindungi kepentingan orang ramai dan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, struktur pelaksanaan dua peringkat. Di bawah struktur korporat yang dicadangkan, syarikat pemegang bursa diberikan kuasa untuk membuat keputusan-keputusan penting berhubung dengan urusan bursa saham, *derivative*, rumah penjelasan dan *depository* pusat. Oleh yang demikian, syarikat pemegang bursa perlulah dilesenkan di bawah Undang-undang Sekuriti manakala lesen-lesen yang sedia ada yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada bursa saham dan *derivative*, rumah penjelasan dan *depository* pusat sebelum ini akan dikekalkan. Walaupun di bawah struktur baru yang kita cadangkan, entiti-entiti tersebut akan menjadi subsidiari kepada syarikat pegangan bursa.

Bagi memperkukuhkan peruntukan sedia ada, Fasal 4 rang undang-undang mencadangkan pindaan kepada Seksyen 8, untuk memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan meluluskan satu badan korporat sebagai bursa saham. Pindaan penting yang dicadangkan ialah keperluan memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan sebelum SC membuat perakuan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi termasuklah keperluan bahawa bursa yang ditubuhkan mestilah beroperasi dengan adil dan teratur, mempunyai pengurusan risiko yang berkesan, tidak mengambil tindakan yang bertentangan dengan kepentingan awam, berupaya mengambil tindakan ke atas organisasi peserta dan mempunyai kaedah yang mencukupi bagi menangani masalah yang berlaku.

Fasal 9 rang undang-undang memperkenalkan Seksyen baru 9D untuk memperuntukkan satu senarai yang telus tentang keadaan-keadaan yang membolehkan Menteri Kewangan menarik balik kelulusan yang diberi kepada bursa atau mengarahkan bursa untuk berhenti daripada menyediakan kemudahan-kemudahan sebagai bursa saham atau syer daripada SC. Keadaan-keadaan yang membolehkan Menteri Kewangan menarik balik kelulusan termasuklah apabila bursa saham tidak lagi mengendalikan pasaran saham, sedang digulung atau telah melanggar terma atau syarat kelulusan.

Selaras dengan rangka kerja pelesenan dua peringkat – Fasal 13 rang undang-undang mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan khusus dimasukkan, terutama mengenai kelulusan syarikat berpegangan bursa, tugas dan keputusan untuk menarik balik kelulusan penubuhannya di bawah Seksyen 11D, 11G dan 11J.

Tuan Yang di-Pertua, struktur pentadbiran bursa yang baru perlu mengambil kira aspek perlindungan kepada kepentingan awam, bagi membolehkannya beroperasi sebagai utiliti awam yang strategik dan berorientasikan komersial. Dalam masa yang sama, bursa yang demutualisasikan perlu diberi fleksibiliti yang mencukupi supaya aktiviti-aktiviti komersialnya dapat dijalankan dengan berkesan. Bagi tujuan tersebut, adalah penting syarikat pemegang bursa mempunyai struktur pentadbiran yang seimbang supaya kedua-dua fungsi itu dapat dijalankan dengan berkesan.

Dalam hubungan ini, Fasal 6 rang undang-undang telah memperkenalkan suatu aspek yang penting dalam rangka kerja untuk melindungi kepentingan awam dalam bursa yang demutualisasikan, iaitu dengan mengadakan peruntukan 8D, yang menetapkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga Pengarah akan dilantik oleh Menteri Kewangan

untuk menjaga kepentingan awam setelah berunding dengan SC. Pelantikan pengarah berkepentingan awam akan dibuat secara terus oleh Menteri Kewangan tanpa melalui jawatankuasa pencalonan daripada syarikat pemegang bursa.

Setelah dilantik, setiap pengarah berkepentingan awam akan mendapat semua hak keistimewaan dan kewajiban seperti pengarah-pengarah yang lain. Bagi pengarah selain daripada pengarah-pengarah awam, persetujuan SC diperlukan sebelum mereka menerima pelantikan atau dipilih sebagai pengarah. Pihak SC akan menggunakan budi bicara bagi memutuskan pelantikan tersebut secara telus berasaskan kepada kriteria yang ditetapkan.

Struktur pentadbiran bursa yang demutualisasikan mestilah juga mencerminkan amalan terbaik dalam pentadbiran korporat dan mematuhi kehendak-kehendaki penyenaian dengan sepenuhnya. Bagi tujuan tersebut, dicadangkan supaya sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada pengarah bebas. Walau bagaimanapun, keperluan ini tidak disebut di dalam Akta tetapi akan dipatuhi sebagai amalan terbaik bursa.

Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan konflik kepentingan akan timbul selepas demutualisasi BSKL, iaitu di antara tanggungjawab sebagai sebuah entiti komersial dengan tanggungjawab untuk melindungi kepentingan orang ramai dan pelabur. Bagi mengatasi konflik kepentingan ini, Fasal 13 menyediakan peruntukan pentadbiran syarikat pemegang bursa yang antaranya ialah Seksyen 11J yang mengenakan kewajiban *statutory* kepada syarikat pemegang bursa untuk memastikan pasaran yang adil dan saksama dengan pengurusan risiko yang bijaksana.

Dalam keadaan di mana syarikat pemegang bursa atau mana-mana subsidiarinya tidak boleh melaksanakan fungsi-fungsinya disebabkan wujudnya konflik antara kepentingan komersial dan tugas awam. Peruntukan telah dibuat untuk membolehkan SC mengeluarkan arahan kepada syarikat pemegang bursa atau subsidiarinya supaya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk memastikan ketelusan tanggungjawab bagi melaksanakan fungsi pengawalseliaan, Seksyen 11E memperuntukkan supaya syarikat pemegang bursa menyerahkan satu laporan mengenai pengawalseliaan kepada Menteri Kewangan dan SC dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir setiap tahun kewangan.

Di samping itu, Menteri Kewangan pada bila-bila masa boleh meminta bursa saham ataupun syarikat pemegang bursa untuk menyediakan dan menyerahkan satu laporan khas tentang sejauh mana sesuatu bursa saham atau syarikat pemegang bursa telah mematuhi kehendak undang-undang *security* dan kaedah-kaedahnya.

Dalam keadaan di mana bursa yang demutualisasikan memohon untuk disenaraikan kawalan yang mencukupi diperlukan untuk menggalakkan sebarang konflik kepentingan yang mungkin wujud. Jika keadaan ini berlaku Seksyen 11I memperuntukkan bahawa syarikat pemegang bursa perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh SC untuk menangani konflik yang mungkin timbul bagi memastikan kedua-dua tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan wajar.

Seksyen ini juga memberi kuasa kepada SC, bukannya kepada bursa berkenaan untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan berhubung dengan status penyenaian syarikat pemegang bursa sebagai entiti tersenarai, dan untuk memastikan hak milik dan aset asas bursa yang demutualisasikan tidak dilupuskan dengan sewenang-wenangnya.

Seksyen 11M mencadangkan supaya syarikat pemegang bursa dikenakan sekatan daripada melupuskan kepentingan dalam subsidiarinya. Seksyen berkenaan memperuntukkan bahawa syarikat pemegang bursa tidak dibenarkan mengurangkan pegangan saham dalam subsidiarinya kepada satu tahap di bawah 75% daripada jumlah modal yang diterbitkan dan modal berbayar dalam subsidiari tersebut tanpa kebenaran bertulis Menteri Kewangan.

Seksyen 11O pula memperuntukkan bahawa mana-mana pihak dalam syarikat pemegang bursa yang ingin beroleh syer mengundi sebanyak 5% atau lebih mestilah

mendapat kebenaran Menteri iaitu selepas disyorkan oleh SC. Di samping itu sebarang perolehan substantif atau pelupusan aset-aset oleh syarikat pemegang bursa atau mana-mana subsidiari juga memerlukan pemberitahuan bertulis terlebih dahulu kepada SC.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan sebanyak 30% daripada nilai dalam BSKL yang demutualisasikan, diagihkan kepada Dana Pembangunan Pasaran Modal or CMDF dengan izin. Secara umumnya sumber utama dana CMDF ialah hasil daripada jualan saham dan juga sumber-sumber lain yang sah di sisi undang-undang.

Bagi mengukuhkan akauntabilitinya, Fasal 35 Rang Undang-undang telah memperkenalkan Bahagian VIII A yang baru dengan mencadangkan supaya CMDF ditubuhkan sebagai suatu dana *statutory*. Objektif CMDF adalah untuk mempromosikan pasaran modal yang cekap, inovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa, membangunkan serta mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan oleh pasaran modal, membangunkan pengawalseliaan sendiri, mempromosikan penyelidikan yang berkualiti tinggi dan menyediakan program-program pembangunan.

CMDF juga akan ditadbir oleh sebuah badan lembaga yang akan dianggotai oleh seramai 7 orang ahli yang terdiri daripada Pengerusi SC sebagai ahli *ex-officio* yang akan menjadi Pengerusi Lembaga dan ahli-ahli yang lain ialah Timbalan Ketua Eksekutif SC, sebagai ahli *ex-officio* seorang wakil daripada BSKL, 4 orang ahli lain yang mempunyai pengetahuan-pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kewangan, perniagaannya, undang-undang dan pengalaman lain yang berkaitan.

SC akan bertindak sebagai sekretariat CMDF, bertanggungjawab untuk membantu lembaga menjalankan pentadbiran harian dan pengurusan hal ehwal dana, selaras dengan rangka kerja akauntabiliti awam, lembaga dikehendaki melaporkan hal-hal pentadbiran CMDF secara tetap kepada Menteri Kewangan dan menyerahkan penyata kewangan dan laporan tahunan untuk dibentangkan di Parlimen. Menteri Kewangan akan diberikan kuasa yang lebih luas untuk mengawasi pentadbiran CMDF termasuklah kuasa untuk mendapatkan maklumat tertentu .

Tuan Yang di-Pertua, peranan pengawalseliaan dan tanggungjawab bursa selepas demutualisasikan perlu disusun semula untuk mengurangkan tugas dan tanggungjawab yang bertindih. Menangani konflik kepentingan, memperjelaskan peranan dan tanggungjawab serta meningkatkan kecekapan supaya badan-badan berkenaan boleh menggunakan sepenuhnya kuasa yang diberikan oleh kaedah dan undang-undang masing-masing. Di antara peranan pengawalseliaan yang perlu disusun semula termasuklah fungsi pengawalseliaan yang pada masa ini dikongsi dan dijalankan secara bersama oleh kedua-dua pihak BSKL dan SC.

Bagi tujuan tersebut dicadangkan supaya Seksyen-seksyen 11, 28B dan 100 dipindah untuk membolehkan SC mengambil alih tugas kawal selia yang sebelum ini dijalankan oleh BSKL. Selain daripada itu, Fasal 11 rang undang-undang mencadangkan supaya Seksyen 11 dipinda untuk memperjelaskan senarai pihak yang bertanggungjawab mematuhi kaedah-kaedah bursa serta tindakan yang boleh diambil jika mereka melanggar kaedah-kaedah tersebut.

Satu perubahan penting yang diperkenalkan ialah memberi kuasa kepada SC untuk meminta mana-mana pihak yang melanggar peraturan supaya mengambil langkah-langkah yang dicadangkan oleh SC untuk membetulkan pelanggaran atau mengurangkan kesan pelanggaran. *Remedy* yang sama juga diperuntukkan dalam Seksyen 28B dan 100. Dengan adanya peruntukan ini SC mempunyai fleksibiliti untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan sekuriti dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempromosikan dan memudahkan *e-dagang* dalam pasaran modal, Fasal 19 mencadangkan pengurusan fail dan penyelenggaraan dokumen-dokumen dibuat dalam bentuk elektronik. Dalam hubungan ini, dicadangkan supaya Seksyen 34 dipinda untuk mengenal pasti bentuk media, baru boleh digunakan. Bagi memastikan kesemua pengurusan dana termasuk dana unit amanah dikendalikan oleh pengurus kumpulan wang berlesen adalah dicadangkan supaya beberapa peruntukan mengenainya dipinda.

Pada masa ini melalui perintah Suruhanjaya Sekuriti, pengurus Kumpulan Wang Terkecuali Tahun 1997, SC memberikan pengecualian kepada orang-orang tertentu yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dana unit amanah daripada dilesenkan. Dalam hubungan ini, Fasal 51 rang undang-undang ini mencadangkan peruntukan untuk menarik balik perintah tersebut. Walau bagaimanapun, dalam tempoh peralihan, kesemua orang di bawah perintah tersebut hendaklah disifatkan sebagai pengurus kumpulan wang berlesen untuk tempoh satu tahun daripada tarikh pindaan akta ini berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perubahan di atas berupaya menangani isu pengurusan Dana Unit Amanah tetapi peruntukan mengenai pengendalian unit-unit amanah oleh dana-dana tersebut perlu juga dikemaskinikan. Bagi tujuan tersebut, definisi "Peniaga Terkecuali" dalam Seksyen 2 Akta Ibu perlu dipinda supaya status peniaga terkecuali diperluaskan untuk meliputi mana-mana individu yang berdaftar dengan satu badan yang diluluskan oleh SC dan perniagaan sekuriti yang dijalankan itu adalah berkait dengan kegiatan untuk mengaturkan atau menawarkan penjualan atau pembelian sebarang kepentingan dalam Skim Unit Amanah. Pada masa yang sama, definisi "Penasihat Pelaburan" turut diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, isu keselamatan dana yang dimiliki oleh pelanggan telah menjadi perhatian ramai berikutan beberapa kes salah pengurusan yang dilakukan oleh pengurus kumpulan wang yang tidak bertanggungjawab. Bagi memastikan dana yang dipegang oleh pengurus kumpulan wang berlesen dilindungi secukupnya dicadangkan supaya definisi "Penjaga" adalah dengan izin, *custodian* dalam Seksyen 47C dipinda.

Fasal 23 rang undang-undang mencadangkan pindaan untuk memasukkan kategori pihak-pihak yang boleh bertindak sebagai penjaga.

Di samping itu, Seksyen baru 47F juga diperkenalkan mengenai proses untuk memindahkan harta atau wang yang menjadi pelanggan kepada pengurus kumpulan wang kepada satu syarikat amanah atau mana-mana individu yang akan ditentukan oleh SC. Pemindahan tersebut akan dilakukan sekiranya SC berpuas hati bahawa pengurus kumpulan wang yang berkenaan tidak melanggar peruntukan Akta Ibu atau SC berpendapat tidak menjejaskan kepentingan pelanggan.

Bagi melindungi kepentingan mereka yang menjadi pelanggan kepada seseorang penasihat, Fasal 21 mencadangkan supaya Seksyen 40A dipinda bagi memastikan penasihat mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa maklumat mengenai objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan tertentu yang diberikan kepada pelanggan adalah tepat dan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, keutuhan proses penjelasan dan penyelesaian transaksi sekuriti yang dikendalikan oleh rumah penjelasan terutama selepas demutualisasi amat penting untuk memastikan keyakinan pelabur.

Pada masa ini, Seksyen 126B menyediakan peruntukan ketidakpakaian undang-undang *insolvency* dengan izin, secara umum terhadap penjelasan dan penyelesaian sesuatu kontrak pasaran. Namun begitu, peruntukan ini tidak mencukupi dan dicadangkan satu peruntukan baru dimasukkan dalam Fasal 46 rang undang-undang ini bagi tujuan menyediakan dengan lebih terperinci ketidakpakaian peruntukan *insolvency* terhadap operasi penjelasan dan penyelesaian sesuatu rumah penjelasan.

Peruntukan ini tidak terpakai kepada peruntukan *insolvency* berkaitan dengan penyelesaian kontrak pasaran dan juga prosedur ingkar atau dengan izin *default proceeding* dan diambil oleh pusat penjelasan. Untuk memastikan pegawai perhubungan tidak dipertanggungjawabkan kerana tidak melaksanakan peruntukan *insolvency* yang sedia ada, peruntukan ini telah memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membebaskan pegawai pemegang berkenaan daripada keperluan mematuhi fungsi pegawai perhubungan yang dilaksanakan melalui prosedur ingkar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada *whistle-blowing* dengan izin adalah perlu bagi mengukuhkan peranan juru audit untuk menyediakan penyata kewangan syarikat tersenarai.

Fasal 42 rang undang-undang telah memperkenalkan Seksyen 99E bertujuan untuk mewajibkan juru audit kepada syarikat awam tersenarai menyampaikan laporan mengenai pelanggaran undang-undang sekuriti dan kaedah bursa dengan seberapa segera kepada SC dan Bursa Saham. Di bawah peruntukan ini, juru audit akan diberi perlindungan *statutory* daripada disaman dalam mana-mana mahkamah sekiranya mereka mengemukakan laporan dengan niat yang baik semasa menjalankan tugasnya.

Seksyen baru 99F pula memberikan perlindungan *statutory* kepada *whistle-blowers* seperti ketua eksekutif, ketua pegawai kewangan, juru audit dalam dan setiausaha syarikat. Perlindungan undang-undang di bawah seksyen ini adalah untuk menghalang daripada tindakan penyingkiran, diskriminasi, penurunan pangkat dan penggantungan yang mungkin diambil ke atas pegawai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003 adalah bertujuan untuk menyediakan satu rangka pengawalseliaan yang akan menyokong pelaksanaan proses demutualisasi BSKL mementingkan ketelusan tadbir urus korporat dan pengurusan *resistal*, mempertingkatkan perlindungan pelabur dan menyelaraskan peruntukan di antara Undang-undang Sekuriti untuk mengemas kini dan melancarkan proses pengawalseliaan. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Jeli.

12.57 tgh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Bagi saya, sebelum kita membincangkan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, ekoran daripada *demutualization of the Kuala Lumpur Stock Exchange*, saya ingin membawa Dewan merujuk kepada satu hadis Nabi, Rasulullah s.a.w yang berbunyi, *[Membaca sepotong ayat suci al-Quran]* yang bermaksud, "Setiap orang itu dilahirkan mempunyai tanggungjawab dan setiap orang yang diberikan tanggungjawab itu, mereka bertanggungjawab terhadap apa-apa di bawah jagaan mereka. Mereka dipersoalkan tentang amanah dan juga sebarang perkara di bawah pentadbiran mereka."

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adapun tujuan kita meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 ini ialah untuk mengawal dan juga melicinkan lagi tetapi bagi pihak saya, saya lebih hendak melihat kepada pengawalan kepada salah laku yang berlaku di dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dipantau oleh Suruhanjaya Sekuriti ini.

Kita melihat bahawa walaupun pindaan ini lebih kepada, umpamanya, hendak memberikan satu status kepada Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti yang sekarang ini, Datin Zarina Anuar, sebagai *indirectly* CEO kepada Suruhanjaya Sekuriti ini, tetapi kita tidak mahu rakyat teramai tidak dapat pembelaan daripada gergasi-gergasi besar, orang-orang kaya yang mempunyai banyak wang memanipulasikan arah pergerakan nilai mata komposit pasaran saham Kuala Lumpur itu sendiri.

Kalau kita umpamanya, saya pun kadang-kadang tertanya-tanya kepada diri saya, rasional di antara *demutualization* dengan tidak *demutualization*. Kadang-kadang kita lihat bursa saham yang terbesar di dunia, Bursa Saham New York tidak *demutualized*, tetapi Pasaran Saham London *is demutualized*. Jadi, mungkin ada *pros and cons* dari segi *demutualization* dan bukan *demutualization* itu. Tetapi kalau di Amerika, Tuan Yang di-Pertua, satu skandal yang besar yang mana berlakunya *insider trading*, kira-kira 10 tahun yang lalu. Mereka yang terlibat di dalam *insider trading*, Tuan Yang di-Pertua, diambil tindakan. Yang paling popular ialah Ivan Bosky.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup pukul 1.00 tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak, tidak, tengah berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, belum habis. Minta maaf, sebab tidak ada catatan. Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Bagi menyambung perbahasan saya tentang meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, perlu kita melihat senario di mana kita berada semasa kita meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Bursa Saham Kuala Lumpur bersama-sama dengan Singapura, semasa percantuman tersebut, pada ketika itu saiz Bursa Saham Kuala Lumpur berada di tempat ketiga selepas daripada Bursa Saham Tokyo dan Bursa Saham Hong Kong. Bila mana berpecah di antara Bursa Saham Kuala Lumpur menjadi Bursa Saham Kuala Lumpur dan Bursa Saham Singapura, Bursa Saham Kuala Lumpur masih lagi berada pada kedudukan yang ketiga dari segi saiz dan nilai pasaran. Akan tetapi akhir-akhir ini, daripada kedudukan kita yang nombor tiga dalam masa 10 tahun ini beberapa bursa saham dari segi nilai pasarannya telah pun mengatasi kita.

Antara bursa-bursa saham yang telah mengatasi kita ialah Bursa Saham Shanghai, Bursa Saham Seoul – KOSPI, Bursa Saham Taiwan dan Bursa Saham Singapura. Bahkan nilai dagangan harian kesemua bursa saham yang saya nyatakan tadi jauh mengatasi nilai dagangan harian yang berlaku di Bursa Saham Kuala Lumpur. Tambahan pula dalam dua bulan kebelakangan ini, kenaikan yang paling kecil di kalangan bursa-bursa saham di Asia Timur termasuk Bursa Saham Philippine – PSE, Bursa Saham Thailand – SET (*Security Exchange of Thailand*) dan juga *Jakarta Stock Exchange* – JSE.

Dengan mengambil kira kesemua bursa saham ini, Bursa Saham Kuala Lumpurlah yang mengalami kenaikan yang paling kecil sekitar 10% kerana pada waktu dahulu mata ataupun indeks Bursa Saham Kuala Lumpur sekitar 680, sekarang ini berada pada satu ketika peringkat yang paling tinggi, empat, lima hari lepas, sekitar 750 mata tetapi ekoran SARS yang dikatakan berlaku di Singapura telah jatuh kepada 736 mata pada hari semalam. Akan tetapi apa yang saya hendak nyatakan bahawa di kalangan semua bursa saham Asia Timur, Bursa Saham Kuala Lumpur mengalami kenaikan yang paling kecil sekitar 10% tetapi bursa-bursa saham lain terutama Thailand mengalami kenaikan hampir 40%. Bahkan Jakarta itu sendiri yang terlibat dengan dua kali pengeboman sama ada di Bali dan juga di Hotel J.W. Marriot, masih menunjukkan kenaikan sekitar 30%.

Ini suatu persoalan yang kita kena tanya diri kita, di mana silap kita sehinggakan kenaikan kitalah yang paling kecil. Maknanya, seolah-olah timbul satu trend, satu *Herding System*. Bermakna sudah ada satu trend bahawa sudah ada kemasukan wang-wang sama ada dari dana-dana asing ke dalam bursa-bursa saham yang saya nyatakan tadi. Bahkan saya agak sedih bila kita baca bahawa kemasukan dana asing yang paling kecil dalam bursa-bursa saham di Asia Timur adalah Malaysia.

Taiwan kemasukannya cukup besar, bahkan Jepun terutama Shanghai kemasukan dana asing untuk bermain dalam pasaran mereka cukup besar. Sebab itu saya fikir ada beberapa langkah kemungkinan, ada beberapa pendekatan. ada beberapa amalan kemungkinan yang kita ada ini yang masih belum lagi dapat mengheret, mengajak mereka untuk melabur terutama pemegang-pemegang dana yang besar khususnya yang paling popular umpamanya California Public Employees' Retirement System (CalPERS) sepatutnya sudah masuk Bursa Saham Kuala Lumpur Malaysia sebagai salah satu daripada bursa-bursa saham yang layak untuk dimasuki oleh mereka kerana CalPERS ini merupakan pelabur jangka panjang.

Maknanya duit yang mereka masuk tidak boleh sangat hendak diistilahkan sebagai *hot money* kerana kita pun bimbang juga kadang-kadang kalau kemasukan itu secara tidak terkawal, kerana mereka yang bermain dalam pasaran saham ini sebagai satu benda yang *easy exit*, dengan izin. Mereka boleh keluar dengan mudah. Pada suatu ketika semasa berlaku lambakan pengeluaran dana asing ketika *recession* pada 1997, kita dapati mereka telah mengeluarkan wang secara banyak dan kita telah memperkenalkan wang itu mesti di *retain* untuk selama enam bulan sebelum boleh dibenarkan untuk dikeluarkan. Kalau itu masih diamalkan, saya fikir sukar untuk kita menarik pelabur-pelabur ini datang kembali ke Bursa Saham Kuala Lumpur.

Apa yang kita lihat kenaikan bursa saham kita ini tidak didorong oleh faktor-faktor kemasukan dana asing tetapi lebih didorong oleh kita mempunyai beberapa dana besar khususnya dana EPF itu sendiri yang mana mempunyai nilai aset sekitar RM200 bilion lebih dan kerajaan kita tidak membenarkan sama sekali dana EPF ini untuk dilaburkan ke tempat-tempat *emerging markets*, dengan izin.

Sepatutnya kita sudah boleh, sudah sampai waktu dan ketikanya kita boleh membenarkan EPF ini mungkin sekitar 20% didedahkan, *expose* kepada *emerging market* kerana bila dilaburkan kepada *emerging market*, dengan sendirinya ia boleh memberikan pulangan yang lebih baik dari sudut dividen dan sebagainya kepada pencarum-pencarum EPF ataupun KWSP itu sendiri tetapi bila ditanya dalam negara kita, kenapa EPF memberikan dividen yang begitu rendah? Sudah dua tahun berturut-turut memecahkan rekod dari sudut dividen EPF itu sendiri, alasan yang digunakan oleh kerajaan ialah EPF digunakan untuk membeli bon kerajaan dan juga EPF digunakan untuk bermain dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Jadi kalau secara umumnya indeks bursa saham itu jatuh maka automatik keuntungan yang diperolehi oleh KWSP juga jatuh tetapi kalau kita perhatikan secara jujur dan halus seolah-olah ada satu trend yang berlaku dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, di mana bila hampir dengan sambutan hari raya sama ada Hari Raya Cina, Gong Xi Fa Chai, Hari Raya Puasa atau Krismas kita akan lihat satu trend seolah-olah ada satu desakan untuk menggunakan barang-barang ini secara agresif, untuk meningkatkan mata demi untuk dilihat sebagai satu pemulihan kepada keadaan ekonomi.

Trend ini jika kita lihat dalam masa sepuluh tahun kebelakangan ini sudah boleh dilukis *pattern*nya, boleh dibuat satu tesis tentang *pattern* bila hendak berlaku hari-hari besar ini, maka bila dilihat *pattern* pada waktu itu grafnya sedikit menaik tetapi graf sedikit menaik itu bukan kerana faktor bebas tetapi lebih kepada faktor campur tangan.

Jadi kalau ini berlaku seolah-olah Bursa Saham Kuala Lumpur sudah tidak *reflect*, dengan izin, iaitu tidak menggambarkan situasi sebenar dalam perniagaan. Benar kita tahu dan kita maklum, banyak juga bursa-bursa saham di dunia yang mana kerajaan terpaksa *intervene*, masuk campur tetapi janganlah terlalu nampak kerana bila terlalu nampak maka inilah yang mengurangkan keyakinan yang ada pada pelabur-pelabur terutama pelabur luar untuk datang dan melabur dalam Bursa Saham Kuala Lumpur itu sendiri kerana kita kena

ingat, walaupun kita tidak mengambil pinjaman IMF tetapi terbukti dari sudut kenaikan bursa saham, mereka yang mengambil *prescription* dan juga pinjaman IMF, menunjukkan prestasi bursa saham yang dua kali ganda paling minimum lebih baik dari Bursa Saham Kuala Lumpur.

Jadi adalah tidak benar untuk kita mengatakan bahawa mana-mana pihak yang 'menelan pil' *prescription* IMF adalah negara yang tidak akan maju tetapi terbukti umpamanya Korea Selatan yang membuat pinjaman USD55 bilion dalam masa tidak sampai dua tahun telah melangsaikan semua pinjaman USD55 bilion tersebut bahkan rizab Korea Selatan sekarang ini berada pada nilai USD250 bilion.

Begitu juga dengan Thailand yang mengambil pinjaman USD17.6 bilion pada waktu Chuan Lek Pai daripada Parti Demokrat memimpin Kerajaan Thailand telah mengambil pinjaman sebanyak USD17.6 bilion tetapi akhir-akhir ini di bawah Thaksin Shinawatra dari Parti Thai Rak Thai telah berjaya melangsaikan semua pinjaman tersebut bahkan rizab Thailand melebihi rizab negara kita sendiri. Sebab itu kita mesti lihat di mana tidak kena kita hingga menyebabkan situasi di mana masih belum ada ataupun dalam angka yang belum cukup banyak yang datang melabur dalam bursa saham kita...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jeli. Berkaitan dengan usaha-usaha penarikan dana asing ke BSKL dan perbandingan dengan negara-negara Asia lain khususnya Korea Selatan dan Thailand serta kejayaan mereka menarik pelabur-pelabur asing. Beberapa bulan yang lalu kita dengar kerajaan mengisytiharkan satu cadangan untuk menabung *ringgit for ringgit*. Kalau dana asing labur RM1 di BSKL, kerajaan berjanji ingin melabur RM1 juga di BSKL. Adakah program ini mengikut jangkaan Yang Berhormat bagi Jeli akan berjaya ataupun apakah agaknya akan berlaku jika ini dilaksanakan oleh kerajaan?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Setakat ini kita telah memberikan tawaran yang paling istimewa berbanding dengan rakan-rakan kita daripada ASEAN ataupun Asia Timur tetapi nampaknya kita ini masih belum lagi dapat memikat di mana cantik atau tidak cantik kita, *wallahualam*. Kenapa dalam keadaan kita boleh tawar *dollar to dollar*, orang lain tidak tawar *dollar to dollar* tetapi orang lain walaupun tidak tawar *dollar to dollar*, orang lain boleh pergi? Saya tidak kisah kamu tidak tawar *dollar to dollar* pun aku pergi ke tempat kamu, seolah-olah macam itu. Yang kita ini tawar *dollar to dollar*, engkau tawar RM1 pun suruh aku masuk sini namun aku tidak berkenan lagi pada kamu. Seolah-olah macam itulah kalau dramanya...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Yang Berhormat bagi Jeli ini adalah salah seorang yang mengikuti perkembangan turun naik bursa saham di Malaysia dan bursa saham di negara lain.

Saya hendak tanya secara mudah kalau boleh Yang Berhormat bagi Jeli beritahu kepada Ahli Parlimen sekalian, adakah sesuatu yang kalau bahasa orang kampung kata *spelek*, sesuatu cara yang terselit yang dilakukan oleh kerajaan untuk menaikkan sedikit saham-saham di bursa saham ini. Cara permainan kerajaan untuk *susuk* kepada rakyat, *susuk* kepada pemain saham ini menyebabkan indeks saham kita itu naik sedikit. Jadi orang pun terkejar-kejar kepada saham ini. Adakah satu cara atau kaedah yang boleh didedahkan oleh Ahli Parlimen bagi Jeli ini kepada kita. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Beliau ialah ayah sepupu saya. [Ketawa] Orang lain tidak tahu dia ayah sepupu saya sebab itu dia *smart* juga.

Jadi saya hendak beritahu, kalau kita baca rekod atau *reput* laporan KWSP itu sendiri kita boleh tengok jadual-jadual di mana mereka melabur di dalam bursa saham. Jadi kita tengok *timing*, waktu yang dilaburkan itu adalah waktu atau peristiwa yang memang kerajaan hendak menampakkan bahawa saham itu naik terutama sekali seperti mana saya kata dalam bentuk tahunan ialah di waktu-waktu atau hari-hari besar supaya rakyat ada duit lebih untuk berbelanja, supaya kegiatan ekonomi itu hidup.

Jadi digunakan dana-dana terutama dana EPF atau KWSP yang bernilai lebih daripada RM200 bilion, Tabung Haji juga yang selalu dipaksa kemudian Kumpulan Wang Amanah Pencen yang lebih kepada RM10 bilion. Inilah dana-dana yang selalu dipaksa sedangkan saya mencadangkan supaya dana-dana ini biar *diversify* portfolio itu sepatutnya. Kalau boleh di Bursa Saham Kuala Lumpur 30%, beli bon kerajaan 20%, bermain dalam *emerging market* mungkin 25%, barulah ia boleh mengurangkan risiko-risiko yang akan dihadapi. Sebab itu kita tengok tidak payah peliklah maka pada waktu itu kita tengok kaunter atau indeks mana yang naik. Jadi, kita tahu bahawa kerajaan hendak menaikkan indeks-indeks ini khususnya indeks-indeks yang mempunyai *political related*, dengan izin.

Satu lagi kita akan tengok umpamanya kalau hampir pilihan raya hendak diisytiharkan, maka kita akan tengok bahawa KWSP, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Tabung Haji dipaksa bermain secara besar-besaran dan kita akan tengok indeks-indeks yang disokong oleh dana-dana ini ialah indeks-indeks yang lebih kepada *related* dengan izin, UMNO *related company*. Selepas itu dia boleh jual dan boleh dibuat dana untuk lawan kita dalam pilihan raya. Ini semua orang tahu bukan ilmu baru, sudah lama.

Sebab itulah saya kalau boleh, perkara-perkara macam ini bukan kita sahaja tahu, kita baca *report-report* luar pun macam itu dia tulis. Sebab itu kita tidak boleh baca *New Straits Times* sahaja, tidak boleh baca *The Star* sahaja. Baca yang itu memang syok sokmolah kita, sentiasa syoklah kita. Kita kena buat *comparative study*, baca misal kata *The Nation*, misal kata *South China Morning Post*, *Asian Wall Street Journal* dibuat perbandingan.

Kita boleh ambil data-data kita sedikit dibanding dengan data-data yang ditulis oleh akhbar-akhbar lain dan kita buat satu perbandingan. Makna kita mempunyai data, maklumat yang lebih luas, bukan satu maklumat yang dikongkong. Bila kita baca satu maklumat yang dikongkong, kita akan jadi syok sendiri sampai bila-bila. Sebab itu kita kena lihat siapa pesaing kita, sebab itu dalam kes ini saya bimbang, walaupun kita telah mewujudkan Akta Suruhanjaya Sekuriti ini di celah-celah keadaan bursa saham kita begitu rupa, yang tercorot berbanding dengan pesaing-pesaing kita, kita memperkenalkan Akta Suruhanjaya Sekuriti ini.

Maka kita bimbang kerana kita tidak berani mengambil tindakan, seperti mana yang diambil tindakan oleh Bursa Saham New York terhadap Ivan Bosky. Dia boleh memenjarakan Ivan Bosky dan satu lagi kita kena tengok bahawa Lembaga-lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan Bursa Saham Kuala Lumpur tidak ada liabiliti peribadi kepada apa-apa *transaction* yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini, kerana kita ingat kenapa satu-satu syarikat itu dia beria-ia benar untuk masuk dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ialah kerana pertama hutang-hutang selama ini yang dijamin oleh peribadi telah dilepaskan kepada *corporate guarantee*. Jadi bermakna pengarah lepas, bila pengarah lepas walaupun ada sekuriti komisen sekarang ini, setakat mana ketelusan yang kita boleh semak. Perjalanan sekuriti komisen itu sendiri, perjalanan syarikat yang melabur dalam syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur itu.

Umpamanya kita boleh tengok banyak kes, di mana syarikat-syarikat ini dia buka anak-anak syarikat. Dia buka anak-anak syarikat dan anak-anak syarikat ini berapa peratus dimiliki oleh sama ada dengan izin, *managing director* dia, *executive chairman* dan projek-projek yang diperolehi oleh syarikat-syarikat ini disubkontrak kepada syarikat-syarikat sendiri berhad dan sebagainya yang mana dia mempunyai ekuiti yang besar dan lebih menyedihkan tidak ada tender kerana anak kepada dia. Inilah sebabnya kita tengok dengan izin, *public* tidak dapat, dengan bahasa kampung, '*public makan kuah, dia makan isi*'. Dalam keadaan dia makan isi tapi dia terlepas kerana dia tidak menanggung risiko penjamin kepada hutang. Kalau apa hendak jadi pada syarikat itu, dia peduli apa.

Salah satu lagi *trick* yang dibuat oleh lembaga pengarah dia banyakkkan syarikat. Banyak, banyak, banyak, memperbanyakkan syarikat. Dia memperbanyakkan syarikat, dekat situ dia ambil berapa ribu, dekat sini dia ambil berapa ribu. Jadi *income* dia sudah berlipat kali ganda. Sebab itu sesetengahnya, walaupun dia ada satu sahaja syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur tetapi oleh sebab banyak sangat anak-anak syarikat, dia mungkin dapat RM80,000 sebulan.

Sebab itu kita tidak pelik kalau misal kata Lim Goh Thong sampai dapat RM85 juta setahun dan Vincent Tan sampai dapat RM72 juta setahun. Amir Sham, Maybank dapat - eh, banyak juta setahun. Itu hak kita belaka. Hak belakang itu orang saya belaka.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Adakah Yang Berhormat Jeli juga bermaksud hendak merujuk kepada Koperasi Usaha Bersatu (KUB Berhad) yang mempunyai berpuluh-puluh anak syarikat dalam berbagai-bagai bidang, tetapi akhirnya hampir-hampir bankrap dan pegangan oleh pihak asal pemegang saham di kalangan orang-orang Melayu terutamanya ahli-ahli UMNO melalui Koperasi Usaha Bersatu itu boleh dikatakan lupus.

Manakala usaha-usaha oleh beberapa syarikat lain untuk membantunya seperti Syarikat TDM yang dikuasai oleh Perbadanan Majukan Ekonomi Terengganu menjualkan sebuah kedai yang bernama A & W untuk membantu KUB. KUB beli tetapi gagal juga KUB. Maknanya Kerajaan Terengganu, PAS dah cuba hendak bantu kerajaan dan syarikat UMNO, gagal juga lagi. Apakah ini masalah kerana pengarah-pengarahnya atau apa Yang Berhormat Jeli?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dulu saya teringat berapa, 4-5 tahun sudah, sentiasa keluar dalam akhbar-akhbar, muka depan akhbar, Datuk Hasan Harun salah seorang Ahli Jawatankuasa Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang dapat nombor 22 daripada 25 dalam pemilihan baru-baru ini, yang terbaru. Dia kata bila kita K.B, kita senaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, maka akan ada tidak kurang 300 jutawan Melayu. Ha, bagus itu, iklan cukup hebat. 300 orang Melayu akan jadi jutawan. Bila disenaraikan sampai sekarang semua pakat menangis belaka. Apa sudah jadi dengan KUB? KUB pada satu ketika dapat durian runtuh daripada penjualan RHB Bank, dapat RM760 juta. Dapat durian runtuh sehinggakan aset KUB pada satu ketika, KUB ini hak milik UMNO, teman-teman kita daripada UMNO. Orang PAS dia tidak beri. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Tanjung Karang sudah bagi tahu sudah. Yang Berhormat bagi Larut bagi tahu orang PAS ini tidak ada canlah. Tidak usah dok mimpi hendak dapat harta negara ini.

KUB hak milik teman-teman kita daripada UMNO. Dia ada, dia dapat rezeki durian runtuh RM760 juta daripada penjualan RHB Bank menyebabkan aset dia bernilai lebih kurang RM1 bilion pada satu ketika, tapi kerana kegilaan hendak main pada *dot com, dot com, KUB dot com* sehingga akhir sekali KUB memang betul-betul *dot cong, betul-betul KUB jadi dot cong*, bukan *dot com* lagi, *dot cong*. Sehinggakan bila cong, asetnya sekarang daripada RM1 bilion sudah tinggal RM200 milion. RM1000 juta tinggal RM200 juta.

Maka panggillah Encik Khalid sekarang ini hendak mengurus balik. Yang dia sudah hilang entah ke mana. Tidak keluar dalam akhbar. Orang ini yang dok kritik selagi mana PAS tidak boleh hendak selesai air di Kelantan, tidak boleh bercakap, tidak pandai memimpin. Yang dia itu pandai macam mana. Orang bagi RM1000 juta, RM1000 juta jadi RM200 juta, pandai apa macam itu? Dok kata Tok Guru Nik Aziz tidak pandai, tidak boleh selesai air. Orang tidak tahu sekarang di Kelantan air sudah untung empat tahun berturut-turut.

Saya sudah baca dalam Belanjawan Tambahan peringkat dasar. Angka-angka saya sudah beri sudah. Sebab itu kita tidak berapa hendak beri air kita kepada Pusat jaga kerana kita pandai sudah jaga air. Sebab itu kita hendak bagi tahu bahawa umpamanya KUB. Contoh Tuan Yang di-Pertua, dia kata kita ada duit, ini cerita betul. Kita ada duit, maka oleh sebab gas ditemui di Kelantan, kawasan pertindihan JDA, *Joint Development Area* antara Kelantan dan juga Thailand.

Maka oleh sebab kawasan itu lebih kurang 88 kilometer dengan Pantai Senok. Maka dibuat satu *signing ceremony* besar-besar kalau kita masih ingat di mana Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri disambut secara besar-besaran, di mana nampak indah. Di mana UMNO dan PAS pada waktu itu menyambut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai kapasiti Perdana Menteri bersama-sama. Kita sambut kerana hendak menandatangani perjanjian perkongsian 50-50 antara KUB dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan.

Apa tugas Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan? Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan beri tanah, KUB beri modal, sudah KUB kata dia banyak modal, Kelantan bagi tanah. Kita tunai janji kita, kita bagi tanah. Kita ambil balik tanah kita, bagi tanah, tetapi bila tunggu modal sudah empat tahun, lima sen pun kita tidak dapat. Macam mana kongsi macam itu? Kita sudah beri tanah, kamu janji kamu keluar duit, tidak keluar duit? Apa jadi?

Sehingga menyebabkan laluan paip gas daripada kawasan bertindih yang sepatutnya dimasukkan ke Pantai Cenok di Bachok - tempat isteri kepada Yang Berhormat Wangsa Maju kita. Tapi dilarikan ke Chana, dia lari ke Chana di Haadyai. Daripada Haadyai dia pergi ke Changlun, Siam juga nama itu tapi di Malaysia. Daripada Changlun dia pergi ke Perai. Berapa kilometer? Daripada 88 kilometer sudah jadi sampai 200 kilometer ...lebih kurang 300 lebih kilometer campur yang laut menyebabkan kita belanja 3-4 kali ganda. Kenapa kita tidak datangkan ke Kelantan, kan senang kira. RM800 juta sahaja kosnya. Kenapa kita terpaksa belanja RM2 bilion lebih?

Sebab ini kita kena tengok, ini bukan saya hendak tengok. Saya ini manalah, main kecil-kecilan, sekarang tidak main sudah Bursa Saham Kuala Lumpur. Pemain yang besar-besar daripada Amerika daripada CalPERS hendak datang. Aku ini boleh percaya ke dekat kawan ini? itu kita hendak tengok keyakinan, *perception* itulah yang kita mesti menangi daripada pelabur-pelabur daripada luar.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jeli. Pohon penjelasan Yang Berhormat. Hasil daripada apa yang berlaku yang dibuat oleh KUB ini, akhirnya bukan sahaja gas tidak mendarat di pantai Kelantan hingga ke hari ini pun tidak boleh mendarat di pantai Thailand kerana rakyat Thailand dengan berani, dengan hak demokrasi yang tidak terdapat di sini, hak demokrasi rakyat Thailand ada, mereka bantah, tidak dapat mendarat.

Bermula daripada sekitar enam bulan yang lalu, kontrak untuk menaikkan gas daripada air, dari dalam bumi naik ke permukaan air, sudah pun selesai dan mengikut kontrak itu apabila proses itu selesai, kontraktor di Lapang Cakerawala ini sudah boleh menuntut hak-hak dalam kontrak.

Oleh itu, Petronas berbelanja berjuta-juta ringgit setiap hari untuk kontraktor yang telah menaikkan gas dari dalam perut bumi ke permukaan air laut itu. Kita membayarnya, gas tidak dapat didaratkan, rakyat bukan sahaja pemegang saham KUB, rakyat negara melalui Petronas kerugian beratus-ratus juta ringgit hasil daripada tindakan pimpinan Syarikat KUB yang disenaraikan di BSKL.

Minta pandangan Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, itulah Allah S.W.T. berfirman: [*Membaca sepotong ayat al-Quranul karim*] "Wahai orang-orang yang beriman, kamu jangan cakap apa yang kamu tidak buat, sangat besar kemarahan Allah kalau kamu cakap lain, kamu buat lain".

Fasal apa kita kata begitu? Kalau daripada kita, takkanlah kita hendak mengambil pepatah '*Kera di hutan disusukan, anak dikandung kelaparan*'. Kelantan ini bukan duduk di negeri Thailand. Kelantan duduk di Malaysia, salah sebuah negeri dalam Malaysia. Kenapa kita sanggup buat macam itu, sehingga menyebabkan tindakan ini? Petronas yang telah menandatangani kontrak pada tahun 2002, patut dah bekal dah, tetapi oleh sebab tidak dapat membekal, maka Petronas telah dikenakan penalti. Walhal syarikat yang menggerudi untuk buat projek-projek pelantar Technig daripada Perancis telah siap, bahkan sekarang ini sistem jaringan paip kerja-kerja awalan oleh Nacap daripada Changloon ke Prai boleh dikatakan kerja awalan, *design* dan sebagainya telah siap, tetapi Thailand

sampai sekarang tidak boleh buat apa. Tiga orang sudah mati dalam masa empat bulan, tiga orang sudah mati.

Inilah, tempat-tempat elok dah ada, kawasan aman, tenang, jimat kos tetapi kerana UMNO melihat daripada perspektif politik, kerana mengikut pandangan-pandangan pemimpin UMNO, dia kata kalau kita turunkan juga minyak dan gas ke pantai Cenok, jawabnya UMNO di Kelantan *inna lillah wainna ilaihi rojiuun*. Dari Allah kita datang kepada Allah kita kembali. Ini *arguments* yang diberikan oleh UMNO Kelantan.

Begitu juga, sebab itu penarikan tentang royalti di Terengganu, keluar dalam Konvensyen UMNO, dia kata kalau kita beri juga royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu maka kita juga menghadapi nasib yang sama, Sodoqallahul Aziim. Makna habislah cerita kita. Sebab itu jangan, masalah kita terserah kepada rakyat. Kalau kita lebih baik, rakyat sokong kita, kalau kita tidak lebih baik maka rakyat tidak akan sokong kita, kerana kerajaan ini merupakan hak rakyat, bukan hak parti mana-mana.

Sebab itu saya hendak mengungkit balik, sebab itu sekarang ini kementerian dan kerajaan harus lihat apakah faktor-faktor yang menyebabkan kenapa orang tidak datang. Itu kajian. Kenapa mereka sanggup datang ke negara-negara lain yang kita kata Indonesia tidak stabil, Thailand tak stabil, ini tidak stabil, orang lain semua tak stabil, tiba-tiba duit pergi ke situ.

Ini kita kena tanya, walhal kita telah memberi insentif *Dollar to Dollar*, masih lagi orang tidak datang, yang datang hanya kecil berbanding dengan negara-negara lain. Sebab itulah kita mesti berani mengambil tindakan, walaupun kadang-kadang tindakan itu mungkin terkena kepada beberapa pemimpin. Umpamanya, kita lihat pada satu ketika kalau kita pernah ingat berlaku di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur yang sedang meningkat naik dengan baik kira-kira tujuh tahun sudah, (1995), yang mana naik cukup baik, tiba-tiba pada waktu itu Tun Daim Zainuddin yang pada waktu itu Penasihat Khas Ekonomi kepada kerajaan. Penasihat Khas Ekonomi, dia kata "Saya ini bermain dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ini *weekend spender*", main hari-hari cuti begitu, *weekend spender*.

Bila dia sebut macam itu, sedangkan dia inilah yang dianggap sebagai manipulator terbesar Bursa Saham Kuala Lumpur, habis merudum saham Kuala Lumpur, habis merudum, kalau kita ingat. Banyak orang sampai hendak terjun pokok kelapa, sudah gila! Banyak, kerana apa? Kerana dia kata dia main ini waktu cuti, tetapi kerajaan tidak buat apa-apa tindakan. Apa kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila ditanya? "Saya sendiri pun tidak bermain dalam Bursa Saham Kuala Lumpur".

Sebab itulah janganlah kuat-kuat sangat main di Bursa Saham Kuala Lumpur, itu kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu. Dia kata jangan banyak-banyak sangat main dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Kerana apa? Kerana Tun Daim yang cakap. Tetapi bila George Soros - fasal George Soros ini lagi besar daripada Daim - bila George Soros jentik sedikit, bukan setakat Bursa Saham Kuala Lumpur, Bursa ASEAN, maka habis sampai ke Tun Daim pun jatuh, kata orang jatuh 'belebuk' juga kata orang Kelantan, jatuh teruk juga. Baru dia bising, mana dia George Soros pengkhianat antarabangsa?

Dengan izin, *that should not be the way*. Kalau kita meredhakan Tun Daim buat kepada KLSE patutnya kita juga patut meredhakan apa yang dibuat oleh George Soros, fasal mainan sama, kerana kita kena ingat. Kajiilah macam mana pun, panggillah pakar macam mana pun, sistem Bursa Saham ini dikira *herding*. Ini kawan-kawan kita daripada bangsa Cina tahu sangatlah yang ini terutama YTLnya, terutamanya Lim Goh Tongnya, terutamanya Ting Pek King semuanya dia orang tahu semua.

Dia pakat sahaja, dia boleh main pakat, okay sekarang kita hendak naik saham mana, okay kita boleh main, kita naik, orang pun ikut, ikut, lepas itu dia jual. Ada satu istilah dalam buku ekonomi yang dikarang di Amerika, yang dikeluarkan di Massachusetts University, buku ini saya lupa namanya itu. Dia kata pasaran saham ini, dia akan sampai satu tahap *the fool will cheat the fooler, the fooler will cheat the fooler*, makna ada satu-satu tahap orang yang paling bodoh sekali, dengan izin, ada. Bila naik, naik, tiba-tiba yang kemuncak, siapa yang kena yang kemuncak, itulah orang yang paling bodoh sekali.

Ini dalam buku ini, *Trends of Stock Markets*. Dia bukan buat kajian di Malaysia, dia buat kajian seluruh dunia. Ini dibentangkan sendiri oleh Profesor Dr. Othman Yong dalam kuliah-kuliahnya. Beliau daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor pertama daripada bidang *finance* di negara kita, kawan kita daripada Maktab Rendah Sains MARA juga, umur 33 tahun sudah jadi Profesor dalam *bidang finance, one of the youngest professors*, kalau tidak silap saya. Jadi, saya hendak beritahu bahawa ini boleh atau tidak boleh pihak kerajaan memantau tentang *herding system*, tentang pattern pakat, tentang *insider trading*.

Insider trading, kita setakat ini kalau saya tidak ingat Tan Sri Ibrahim daripada Promet, seorang baru kita pernah mengambil tindakan itu pun RM600,000. Itu *nothing*lah RM600,000. Yang lain itu kita tidak pernah dengar, kecuali yang lain itu tipu akaun, tetapi dari segi *insider trading*, kita susah hendak tangkap. Jadi sebab itu kita hendak sekarang ini supaya kerajaan betul-betul serius, kita tangkap, jangan kira sesiapa, barulah nampak keyakinan itu ada, baru akan datang melabur secara beramai-ramai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur kita.

Sebab itu dalam akta ini kita hendak, kita sudah beri satu *endorsed post*, Timbalan Ketua Eksekutif ini, sepatut bila kita *endorse* itu maka dengan pengendorsan jawatan tersebut memberikan satu kekuatan untuk mengambil tindakan.

Kalau tidak, maka kita akan bermain di takuk yang lama.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pengendorsan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya, endorsan. Saya pun tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, dalam buku ini semua dia tulis pengendorsan, saya pun tidak tahu, ini istilah yang disahkan oleh DBP ataupun tidak, dia tulis pengendorsan, kebanyakan akta-akta ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh pihak kementerian juga melihat kepentingan pemegang-pemegang kecil (*minority shareholders*). Walaupun baru-baru ini kerajaan sudah tubuh Persatuan Pelabur-pelabur Kecil yang nampaknya adalah sedikit *prominency postnya* itu, tetapi saya hendak mencadangkan kalau bolehlah kerajaan tengok supaya mana-mana syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur itu, mana-mana individu kalau boleh sama ada *directly* ataupun *indirectly* janganlah memegang ekuiti melebihi dari 30%. Kalaulah mereka memegang lebih daripada 30% maknanya pelabur-pelabur *minority* akan dimanipulasikan oleh mereka. Sebab itu hadkan setakat 30% sahaja. Walaupun ada maknanya kalau kita hendak sampai *trigger point* - 33% kita kena maklumkan kepada kerajaan, tetapi dalam banyak hal kerajaan membenarkan, kerajaan mengizinkan.

Saya fikir kalau ini berlaku maka saya turut sangat bersimpati dengan pihak pelabur-pelabur kecil kerana pelabur kecil dengan izin *subjected to whim and fancy of the majority shareholders*. Saya fikir kalau kita boleh buat macam itu, yakni jangan lebih dari 30% sama ada *directly* campur *indirectly*, maka saya fikir *confident* orang lain hendak datang itu akan ada. Itu satu.

Yang kedua, kita tengok satu *trend* pula bila mana-mana syarikat hendak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, pendedahannya kepada pelabur-pelabur awam itu kadang-kadang kita tengok banyak dia kontrol. Kadang-kadang pernah beberapa syarikat – saya tidak ada daftar sekarang tetapi kalau hendak saya boleh beri dalam dua atau tiga hari lagi, mungkin *next week* saya boleh bagi, berapa banyak syarikat bila dia buka untuk publik rupa-rupanya dia buka untuk publik 10%, 15%, dia masih kontrol 90%. Jadi, seolah-olah syarikat ini hendak ambil kesempatan daripada dia ambil pinjaman dia beli bon, yang mana dikenakan faedah maka dia dapat *free fund*. Dia *relinquish* sedikit dia punya stake - 10% 15% tetapi dia dapat *free fund*. Daripada situ dia boleh pakat dengan kawan-kawan, 'jom kita jolok harga ini'. Apa yang berlaku kepada Repco. Repco satu ketika dahulu berapa ringgit? – RM40, sekarang berapa sen? Adakah munasabah daripada RM40 sampai jadi 7 sen. Ini mainan apa ini?. Lebih teruk daripada main poker lagi. Daripada RM40, main, main, jadi RM47, RM87 kalau tidak silap saya pada satu ketika RM87, tiba-tiba sekarang sen.

Inilah yang kita bimbang takut-takut berlaku benda macam ini maka yang aniaya, yang kasihan adalah pelabur-pelabur yang lain. Sebab itu pelabur sendiri pun janganlah ikut sangat rentak main teka. Pasaran saham kita ini kita tengok bukan sangat kepada *fundamental*, kadang-kadang prestasi syarikat bukan bagus tetapi macam mana saham boleh naik. Tak naik macam mana, paksa EPF beli.

Macam sekarang ada satu kes, satu orang dipaksa beli Kentucky Fried Chicken. Dia tidak ada kemampuan kita dok tunggu dia lagi. Sudah beri tempoh berapa lama suruh cari modal, dia tidak jumpa lagi modal, kita dok tunggu lagi. Patut kita sudah *clear cut*, you tidak layak, tidak ada *fund* hendak beli KFC. Patut kita beri kepada orang yang mampu beli.

Satu lagi, insya-Allah, betul-betul satu lagi. Saya hendak minta jelas tentang Fasal 14 dan 15 tentang meminda Jadual 2 dan 3 Akta 494 – “untuk memperjelaskan jenis-jenis terbitan, tawaran dan pelawaan Sekuriti yang tidak memerlukan pengeluaran suatu prospektus. ”Jadi, kalau begitu orang hendak tahu macam mana, orang kena pergi semak. Saya ingat ini tidak boleh kot. Patut kita keluarlah prospektus, berapa sen sahaja prospektus ini, *chicken feed*, dengan izin, berbanding dengan aset ataupun keuntungan syarikat itu. Saya fikir ini tidak bolehlah. Saya ingat prospektus ini kita keluarkan juga, biar dia iklan seperti mana sekarang. Iklan di akbar-akhbar supaya kita beri *awareness*, dengan izin kepada publik supaya syarikat ini boleh dipertanggungjawabkan bila mana berlaku hal - ini dia prospektus kamu. Jadi, kalau prospektus kamu, prospektus asli ataupun tipu kita boleh tahu.

Jadi, saya ingat kalau boleh pihak kerajaan fikir balik tentang hal ini supaya prospektus tersebut masih perlu dikeluarkan walaupun sekarang kita boleh dapat melalui e-mail dan sebagainya. Itu satu hal tetapi banyak lagi kita tengok transaksi yang tidak *on line*. Keadaan sekarang pun, hatta hari ini pun TA Securities pun beritahu masih ada 30% ke-40% lagi pelanggan (*client*) dia yang tidak menggunakan *on line*. Jadi, maknanya masih ada lagi sekitar 40% ke-50% pelanggan-pelanggan ataupun pelabur-pelabur yang tidak menggunakan *on line*. Jadi, sebab itu kalau kita tidak mengeluarkan prospektus, kita menafikan maklumat tentang apa yang kita hendak buat kepada pelabur-pelabur yang tidak menggunakan internet dan sebagainya.

Saya fikir setakat itulah, cuma saya minta kerajaan tolonglah fikir serius kenapa orang tidak datang ke tempat kita ini. Saya cukup sedihlah bila baca akhbar-akhbar, bukan akhbar di Malaysia, saya baca campur akhbar lain, saya hairan kenapalah orang tidak datang ke tempat kita ini. Saya sedihlah pasal saya rakyat Malaysia juga. Saya hendak kalau boleh biarlah parti mana pemerintah pun kalau pelabur itu datang setidak-tidaknya rakyat semua dapat manfaat, walaupun saya sendiri tidak dapat apa-apa. Saya sudah jelas memang kerajaan sudah sembelih, tetapi tidak mengapa saya reda walaupun kerajaan sembelih saya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Jeli tentang kenyataan yang mengatakan Bursa Saham Kuala Lumpur ini mulai menunjukkan peningkatan urus niaga selepas Amerika menguasai Iraq. Dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur dijangka terus rancak menjelang pembentangan Bajet 2004 dan dijangka menurun selepas itu. Pasaran dijangka terus lembap sementara menunggu peletakan jawatan Perdana Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jeli? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya tidak sangka rupa-rupanya Yang Berhormat bagi Peringat ini boleh baca warta berita juga dia, boleh ganti. Saham turun naik dia boleh baca. Yang sebenarnya ini kadang-kadang kita tidak hendak bergantung kepada sentimen. Kalau terlalu banyak kepada *perception*, kadang-kadang kita ini terlalu banyak berdasarkan *perception*, tanggapan. Benda-benda anomali yang tidak *tangible*, kita banyak bergantung kepada *intangibile*, susah juga hendak sebut *tangible*. Tetapi orang ekonomi dia tahulah. Maknanya sebab itu kalau kita fikir *figure* kadang-kadang mungkin dari sudut mainan politik, kalau satu-satu orang dia rasa-rasa “eh, sudah dekat Oktober rasa-rasa macam tidak hendak pencen lagi.” Misal kata. Dia rasa sudah dekat Oktober, dok seronok-seronok baru mempengerusikan Sidang OIC, syok pula lagi, jadi hendak mempengerusi sidang-sidang lain. Jadi, rasa-rasa tidak berapa hendak lagi pencen, maka dia boleh

create, "Okay, pemberita, *you* tulis". Pemberita boleh diupah, tidak ada masalah, kita pun tahu cerita ini ada pemberita-pemberita boleh diupah. Kadang-kadang pemberita pun ada *call* kita. Macam mana, tetapi kena bayarlah sedikit. Kita tahu, maknanya kita boleh tulis, okay untuk *favour*. Macam di Amerika Syarikat siapa boleh beli *journalist than you* dapat *coverage* yang cukup baik.

Jadi, maknanya boleh jadi dia hendak tengok bahawa dia seorang sahaja yang boleh mampu mentadbir negara, orang lain tidak layak, boleh jadi juga, sehingga Pak Lah sedih tengok, entah-entah cek aku ini *clear*kah atau *bounce*. Bila sampai 1 haribulan November ini *clear* atau *bounce*. Yang sebenarnya kita kena beri peluang kepada Timbalan Perdana Menteri kerana sudah tiga Timbalan Perdana Menteri yang terlepas keluar. Yang keempat ini janganlah buat lagi. Kalau buat lagi nanti orang kata, macam kita kahwin, asyik-asyik kahwin cerai, kahwin cerai. Takkan yang keempat kahwin pun engkau hendak kata bini engkau lagi perangai hodoh. Tak betul, orang kata engkau lah ini, bukan bini engkau orang kata.

Jadi, sebab itu sentimen ini lebih daripada pakatan, bukti berapa orang untuk menunjukkan ketokohan. Yang sebenarnya saya fikir insya-Allah, tidak begitu. Kalau kita perbetulkan transparansi Indeks Malaysia, kita pertingkatkan, maka kadar rasuah kita diturunkan, saya fikir insya-Allah, orang akan datang balik ke negara kita. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Berjalan masuk ke tempat duduk*]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hendak tanya, sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

3.19 ptg.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jeli, Tumpat, Rantau Panjang dan Peringat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang. Walaupun macam di antara *Opposition, a tripartite discussion*, saya hargai pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mempertingkatkan lagi pembangunan pasaran modal tempatan supaya menjadi sebuah pusat pasaran modal yang menarik di rantau ini.

Terlebih dahulu, saya ingin membangkitkan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, membangkitkan Fasal 14 dan 15. Saya ingat rang undang-undang Yang Berhormat bagi Jeli baca itu ialah SCA bukan SIA. SCA itu kita akan bangkitkan selepas ini mengenai faedah demutualisasi kepada negara kita. Pendemutualisasian Bursa Saham Kuala Lumpur adalah satu langkah yang penting dalam pembangunan pasaran modal Malaysia. Pembangunan pasaran modal Malaysia agak penting untuk pembangunan ekonomi di Malaysia. Sebagai salah satu cadangan pelan induk pasaran modal, pendemutualisasian adalah suatu strategi penting untuk mendahului cabaran-cabaran yang terhasil daripada persekitaran, perniagaan global dan dinamik serta berdaya saing. Walaupun pendalaman dari New York dan lain-lain ada masalah, bukan kata kita akan ikut mereka, mereka sahaja boleh jadi contoh. Tetapi, kita mesti ada keyakinan diri kita sendiri sebagai rakyat Malaysia kepada Bursa Saham Kuala Lumpur. Mengapa kita hendak ikut dia? Jikalau dia lemah, takkan kita lemah. *We learn from the lessons and but we do not stop our progress because we are weak* dengan izinnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita mesti gerak ke hadapan. Jikalau mereka lemah, bukan kekurangan kita. Kita masih lagi kuat sebab mereka lemah Tuan Yang di-Pertua. Di bawah struktur demutualisasian

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Ketawa]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Ketawa]

Datuk Dr. Ng. Yen Yen: Tidak apalah, nanti saya bagi. Bursa boleh ubah suai struktur [Ketawa] saya seronok sekali Tuan Yang di-Pertua. Di bawah struktur pendemutualisasian, bursa boleh mengubah suai struktur operasi perniagaannya dan mula membuat pertukaran yang penting dari segi kedudukan strateginya. Bursa yang telah didemutualisasikan akan berada dalam keadaan yang lebih sesuai untuk ia meneruskan strategi-strategi membentuk komersial dengan pemegang-pemegang berkepentingan yang lebih meluas termasuk penerbit dan pelabur. Bursa yang telah didemutualisasikan ini juga akan mempunyai lebih fleksibiliti untuk membuat keputusan yang lebih pantas berserta dengan perwakilan pemegang berkepentingan yang luas. Dalam hal ini, usaha pendemutualisasian ini adalah satu usaha untuk memperkayakan hasil pasaran modal Malaysia.

Di samping itu, bursa yang telah didemutualisasikan mempunyai *flexibility* untuk menggunakan pasaran modal untuk mengembangkan modal asasnya. Dari mana ianya boleh memperluaskan dan membangunkan skop dan segala operasinya. Hasilnya, bursa yang telah didemutualisasikan akan berada dalam kedudukan yang terbaik untuk memenuhi cabaran hasil dari persaingan global dan inovasi teknologi.

Cadangan pendemutualisasian BSKL adalah satu projek yang dipromosikan secara aktif oleh BSKL dan dinasihati oleh penasihatnya *Mackenzie & Co.* Rundingan dan maklum balas yang meluas telah dijalankan antara kesemua pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan termasuk syarikat-syarikat broker saham, syarikat-syarikat tersenarai, pelabur institusi dan pengurus dana. Pengalaman pasaran-pasaran lain yang telah mendemutualisasikan bursa masing-masing seperti Bursa Saham Toronto, Hong Kong, Singapura dan Australia juga telah dikaji dengan terperinci sebagai panduan untuk menghasilkan polisi dan rangka kerja pengawalseliaan yang sewajarnya untuk didemutualisasikan.

Mengenai pelabur asing, khususnya Yang Berhormat kata Cooper's, kita tahu syarikat Amerika bukan satu negara yang sangat *friendly* kepada kita dengan izinnya. Apa-apa maklumat, apa-apa media yang ada di Amerika, selebihnya *it's more negative* dengan izin dengan positif. Jadi, masa sekarang mereka harap kita ada dalam suasana yang terbaik sekali. Pada masa sekarang, mana ada bursa saham di seluruh negara boleh janji ada dalam suasana terbaik sekali? Jadi, tidak payahlah kita tunggu dari Cooper's, kita tunggu kita sendiri. *Why do we want to depend on Cooper's* Tuan Yang di-Pertua? Kita biar kita ada sendiri kita punya keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi pasaran saham Malaysia berbanding dengan Indonesia, sekali lagi prestasi indeks sesebuah bursa saham tidak boleh dinilai pada jangka masa pendek, sekurang-kurangnya dari satu tahun. Bursa saham Jakarta nampaknya meningkat 30% pada tahun ini. Hanya titik permulaan jangka masa pada awal tahun ini sangat rendah kerana keburukan ekonomi tahun lepas. Tetapi, sekiranya kita lihat prestasi indeks pada jangka masa yang lebih lama iaitu lima tahun kebelakangan ini, nyata sekali BSKL jauh meningkat berbanding dengan Jakarta, 108% jika berbanding dengan 78%.

Jika kita kata IMF, Korea dan Thailand dapat maju selepas IMF, kita sendiri pun sangat maju dalam menangani krisis kewangan, setiap negara mempunyai pendekatan yang tertentu dan paling sesuai bagi ekonomi masing-masing. Dalam perkara ini, kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan supaya tidak menelan pil pahit IMF dan supaya tidak tertakluk kepada syarat-syarat IMF. Kita patut merasa bangga, baru-baru ini Pengarah Urusan IMF telah membuat kenyataan bahawa tindakan Malaysia ini adalah betul dan telah mendatangkan manfaat kepada ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahawa di Amerika Syarikat, pihak-pihak yang telah dikaitkan dalam aktiviti *insider trading* seperti Ivan Bosky telah disabitkan, pihak SC pun telah mengambil langkah-langkah yang khusus untuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sekuriti. Dalam perkara ini, SC telah pada tahun lalu mendakwa Tony Tia bagi mengemukakan pernyataan palsu kepada BSKL. Berkenaan dengan kesalahan *manipulation* dan *insider trading*, dua orang telah disabitkan kesalahan. Untuk kesalahan

securities fraud, pihak setelah mendapat sabitan kesalahan di mana dalam dua kes, empat individu telah dijatuhkan hukuman penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jeli telah membangkitkan berapa banyak *small players*, pelabur yang kecil, yang dapat kerugian di dalam bursa saham. Ini bukan kerugian Bursa Saham di Kuala Lumpur sahaja. *It's a world trend* dengan izin. Sebab itu, kita mesti memberikan kita punya penduduk, kita punya *players*. Jangan main dengan emosi, tetapi main dengan *fundamentals*. Dengan ini, baru kita boleh meninggikan, kita boleh ada satu pasaran yang sihat. Jadi, saya ingat Yang Berhormat bagi Jeli mesti dapat keuntungan banyak sebab *I* nampak dia sangat fasih dan sangat faham keadaan BSKL. Jadi, *I don't think he has lost money*, dengan izinnnya Tuan Yang di-Pertua. Begitu faham BSKL.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Ng. Yen Yen: Tetapi, *the real truth* Tuan Yang di-Pertua, apa yang benar adalah kelemahan kemanusiaan, *for short term gains*. Sesiapa pun dapat kerugian, bukan Yang Berhormat bagi Jeli sahaja. Saya ingat di dalam Dewan ini pun, walau kita semua bijaksana, *I mean we're supposed to be the best* dengan izinnnya di negara ini, tetapi ramai pun dapat kerugian sebab kelemahan kemanusiaan *for short terms gain* dengan izin. Jadi, kita harap dengan semua perubahan Bursa Saham Kuala Lumpur, kita boleh bangkit sesuatu kaum rakyat Malaysia yang sangat-sangat bijaksana semasa mereka main dengan saham. Dengan itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal 1 hingga 52 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Dr. Ng. Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti tahun 1993 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 bertujuan untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti serta mengawal selia aktiviti penjana dengan izin, *fund rising model* oleh syarikat-syarikat. Cadangan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti atau SCA 1993 adalah perlu supaya selaras dengan pindaan yang dibuat ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau SIA bagi merealisasikan proses demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang penting termasuklah peruntukan untuk memudahkan dagangan elektronik atau e-dagang dalam pasaran modal untuk memastikan peruntukan dalam undang-undang sekuriti bersifat neutral teknologi.

Fasal 3 rang undang-undang mencadangkan Seksyen 2E dipindahkan untuk memperluaskan keupayaan SC menyediakan perkhidmatan elektronik bagi urusan pemfailan, penyerahan simpanan dan penyerahan dokumen.

Fasal 4 pula memperkenalkan Seksyen-seksyen baru 2F, 2G dan 2H yang juga bertujuan untuk memastikan undang-undang sekuriti bersifat neutral teknologi.

Fasal 8 dan 12 rang undang-undang mencadangkan supaya Seksyen-seksyen 33D dan 158 dipinda bagi menyelaraskan tindakan-tindakan pentadbiran yang boleh diambil oleh SC ke atas orang-orang yang gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kuasa tersebut diperluaskan untuk menghendaki orang-orang berkenaan mengambil langkah-langkah seperti yang diarahkan oleh SC untuk *remedy* atau mengurangkan kesan kepada mana-mana orang yang teriklan di atas kegagalan pematuhan.

Fasal 10 memperkenalkan peruntukan baru 151A bagi menjelaskan kedudukan undang-undang terhadap dokumen-dokumen SC yang telah ditangani untuk diserahkan dalam prosiding sivil atau jenayah. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah Perenggan 3, 13 dan 14 dalam Jadual 1 untuk mengecualikan kesemua *share* pekerja, skim opsyen, *share* pekerja dan terbitan bonus yang layak untuk dikecualikan daripada kelulusan SC di bawah Seksyen 32, akta ibu.

Pindaan tersebut adalah bertujuan untuk memberi fleksibiliti kepada perbadanan untuk menawarkan skim *option share* pekerja sebagai satu cara untuk menarik individu yang berkebolehan untuk terus berkhidmat dalam sesebuah perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003 adalah bertujuan untuk memperuntukkan suatu rangka pengawal seliaan yang menyokong pelaksanaan proses BSKL menyediakan peruntukan bagi memastikan undang-undang sekuriti adalah mesra teknologi, memudahkan penerbitan sekuriti bagi kumpulan tertentu mempertingkatkan perlindungan pelabur. Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat bagi Jeli.

3.35 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Yang ini saya rasa pendeklah. Dia berturut juga lebih kurang tadi.

Cuma saya pun tidak sempat hendak sebut tadi yang tentang suruhanjaya mengambil pelbagai tindakan pentadbiran dalam kes Akta Suruhanjaya Sekuriti tadi pun dia mengambil tindakan pentadbiran terhadap mana-mana orang ataupun mana-mana CEO *company*.

Saya fikir kalau setakat mengambil tindakan pentadbiran, itu nampak macam penaltinya, lembutlah. Ibarat macam kita gosok sahaja dia, "Lain kali jangan buat, ya!" *Something like that*lah. Jadi saya ingat *it has to be a little bit harsher*lah dengan izin. Satu lagi saya pun kadang-kadang... istilah kampung ini dia kata, kalau keadaan sekarang demutualisasi ini seolah-olah sekarang ini *referee* sudah gila hendak main sendiri. *You faham? [Ketawa]*

Sekarang ini *referee* sudah gila hendak main sendiri. Dia sudah tidak boleh jadi *referee* kerana dia pun gian hendak main. Saya ingat kadang-kadang ada bahaya juga kita biarkan pengadil pun main kerana walaupun dalam satu segi saya agak, umpama sekarang dalam kita melihat tentang... umpamanya kalau dahulu KLSE ini bersikap sebagai *guarantor* tetapi sekarang ini dia sudah dalam bentuk *share*. Dia boleh kemukakan.. maknanya dia itu sendiri sudah jadi pemain. Bila dia jadi pemain maka tidak kenalah kerana pada masa dia jadi pemain itu, dia juga adalah pengadil. Jadi, saya rasa ada beberapa perkara yang kita kena lihatlah.

Tambahan pula peringkat awal ini, kita nampak ia tidak buka *shareholding* atau sahamnya kepada orang ramai. Kita dengar ia hanya tertakluk kepada 30% kerajaan, 30% broker, 20% untuk *capital development fund* seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kemudian 10% untuk *remisier*.

Maknanya kita tengok terlalu kecil dibuka kepada khususnya... sebenarnya *remisier* ini ramai, jadi kalau kita beri kecil sangat... dan sekarang, kita pun hendak tanya juga kepada kerajaan, kalau dibuka nanti KLSE ini, agak-agak sahamnya itu berapa peratus yang kerajaan jangka akan dibenarkan atau boleh dilanggan oleh orang awam. Kalau boleh minta kerajaan jelaskanlah, setakat mana ia boleh daripada sudut pandangan kerajaan dengan menggunakan contoh pengalaman di London, yang telah demutualisasikan, dalam tempoh dia demutual itu.

Setakat mana dilihat perkembangan ataupun kesan kepada sambutan bursa saham tersebut kerana kita bukan yang pertama yang didemutualisasi, ini bukan kali pertama maka kita pun sudah ada pihak lain yang telah mendahului kita. So dari pandangan kerajaan dan maklumat yang kerajaan perolehi, kini setakat mana sudah kesan-kesan yang dilalui oleh bursa-bursa saham tersebut.

Kalau kita tengok misal kata di London dan sebagainya, masih lagi *subjected* kepada New York. Dia tidak boleh lari daripada New York punya *stock exchange*. Kalau New York demam, orang lain pun batuk, demam belaka malah lebih teruk, termasuk London itu sendiri walaupun sudah demutualisasikan. Kalau boleh minta kerajaan bagi tahu sedikit daripada *survey* atau dari *study* yang telah dijalankan tentang pra demutualisasi dan juga *post* demutualisasi pada beberapa bursa saham yang telah berbuat begitu di dunia ini terutama Londonlah, yang paling masyhur saya fikir hari ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jeli yang bertanya mengenai beberapa persoalan.

Yang pertama bagaimana BSKL akan kurangkan persepsi *referee* dan permainan juga. Jadi, ini pun adalah satu peranan yang Ahli-ahli Yang Berhormat mesti mainkan juga. Jadi, memang persepsi ini adalah sangat *superficial*. Memanglah saya rasa macam mana BSKL, demutualisasi selepas itu boleh jadi satu syarikat yang disenaraikan.

Jadi pada masa sekarang kita ini sudah ada berapa langkah dalam pengawalseliaan pasaran dan juga ada beberapa langkah untuk menaikkan ketelusan operasi BSKL selepas didemutualisasikan, seperti struktur Lembaga Pengarah akan lebih seimbang dan akan memperkenalkan pengarah berkepentingan awam. Ini dibandingkan dengan situasi sekarang di mana jawatankuasa BSKL terdiri dari 5 wakil syarikat broker saham dan 4 lantikan kerajaan dan juga posisi Pengerusi Eksekutif akan dipisahkan kepada Pengerusi bukan Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif dan juga dalam struktur baru kita akan pisahkan juga fungsi pengawalseliaan bagi *regulatory* dengan izin. Fungsi

pembangunan komersial dalam urusan BSKL dan juga dalam struktur baru BSKL akan meningkatkan ketelusan operasinya kerana mereka perlu melaporkan kepada Menteri Kewangan tentang operasi kawal selia dan pemeriksaan risiko mereka.

SC juga akan mengawal selia dengan lebih ketat untuk mengelak potensi konflik kepentingan sekiranya ada yang berlaku dan mengenai pindaan kepada Jadual II dan III supaya prospektus masih diperlukan.

Pindaan kepada Jadual II dan III adalah bertujuan untuk mengetatkan lagi pengawalseliaan supaya menentukan bahawa prospektus tidak diperlukan di dalam keadaan yang melibatkan terbitan sekuriti yang melibatkan skim penyusulan semula syarikat, di mana terbitan dibuat kepada pemberi hutang atau pemegang sekuriti syarikat itu. Pindaan ini adalah sebenarnya bertujuan untuk mengetatkan rangka kawal selia berkenaan dengan prospektus. Lagi berapa banyak saham yang dilanggan oleh orang awam. Pihak-pihak yang telah dikenal pasti untuk mendapat saham ialah untuk membolehkan saham tersebut diagih seperti syarikat-syarikat lain yang tersenarai, bursa akan mematuhi keperluan sebenar pemegang saham.

Mengenai macam mana prademutualisasi dan terus demutualisasi bursa saham lain-lain negara, saya akan memberikan jawapan secara bertulis, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, bertujuan untuk menubuhkan serta mengawal selia operasi depositori pusat. Pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti

(Depositori Pusat) 1991 adalah perlu supaya selaras dengan pindaan yang dibuat ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983, SIA sebagai sebahagian daripada keperluan untuk merealisasikan, demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan penting yang dipinda antaranya ialah pindaan ke atas Seksyen 4 dan 5 yang melibatkan kelulusan Menteri Kewangan ke atas sesuatu depositori pusat.

Fasal 5 pula memperkenalkan Seksyen baru 5A, 5B dan 5C untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menarik balik kelulusan penubuhan depositori pusat dan kesan penarikan balik serta aturan berkenaan dengan perlaksanaan tugas sesuatu syarikat pegangan bursa dan depositori pusat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain yang dicadangkan termasuklah peruntukan untuk membolehkan SC mengambil tindakan pentadbiran ke atas seseorang yang melanggar peruntukan Akta Ibu dengan memperkenalkan Seksyen baru 61B.

Fasal 9 meminda Seksyen 58 bertujuan untuk memperluaskan jenis-jenis perintah yang sedia ada, yang mahkamah boleh berikan ke atas permohonan yang dibuat oleh SC. Syarikat pegangan bursa depositori pusat dan orang yang terkilan bagi sesuatu pelanggaran syarat yang ditetapkan.

Fasal 11 pula bertujuan untuk meminda Seksyen 62 bagi memperjelaskan dan mempertingkatkan peruntukan kekebalan sedia ada dan senarai orang yang mana ianya terpakai.

Fasal 7 dan Fasal 12 digunakan untuk meminda Seksyen 14 dan Seksyen 29, masing-masingnya dari Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 yang mana tujuan pindaan adalah memberi peruntukan berkaitan dengan sekuriti yang dikecualikan kepada keperluan untuk depositori mandatori.

Tuan Yang di-Pertua sebagai kesimpulan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2003 adalah bertujuan untuk mempertingkatkan keberkesanan operasi pusat penjelasan. Mempertingkatkan kecekapan dan pengurusan risiko. Menyerahkan peruntukan di antara undang-undang sekuriti untuk mengemas kini dan melancarkan proses pengawalseliaan. Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tumpat, selepas Yang Berhormat Tumpat, Timbalan Menteri menjawab.

3.50 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai suatu rang undang-undang yang penting yang hendak dipinda ekoran daripada rang undang-undang awal berkenaan dengan demutualisasi BSKL, dan juga rang undang-undang yang berikutan dengannya yang dibahaskan awal pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Depositori Pusat ini adalah sebagaimana kita maklum, tempat di mana didaftarkan senarai orang-orang, badan-badan, syarikat-syarikat yang memegang saham dalam syarikat-syarikat awam. Saya ada beberapa pertanyaan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya, mengikut apa yang terkandung dalam pindaan kepada rang undang-undang ini, didapati bahawa mengikut tafsiran saya, kemungkinan diizinkan oleh Yang Berhormat Menteri terwujudnya lebih daripada satu Depositori Pusat. Kalau tafsiran saya tidak silap sebab ada yang berkenaan dengan kuasa Menteri meluluskan penubuhan dan kuasa Menteri untuk menarik balik atau membatalkan kelulusan tertubuhnya sesebuah Depositori Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa teknologi kita berkembang dengan begitu pesat, penggunaan IT begitu menyeluruh, malah rang undang-undang sebelum ini pun berkaitan dengan penglibatan IT yang menyeluruh, maka saya rasa sepatutnya tugas Depositori Pusat ini, peranannya tidak lagi rumit, dan oleh itu tidak lagi menuntut kepada perlunya lebih daripada satu Depositori Pusat. Saya lebih mirip kepada memikirkan bahawa memadai ada satu sahaja depository, yang mana ia dikuasai dan diawasi oleh Suruhanjaya Sekuriti dan oleh itu kalau hanya ada satu, ia tidak akan bertindih dengan mana-mana depository, yang mengikut rang undang-undang ini nampaknya membuka kepada peluang-peluang tersebut.

Berkaitan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok kalau kita fikirkan kemungkinan bahawa *accessibility*, atau kebolehan kita untuk terus mendapat maklumat langsung daripada syarikat depository ini, dijadikan suatu amalan yang boleh dilakukan. Maknanya, setiap rakyat boleh, melalui penggunaan teknologi komputer, pergi kepada *website*, dengan izin, Depositori Pusat ini dan boleh melihat mana-mana maklumat syarikat, senarai pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat awam berkenaan.

Maknanya, saya benar-benar mengharapkan bahawa kerajaan akan menganggap bahawa ketelusan syarikat-syarikat awam, terutamanya yang juga meliputi ketelusan maklumat mengenai siapa pemegang-pemegang syarikat awam ini, haruslah kita pupuk dan kita galakkan dan kita maksimumkan *accessibility* dengan izin, rakyat jelata untuk mengetahui siapakah pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat awam ini. Ini disebabkan banyak kali dalam perbincangan-perbincangan kita di Dewan yang mulia ini timbul keraguan tentang siapa sebenarnya pemegang saham di sebalik nama-nama yang disebutkan secara rasmi sebagai pemegang-pemegang saham itu.

Ini melibatkan syarikat-syarikat yang menimbulkan banyak kontroversi dan masalah kepada Dewan ini, seperti yang kita bahaskan beberapa hari yang lalu tentang BERNAS misalnya yang mana pemegang-pemegang sahamnya nampaknya adalah orang-orang biasa tetapi apabila diselidiki dan dibongkar, adalah merupakan orang-orang yang memegang jawatan dan pernah memegang jawatan-jawatan yang penting dalam politik negara ini.

Inilah masalahnya dengan kuasa menteri sebagaimana yang ada dalam rang undang-undang ini dan yang ada dalam rang undang-undang yang sebelum ini. Yang Berhormat bagi Jeli tadi merujuk kepada masalah BSKL sebagai pengadil, ingin terlibat dalam perniagaan itu sendiri. Saya rasa kita pergi lebih tinggi daripada itu - BSKL yang sepatutnya sebagai pengadil hendak jadi pemain, itu satu bab; menteri yang sepatutnya bertindak sebagai pengadil, sepatutnya hendaklah orang yang adil, sebagai orang yang mengawasi supaya tidak ada berlaku rasuah dan penyalahgunaan kuasa tetapi menteri sendiri terlibat dalam permainan ini. Ini masalahnya yang bermula bukan tahun ini tetapi sejak beberapa tahun yang lalu.

Mungkin kerana Menteri Kewangan juga, selain daripada menjadi Menteri Kewangan, menjadi bendahari parti, mungkin juga Menteri Kewangan sekarang menjadi pemangku bendahari parti. Jadi kaitan antara jawatan politik yang mencari punca dan sumber kewangan dengan jawatan menteri yang bertanggungjawab ke atas 23 juta rakyat Malaysia untuk mewujudkan keadilan, kesaksamaan dan peluang yang adil bagi semua rakyat, tidak tertipu oleh pemegang-pemegang besar syarikat-syarikat besar ini, kadangkala unsur-unsur tersebut telah menjadi tersalah guna, dan oleh sebab itu kita perlu waspada dan menjaga peruntukan undang-undang, yang senantiasa menyatakan bahawa menteri-menteri ada kuasa untuk membuat itu dan membuat ini.

Saya harap bahawa andaian dan harapan kita bahawa menteri-menteri adalah orang-orang yang bermaruah tinggi, yang tidak akan mengambil kesempatan dari jawatan ini untuk kepentingan-kepentingan sempit dan peribadi dan sebagainya, akan dihormati oleh para Ahli Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang mengambil alih tugas apabila menteri tidak bertugas di waktu-waktu yang tertentu itu. Jadi ini saya fikir, adalah harapan yang penting.

Satu lagi perkara berkaitan dengan Depositori Pusat ini, ialah sebagaimana yang kita maklum termasuk juga dalam BSKL, terdapat keadaan di mana di dalam sesebuah

syarikat awam. Kita mempunyai masalah di mana pemegang-pemegang saham terbesar menguasai keseluruhan syarikat tersebut dan dengan sebab itu terbuka kepada amalan pemegang-pemegang saham besar ini mengeksploitasi pemegang-pemegang saham yang kecil. Tetapi di peringkat syarikat-syarikat pula, kita ada kedudukan yang jelas dan nyata dalam BSKL kita, di mana hanya tiga syarikat besar menguasai keseluruhan perjalanan Komposit Indeks Kuala Lumpur ini, iaitu sebagaimana yang kita maklum, Telekom Bhd, Maybank Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Tiga syarikat berhad besar ini menguasai lebih kurang 25 peratus indeks saham Bursa Kuala Lumpur ini.

Jadi, saya fikir ini suatu keadaan yang sudah tentu tidak sihat dan tidak boleh memberi gambaran yang baik tentang peranan kebanyakan syarikat-syarikat awam yang jumlahnya lebih kurang 800 buah itu. Saya juga ingin mengambil peluang dalam perbincangan mengenai Sekuriti dan Depositori Pusat ini untuk mencadangkan supaya kerajaan memikirkan untuk menyenaraikan Petronas ke BSKL. Kenapa Petronas yang dinamakan oleh syarikat Fortune 500 dengan izin di antara syarikat yang terbesar dalam dunia dan terbesar dalam negara, kenapa dijadikan hanya hak milik Perdana Menteri seorang sahaja? Kenapa Perdana Menteri sahaja yang boleh tahu akaun-akaunnya? Kenapa orang lain tidak boleh? Kenapa rakyat Malaysia tidak boleh? Kenapa rakyat Terengganu yang mengeluarkan minyak ini tidak ada peluang langsung. Bukan sahaja hendak mendapat royalti keuntungan, bahkan mereka tidak tahu pun ke manakah wang daripada hasil minyak mereka digunakan? Hanya seorang sahaja tahu.

Maka saya fikir untuk kita lebih telus, untuk rakyat kita mengikuti, mengetahui perjalanan ekonomi negara kita, Petronas sepatutnya disenaraikan dalam BSKL, supaya tidak timbul lagi keadaan di mana hanya seorang individu yang menguasai hasil mahsul yang terbesar kepada negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat. Mengenai Depositori Pusat, dasar kerajaan pada masa ini adalah bahawa bagi pasaran ekuiti hanya akan ada satu depositori pada masa ini. Yang paling penting adalah bahawa depositori yang sedia ada mesti memberikan perkhidmatan dengan kos rendah dan cekap bagi pihak pelabur dan mereka mesti juga bertanggungjawab. Jadi, kita mesti adakan satu undang-undang untuk perkara ini. Oleh yang demikian, Menteri Kewangan mesti diberikan budi bicara untuk menarik balik lesen tersebut sekiranya perkhidmatan ini tidak diberikan.

Mengenai servis dan *accessibility* Depositori Pusat kepada pelabur-pelabur, Depositori Pusat Malaysia (MCD) sekarang ini memang melaksanakan berbagai-bagai inisiatif untuk menyenangkan pelabur-pelabur menyemak data atau informasi sebagaimana *MCD call-direct*, penggunaan melalui internet, sedang dikaji, dan atas dua cadangan supaya disenaraikan pemegang-pemegang saham di *Central Depository*, kita akan timbangkan cadangan ini pada masa hadapan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Habis, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 adalah bertujuan untuk mengawal selia pasaran niaga hadapan dan aktiviti berkenaan dengan pasaran niaga hadapan. Pindaan ke atas Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 atau FIA adalah perlu supaya selaras dengan pindaan yang telah dibuat ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau SIA sebagai sebahagian daripada keperluan untuk merealisasikan demutualisasi Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dalam hubungan ini, dicadangkan supaya Seksyen-seksyen 4, 6B dan 7 dipinda. Pindaan tersebut adalah berkaitan dengan kelulusan Menteri Kewangan untuk menubuhkan syarikat bursa dan rumah penjelasan supaya selaras dengan peruntukan yang sama di dalam SIA.

Fasal 9 dan 10 rang undang-undang meminda Seksyen 7A dan memperkenalkan Seksyen 7B yang memperuntukkan satu senarai yang telus tentang keadaan-keadaan untuk membolehkan Menteri Kewangan menarik balik kelulusan yang diberi kepada bursa dan rumah penjelasan atau mengarahkan badan-badan tersebut untuk berhenti daripada menyediakan kemudahan-kemudahan atas syor daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 rang undang-undang adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 5 dengan memperuntukkan komposisi lembaga syarikat bursa dan syarikat pemegang bursa, satu syarikat bursa untuk membolehkan Menteri Kewangan melantik pengarah-pengarah berkepentingan awam atas rundingan dengan SC. Pindaan ini adalah penting bagi melindungi kepentingan awam memandangkan entiti bursa selepas didemutualisasikan akan beroperasi sebagai entiti komersial.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan keberkesanan tindakan pentadbiran yang boleh diambil oleh SC dalam penguatkuasaan secara sivil, Fasal 12 dan 17 rang undang-undang mencadangkan supaya Seksyen 10 dan Seksyen 28 dipinda untuk

membenarkan SC mengambil pelbagai tindakan pentadbiran ke atas orang-orang yang melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Tindakan pentadbiran yang boleh diambil oleh SC termasuklah mengambil langkah yang diarah oleh SC bagi *meremedykan* penyelenggaraan yang berkenaan. Dicadangkan supaya Seksyen 22 dan 25 dipinda dengan sewajarnya selaras dengan pindaan kepada SIA mengenai peruntukan bagi tempoh masa lesen yang diberi di bawah Bahagian III dan pembaharuan lesen-lesen yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 19 rang undang-undang ini mencadangkan Seksyen 36A bertujuan untuk memperuntukkan supaya suatu syarikat bursa, rumah penjelasan, broker niaga hadapan dan pengurus kumpulan wang niaga hadapan, menyerahkan laporan juruaudit kepada SC dalam tempoh masa tiga bulan selepas tarikh tutup setiap tahun kewangan.

Seksyen 106C juga perlu dipinda bagi menjelaskan jenis-jenis perintah yang boleh diberikan oleh mahkamah di dalam menyelesaikan permohonan yang dibuat oleh SC. Syarikat pemegang bursa, syarikat bursa, rumah penjelasan dan orang yang terkilan apabila sesuatu pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di samping itu, Fasal 21 rang undang-undang memasukkan Seksyen 106D untuk memperkenalkan peruntukan kekebalan dan senarai kepada siapa ianya terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003 ini adalah bertujuan untuk memperuntukkan satu rangka pengawalseliaan yang menyokong pelaksanaan proses demutualisasi BSKL, mempertingkatkan perlindungan pelabur, menyelaraskan peruntukan di antara Undang-undang Sekuriti untuk mengemas kini dan melancarkan proses pengawalseliaan. Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Tumpat dan selepas Yang Berhormat bagi Tumpat, Timbalan Menteri jawab.

4.09 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, ini suatu rang undang-undang yang penting sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu dan faham, sebab kita bercakap tentang niaga hadapan sebagai satu aspek perniagaan yang diamalkan oleh negara kita selama beberapa tahun, khususnya, dalam bidang kelapa sawit dan sebagainya.

Ini tidak dapat kita nafikan dianggap sebagai penting untuk menguasai pasaran barangan yang sebenarnya kelapa sawit dan sebagainya. Kita semua maklum bahawa pasaran hadapan ini, di peringkat antarabangsa, di peringkat dunia yang besarnya, misalnya ialah berkaitan dengan minyak atau petroleum yang mana *spot trading, futures trading* dan sebagainya adalah sebahagian daripada amalan-amalan perniagaan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga antarabangsa. Pertamanya untuk mendapatkan bahan-bahan untuk kegunaan sebenar tetapi keduanya untuk tujuan spekulasi, dan ketiganya untuk mempertahankan diri mereka dari perangai ataupun amalan, spekulasi oleh pihak-pihak yang lain.

Jadi, oleh sebab itu kita gunakan sepetang ini untuk perbincangan ini sahaja dan seboleh-bolehnya ahli *Backbenchers* bercakap dan berbahas dan jangan merugikan masa kita kerana duduk di sini sahaja. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat keadaan rang undang-undang yang ada yang dibahas dan dibentangkan sebelum Perbekalan Tambahan dan awal pagi ini, kita lihat keganjilan dari segi anomali sikap kerajaan. Dalam rang undang-undang tertentu seperti Bank Negara, Takaful dan selepas ini Bank Islam ada diperuntukkan satu bahagian, satu

fasal atau beberapa fasal jelas mengenai penubuhan Majlis Penasihat Syariah tetapi datang kes seperti niaga hadapan, tidak disebut langsung berkenaan dengan kedudukan peranan syariah Islam terhadapnya.

Ini saya fikir mendedahkan kerajaan kita kepada tuduhan yang bertalu-talu yang kita pun tidak dapat hendak pertahankan bahawa sikap kerajaan terhadap Islam ini tidak jelas, tidak nyata dan kadang-kadang hanyalah berpura-pura untuk tujuan politik sahaja.

Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya yang pertama ialah kenapakah di dalam peruntukan-peruntukan dan di dalam kesempatan meminda akta ini untuk disesuaikan dengan demutualisasi BSKL itu tidak diambil kesempatan yang begitu berharga ini untuk memuatkan dan memasukkan pindaan supaya segala perjalanan industri hadapan dirujuk, diawasi dan diberikan kelulusan ataupun dalam istilah biasa, "lampu hijau" oleh Majlis Penasihat Syariah.

Jadi, saya hendak cadangkan bahawa dipinda sekali lagi rang undang-undang ini dengan memuatkan satu peruntukan yang membolehkan penubuhan Majlis Penasihat Syariah kepada bidang industri niaga hadapan yang telah berjalan sebegitu lama...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi bahawa secara umumnya dalam persidangan kita sebelum daripada pembentangan Belanjawan Tambahan, kita membincangkan tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara itu sendiri dan kita bercita-cita untuk menjadi tempat ataupun lokasi di mana transaksi Islam dalam pelbagai instrumen kewangan dapat diadakan di Malaysia terutama sekali di kawasan luar pesisir di Labuan itu sendiri.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Tumpat, agak-agak apakah sebab kerajaan kita belum lagi menyediakan instrumen ataupun kepakaran-kepakaran dari sudut *derivative*. Apabila menyebut tentang perniagaan masa hadapan, maka elemen *derivative* ini dia tidak boleh lari.

Jadi, apakah Yang Berhormat bagi Tumpat rasa bahawa kerajaan kita ini belum buat kajian lagikah atau belum bertemu pakar-pakar tentang *derivative* Islam lagikah ataupun sekadar hendak iklan lebih tentang hendak mewujudkan atau menjadikan Malaysia sebagai lokasi transaksi Islam. Walhal, kerajaan juga sebenarnya mempunyai kemampuan kalau benar-benar bersungguh-sungguh kerana banyak pakar terutama daripada Universiti Islam Antarabangsa dan juga boleh mencari pakar-pakar dari luar negara. Setidak-tidaknya kerajaan menampakkkan kesungguhan memperkenalkan perniagaan *derivative* Islam ini kepada umum.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Tumpat? Apakah kerajaan belum bersedia ataupun belum membuat kajian yang menyeluruh tentang perniagaan secara syariah, secara Islam bagi perniagaan hadapan ini? Minta penjelasan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa permohonan penjelasan oleh Yang Berhormat bagi Jeli itu adalah amat penting sealiran pandangan yang kita sebutkan tadi bahawasanya oleh kerana perniagaan hadapan dan juga ekor-ekor seperti perniagaan *derivative* adalah penting dan ianya kalau kita tidak masukkan bab berkenaan dengan syariah pun, ianya adalah satu bidang perniagaan yang sudah banyak diresapi dengan unsur-unsur penyalahgunaan dan penipuan, sekali lagi oleh orang-orang yang berniat jahat kepada orang ramai seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, tamak, *greedy*, gilakan kekayaan serta-merta.

Oleh itu, dengar sahaja niaga hadapan, mereka melaburkan wang mereka. Dengar sahaja ada *derivative trading* yang memberi untung yang lumayan, mereka masukkan wang mereka dan satu lagi berkenaan dengan *commodities trading*, begitu jugalah amalan kita. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jeli bahawa kita perlu menunjukkan bahawa kita serius dan benar-benar ingin mengawasi perniagaan hadapan kita dari semua sudut.

Dari sudut undang-undang biasanya kita perlu ada rangka sempadan atau *framework* dengan izin, yang jelas supaya peluang-peluang atau lubang-lubang untuk penipuan, penyalahgunaan dan eksploitasi oleh orang-orang yang mengambil kesempatan dengan menggunakan istilah-istilah tinggi seperti niaga hadapan, *derivative* dan *commodities* ini tidak lagi berulang di dalam masyarakat kita.

Keduanya, dari segi bahawa untuk kita konsisten dalam sikap dan dasar kita tentang perniagaan perbankan, kewangan dan lain-lainnya, kita mesti cuba dengan serius untuk mendapatkan pandangan, sikap dan fatwa daripada sebuah Majlis Penasihat Syariah supaya ia...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: tidak bercanggah dengan undang-undang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Tentang perniagaan hadapan ini yang popular dalam negara kita ini ialah *Kuala Lumpur Commodity Exchange* terutama dari sudut harga-harga kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya.

Daripada pengalaman-pengalaman mereka yang terlibat dalam perniagaan hadapan ini, diperhatikan bahawa mereka mengalami kerugian jauh lebih berat berbanding dengan mereka yang mengalami kerugian di bursa saham kerana pengalaman yang dilihat di dalam negara kita ini, ia kira siapa yang hendak main dalam niaga hadapan, ia kira ikut lot. Lot ini berada dalam satu lot yang besar, umpamanya dalam bentuk 50 ribu lot ataupun 100 ribu lot. Blok dia itu besar.

Dalam banyak hal kita perhatikan, banyak masyarakat awam atau publik tertipu dengan permainan ini bila mana kita dengar beberapa teman kita yang diajak oleh broker-broker niaga hadapan komoditi ini, mereka meletakkan wang RM50,000, kadang-kadang RM100,000 dan bila *volume* dia itu tidak cukup, selang dua tiga hari dia kena tambah lagi, selang dua tiga hari lagi dia kena tambah lagi. Sebab itu, akhir-akhir bila dia hendak keluar (*exit*) daripada perniagaan hadapan ini dalam stok komoditi ini, kita perhatikan mereka akhirnya daripada RM100,000 dalam masa dua bulan mungkin tinggal RM5,000 atau RM6,000.

Apakah Yang Berhormat bagi Tumpat bersetuju supaya pihak kerajaan – oleh sebab permainan ini ramai rakyat yang tidak faham, biar kerajaan jelaskan dahulu melalui iklan-iklan di TV dan sebagainya supaya dengan izin, *lay man* ataupun orang awam ini tidak mudah terkena dengan ajakan-ajakan manis, janji-janji manis broker yang kononnya “Masuk sekian, kamu dapat ratus ribu, masuk sekian, konon dapat ratus ribu”.

Itulah janji-janji yang diberikan mengikut pengalaman teman-teman yang kita temui. Jadi apakah Yang Berhormat bagi Tumpat bersetuju supaya kerajaan sebelum ia benar-benar hendak mengaktifkan perniagaan hadapan ini, biarlah rakyat didedahkan, diiklankan, dihadamkan seperti mana kita menyambut Hari Kemerdekaan dengan memastikan kita mengibarkan Jalur Gemilang itu, *at least* untuk tempoh yang tertentu supaya orang-orang awam tahu. Bahkan yang terkena ini pun banyak yang *graduate*, orang yang cerdik-cerdik pun banyak yang kena kerana mereka tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta Yang Berhormat bagi Tumpat kalau boleh beri pandangan sedikit tentang hal ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, saya sekali lagi bersetuju dengan pandangan baik daripada Yang Berhormat bagi Jeli itu tentang bahayanya perniagaan-perniagaan hadapan dari relatif dan komoditi ini yang melibatkan orang-orang awam yang tidak mempunyai maklumat yang secukupnya, akhirnya kerugian besar kerana tersilap labur

ataupun ditipu terus langsung oleh peniaga-peniaga *traders* niaga hadapan ini. Mungkin satu daripada cara untuk menjawab dan menjelaskan masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi ialah dengan kita mengehadakan bahawa orang-orang individu tidak boleh berniaga dalam niaga hadapan.

Hanya syarikat-syarikat yang mempunyai modal berbayar yang minimumnya tertentu sahaja boleh terlibat dalam pasaran komoditi atau niaga hadapan dan sebagainya. Sebabnya individu-individu biasanya adalah orang-orang yang lebih mudah ditipu kerana itu adalah wang ringgit atau pinjaman dia seorang sahaja, tetapi syarikat pada takrifnya adalah gabungan orang-orang yang mungkin kurang mudah untuk ditipu ataupun untuk terpengaruh dengan janji-janji untung yang tinggi dengan penglibatan mereka dalam niaga hadapan dan sebagainya.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa dalam cadangan saya untuk diperketatkan lagi pengawasan terhadap niaga hadapan ini, kita melihat beberapa bulan yang lalu suatu keadaan yang benar berlaku di bursa saham terbesar dunia di *New York Stock Exchange*. Ada cadangan yang serius, bukan cadangan main-main untuk memulakan perniagaan hadapan politik tentang pemimpin mana yang akan digulingkan dalam masa yang mana. Ini bukan cerita di sini tetapi berlaku di Amerika Syarikat, di *New York Stock Exchange* sendiri, ada cadangan suatu perniagaan niaga hadapan yang melibatkan peniaga-peniaga membeli saham, meletakkan wang mereka di atas ramalan kerajaan mana yang akan jatuh selepas daripada ini – pemimpin Malaysiakah akan digulingkan, pemimpin Singapurakah, pemimpin Nicaraguakah, Mexicokah atau manamana, ini saya hendak tunjukkan. Sudah tentulah di kalangan kita di sini ramai orang meramalkan masa hadapan politik dalam jangkaan sebulan dua ini sahaja akan berlaku.

Tetapi ini di New York mereka bercakap begitu. New York lain, dia ada pilihan raya untuk Presiden empat tahun sekali tidak boleh dibubarkan. Kongres di waktu tengah bulan dan sebagainya. Ia tetap bila pilihan raya Presiden, bila pilihan raya Kongres, bila pilihan raya Senat. Di sini kita tidak tahu, mungkin bulan depan pilihan raya, mungkin tidak jadi pilihan raya, mungkin Perdana Menteri akan kekal sampai akhir tahun, atau bila-bila, kita tidak tahu itu semua. Sebab itu kemungkinan niaga hadapan politik itu menjadi benar-benar berlaku di Malaysia ini lebih daripada yang telah cuba dijalankan di tempat seperti New York, yang mana politik dan jadual politik mereka lebih tertib, lebih tertentu....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar:mengikut Perlembagaan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bermurah hati dan baik hati hari ini. Lama Tuan Yang di-Pertua hari ini. Yang Berhormat bagi Tumpat, saya hendak bertanya sedikit. Bila perniagaan hadapan ini, ia ada faktor kerana penentuan, keyakinan ini, ia lebih kepada *perception*. Jadi, kalau *perception* itu, maka memang termasuk elemen kestabilan politik dan ketokohan orang politik ini. Cuma saya hendak tanya mungkin boleh jadi kerana itulah maka Amerika Syarikat merancang untuk menggulingkan Saddam Hussein, sebelum daripada itu menggulingkan kerajaan yang sah di Afghanistan. Macam di Malaysia ini, adakah Yang Berhormat baca-baca dia buat ramalan juga maknanya tentang bila orang ini jadi atau tidak jadi berhenti atau macam mana. Ada baca atau tidak bab-bab itu, takut mana tahu dia ada tulis macam itukah?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, terima kasih sekali lagi Yang Berhormat bagi Jeli. Ini saya fikir suatu perkara yang penting untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini. Kita dapati misalnya hari ini pun sudah jadi isu, tiba-tiba kita dimaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat marah kepada Majalah *Business Week* kerana kononnya *Business Week* mengugut beliau kalau tidak diberikan peluang untuk ditemu ramah, maka *Business Week* akan meneruskan rancangannya untuk mengeluarkan satu keluaran khas ataupun satu cerita muka depan berkaitan dengan betapa besarnya rasuah di Malaysia ini, betapa banyaknya amalan kroni berlaku di Malaysia ini, betapa

banyaknya projek mewah yang mana membazirkan wang negara yang berlaku dalam negara ini.

Business Week bercakap begitu Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah kita tidak tahu itu semua sudah berlaku dalam negara kita, walhal kita semua tahu benda itu berlaku dalam negara kita dan bukan menjadi perkara yang begitu kontroversial lagi. Itulah dia. Yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa dalam bidang.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulong.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sekejap, sekejap sahaja. Selepas itu saya bagi....dalam bidang berkaitan dengan masa depan politik yang ada kaitan dengan dunia perniagaan. Yang ganjilnya syarikat-syarikat yang mempunyai juru perunding atau *consultant* dalam bidang masa depan politik ini tidak banyak sangat di Kuala Lumpur. Di Singapura ada *Political Risk Group* yang membuat kajian-kajian profesional, kajian-kajian yang benar-benar berlandaskan kepada pengetahuan dan maklumat mengenai keadaan politik negara. *Political Risk Group* dan *study group* ini ada di Singapura, ada di Australia membuat ramalan masa depan negara kita bahawa PAS akan kekal, Kerajaan Kelantan akan kekal, Terengganu akan menang, Kedah akan menang, dia buat ramalan begitu. Jadi di Malaysia tidak ada syarikat-syarikat ramalan seperti itu. Jadi ini sekali lagi membimbangkan beberapa orang daripada kita kerana yang buat di luar negara ini tepat ramalan mereka. Sila Parit Sulong. [*Dewan gamat dengan ketawa*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya bagi Tumpat. Nampaknya perbahasan agak melencong sedikit. Saya cuma hendak bertanya mengenai *Business Week*. Apakah wibawa seseorang Ketua Negara apabila dengan izin, *being dictated* oleh sesebuah *publishing company* ataupun *publishers*. Bermakna, apakah saudara ini bersetuju bahawa sesebuah penerbitan boleh *dictate certain terms* ke atas seorang pemimpin negara, yang pertamanya.

Yang keduanya mengenai *political risk assessment* dengan izin. Saya pernah pergi ke Pakistan pada bulan Ogos 2001 kerana satu misi pelaburan mengatakan bahawa pada ketika itu kalau kita kaji *political risk assessment*, Pakistan akan mengalami satu *boom period*. Mengapakah Nujum Pak Belalang yang saudara agung-agungkan tidak dapat meramalkan bahawa sebulan selepas itu Pakistan akan menjadi satu medan Amerika Syarikat untuk menyerang Afghanistan, sedangkan serangan ke atas Afghanistan itu juga adalah suatu perancangan dengan izin, *already on the drawing board for some time*.

Jadi kalau kita hendak mengagung-agungkan Nujum Pak Belalang mengenai *political risk assessment* sesebuah negara yang saudara katakan tepat, bolehkah juga dikatakan hari ini menurut kefahaman saudara, syarikat-syarikat yang menjalankan kajian risiko politik ini menganalisis apa yang sedang berlaku dalam PAS, soal-soal kepimpinan PAS sama ada kelompok negeri Terengganu akan menguasai PAS ataupun kelompok negeri Kedah akan kehilangan kekuasaan ke atas PAS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong, terima kasih di atas soalan itu. Memang saya mengakui bahawa syarikat-syarikat yang membantu industri niaga hadapan melalui penulisan dan laporan yang dipanggil *political risk assessment* ini memang susah tugas mereka. Kalau di Malaysia ini lagi susah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh peluk Tan Sri Musa Hitam kata kami bersahabat baik, minggu hadapan kawan itu letak jawatan. [*Ketawa*]

Di Malaysia begitulah keadaannya. Kita semua tahu Perdana Menteri kedua begitu, ketiga pun begitu, keempat pun ramalannya entah macam mana akan berlaku dalam segi masa hadapan politik negara ini. Jadi, itu saya fikir bukan Pakistan sahaja, Malaysia pun cukup susah untuk membuat ramalan. *Point* saya ialah mengapakah syarikat-syarikat *risk assessment* ini yang mengkaji Malaysia berada di Singapura dan tidak ada dalam negara kita?

Jadi, saya hendak menyeru kepada kementerian untuk menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat seperti ini supaya dapat membantu orang-orang yang ingin melabur dalam negara kita ini untuk mendapatkan maklumat yang baik tentang masa hadapan politik negara kita.

Berkaitan dengan *business risk*, saya bersetuju dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong bahawa kita tidak boleh membenarkan sesiapa pun mengugut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mengugut kerajaan kita dengan syarat bertemu ramah baru dikeluarkan makalah yang positif dan kalau tidak negatif, itu yang saya fikir tidak patut dilakukan sedemikian. Hendak keluar yang negatif, keluarkan yang negatif, apa salahnya? Itu saya kira bukan satu masalah. Hendak keluarkan yang positif, keluarlah yang positif. Kita sudah tentu ada hak kita untuk menilai dan memberikan pandangan kita terhadap penulisan orang-orang ini. Yang saya bimbang oleh kerana kemarahan itu.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Masuk ke dalam Dewan dan berdiri di tempat duduknya]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang bimbangnya ialah syarikat majalah yang berkenaan, *Business Week* ini mungkin diharamkan kemasukannya ke dalam negara kita kerana sudah diramalkan mereka akan menulis makalah-makalah yang tidak baik. Saya sedih jika diharamkan kerana kita mesti memberikan rakyat kita peluang untuk membaca, menilai dan membuat keputusan yang terbaik daripada penulisan-penulisan oleh sesiapa pun dalam dan luar negara.

Saya fikir itu sahaja yang saya hendak bahaskan dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kementerian menjawab.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat dan Jeli yang mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini.

Yang pertama, pasaran hadapan atau industri derivatif memainkan peranan yang sangat penting di dalam mana-mana pasaran modal. Pasaran derivatif membolehkan para pelabur mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko dan menyediakan kecairan yang menyokong pertumbuhan ekuiti dasar atau pasaran komoditi. Tetapi kita tidak nafikan pasaran hadapan adalah satu pasaran yang *niche market* dan sesiapa yang hendak bermain dalam pasaran ini memang mesti ada ilmu dan juga pengalaman yang dalam mengenai pasaran ini.

Sebagai contoh pasaran hadapan yang paling penting, kontrak derivatif utama di Malaysia ialah kontrak hadapan minyak sawit mentah (CPO). Kontrak hadapan CPO membantu mengeluarkan minyak sawit dan pengguna minyak sawit seperti kilang penapisan minyak sawit dan pengeluar barangan hasil minyak sawit mengimbangkan harga jualan dan harga belian. Walaupun harga di pasaran lari, fizikal asyik berubah. Apa yang perlu disedari adalah krisis-krisis kewangan yang menimpa pasaran-pasaran lain akibat daripada pasaran hadapan berpunca daripada aktiviti-aktiviti pasaran di atas kaunter, *over the counter*, dengan izin. Ini meliputi kes-kes seperti kegawatan tahun 1995 akibat daripada menyembunyikan kerugian aktiviti dagangan selama 11 tahun, "Baring", "Orange County" dan LCCM.

Dengan menggalakkan penggunaan produk derivatif terbesar yang dikawal selia seperti MIDEK – Bursa Derivatif Malaysia yang memulihkan penemuan dan ketelusan harga yang lebih baik, penyelesaian harian dan paling penting dana untuk melindungi pelabur. Sekiranya ini tidak digalakkan pelabur-pelabur akan melibatkan diri mereka di

dalam pasaran hadapan yang tidak dibenarkan dan melakukan transaksi yang tidak dikawal selia secara baik dan jelas sehinggalah berlaku kejadian malang.

Dari segi kawal selia, MIDEK memastikan peserta-peserta pasaran hadapan mempunyai kedudukan yang kukuh. Ini diperkuatkan lagi dengan menetapkan hak dagangan yang dibenarkan dan MIDEK juga menyediakan kemudahan margin kepada peserta pasaran.

Berkenaan dengan kes *spot commodity* yang haram, pihak SC telah pada tahun 2000 mendakwa enam orang yang telah menjalankan aktiviti niaga hadapan yang haram. Langkah-langkah lain untuk melindungi pihak pelabur adalah setiap pelabur di bursa niaga hadapan perlu meletakkan margin untuk mengurus niaga. Pelabur perlu menambah jika pasaran tidak mengikut haluan yang dijalankan dan program pendidikan pelaburan untuk pihak awam telah lama dijalankan secara berterusan.

Crude Palm Oil Future Contract telah disahkan sejajar dengan syariah oleh Syariah Council dan bursa derivatif juga ada cadangan untuk melancarkan kontrak berdasarkan syariah dengan izin, Indeks *Syariah* dan *Exchange Traded Fund* dengan izin. Satu daripada tanggungjawab Majlis Penasihat Syariah Pasaran Modal di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti adalah bertugas untuk memastikan dan mengesahkan pematuhan saham KLSE dan juga pasaran niaga hadapan mengikut prinsip-prinsip syariah. Lanjutan dari ini serta demi untuk memajukan lagi pasaran kewangan Islam, kerajaan akan memperkenalkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk menasihatkan seluruh sistem kewangan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 25 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam Pindaan 2003 di Dewan ini.

Rang undang-undang ini merupakan pindaan berbangkit yang perlu dibuat berikutan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958, melalui Rang Undang-undang

Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 yang baru dibentangkan di Dewan ini dan pindaan dibuat bagi tujuan untuk mengukuhkan rangka kerja syariah di peringkat Bank Islam dan membolehkan Bank Islam mendapatkan nasihat syariah daripada Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Bank Islam pindaan 2003.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 3 Akta Bank Islam 1983 untuk mengadakan peruntukan dalam Perenggan tiga, (5)(b) berkaitan keperluan supaya dimasukkan dalam artikel persatuan sesuatu Bank Islam. Peruntukan bagi Penubuhan Badan penasihat Syariah yang diluluskan oleh Bank Negara.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan Seksyen baru 13(a) untuk membolehkan sesuatu Bank Islam mendapatkan nasihat Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 16(b)(1) Akta Bank Negara. Nasihat Majlis Penasihat Syariah mesti dipatuhi oleh Bank Islam itu.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 21(6), Akta Bank Islam 1983 dalam teks Bahasa Kebangsaan untuk menyelaraskan penalti yang diperuntukkan dalam teks Bahasa Kebangsaan ke dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Abdul Karim: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya Yang Berhormat bagi Jeli.

4.45 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Semenjak daripada minggu pertama Tuan Yang di-Pertua kita bersidang, 2 September 2003, kita lebih fokus kepada penubuhan Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara itu sendiri. Apa yang kita perhatikan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita hanya ada pada satu ketika, bermula tahun 1983, kita hanya ada satu sahaja Bank Islam.

Kemudian dalam tiga tahun kebelakangan ini, kita ada satu lagi Bank Islam yang 100%nya, dengan sepenuhnya perbankan Islam. Bukan kata, dibuka kaunter perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada amalan perniagaan, selalunya kalau satu sahaja yang meniaga satu-satu produk itu maka ianya dinamakan monopoli. Kalau dalam negara kita ini adalah beberapa syarikat umpamanya Tenaga Nasional Berhad. Dia monopoli, dia tidak ada pesaing. Begitu juga dengan Telekom, umpamanya dari sudut *fixed line*, dia juga monopoli. Tidak ada pesaing dia.

Tetapi kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, bila mula dibuka umpamanya sistem telefon *wireless* maknanya telefon yang sangat popular sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, maka kita lihat kalau bila ada persaingan maka harganya akan ada *competitive price*. Maknanya benar-benar menguji tentang kecekapan dan keupayaan pengendali kepada syarikat-syarikat tersebut tetapi kalau dia seorang sahaja Tuan Yang di-Pertua, maka kita tidak ada pilihan. Suka tidak suka itu sahaja pilihan kita.

Sebab itu saya agak terkejut bila mana kita perhatikan Tuan Yang di-Pertua di Taiwan misal kata, dia ada beberapa syarikat pengendali telefon misal kata. Seperti mana Maxis, Celcom, Digi dan sebagainya. Yang agak memeranjatkan saya oleh sebab *service* perkhidmatan cukup baik dari segi penggunaan telefon tanpa wayar ini sehinggakan penduduk Taiwan, Tuan Yang di-Pertua hanya 23 juta tetapi bilangan pengguna telefon tanpa wayar ini 25 juta. Kita pun tidak percaya. 25 juta pengguna telefon tanpa wayar, penduduknya 23 juta. Rupa-rupa kita semak Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu orang itu mungkin dia ada empat telefon.

Tuan Yang di-Pertua: Budak-budak kecil pun ada.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Ketawa*] Yang itu mainan Tuan Yang di-Pertua. Bukan *original*. Dia ada empat telefon. Boleh jadi jika kita buat kajian mungkin satu untuk kekasih dia, satu untuk kawan-kawan dia, untuk berhubungannya itu. Satu ini nombor ini dikhususkan untuk *girlfriend* dia sahaja. Kalau di Taiwan popular dengan istilah *mistress*. Satu untuk isteri dia. Makna isteri dia akan berhubung dengan nombor ini. Bintulu dia tahu hal ini. Satu lagi misal kata digunakan untuk anak dia ataupun untuk *business contact* dia, dia tidak usik yang nombor lain.

Jadi, saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, bila ada ramai *players*, bila ada ramai pemain maka dengan sendiri dia akan wujudkan siapa yang boleh beri *the best service*. Bila siapa boleh beri *the best service* maka dengan sendirinya dia akan menggunakan berbagai-bagai promosi dan pendekatan untuk menarik pelanggan. Sebab itu kalau Tuan Yang di-Pertua ingat, Bank Islam ini cukuplah dengan izin, cukup lambat dia hendak *adopt* kepada penggunaan teknologi terkini. Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat mungkin Tuan Yang di-Pertua pun salah seorang antara yang terawal guna Bank Islam.

Dulu orang sudah hendak pakai MEPS, Bank Islam agak lewat kalau Tuan Yang di-Pertua ingat. Dia agak terkebelakang dari sudut hendak menggunakan teknologi elektronik ini tetapi bila ada desas-desus bank baru yang akan diberikan lesen sepenuhnya Tuan Yang di-Pertua, lesen sepenuhnya syariah maka dia mula fikir, ah! sekarang ini aku sudah ada pesaing. Sebab itu kita tengok misal kata Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam sudah diberi tapak, tapak cukup cantik Tuan Yang di-Pertua. Dia dapat tapak di mana Tuan Yang di-Pertua? Dia dapat tapak di Jalan Tun Razak depan pada IJN, Institut Jantung Negara. Berapa lama dia diberi tapak tersebut dan tapak itu cukup baik. Antara tempat yang paling mahal tetapi dia tidak ada gerakan tidak ada satu *push* untuk membina bangunan dia sendiri di situ tetapi akhir-akhir sudah mula ada satu desakan bagi dia untuk membina bangunan dia sendiri di Jalan Tun Razak tersebut sekarang, depan Institut Jantung Negara.

Jadi, apa saya hendak bagi tahu dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kita kalau boleh tidak hendak hadkan setakat bank yang diberikan perbankan Islam sepenuhnya hanya kepada Bank Islam dan juga kepada Bank Muamalat. Kita perbanyakkan lagi bank. Mungkin lagi tigakah, jadikan lima. Kerana selalunya bilangan yang lebih banyak kalau banyak sangat nanti *spoil the market* orang kata dengan izin. Kita tidak hendak terlalu banyak. Misal kata contoh syarikat pembekal telefon tanpa wayar pada satu ketika kita berapa, lapan! Rasa-rasa ada lapan. Sekarang ini sudah tiga sahaja dengan izin, *players*. Tiga sahaja *main players*. Makna yang mana tidak *competitive* itu dengan sendirinya akan ditelan, akan dimakan ataupun terpaksa melalui proses penggabungan.

Jadi, begitu juga dengan Bank Islam kerana kita sekarang ini di celah-celah kita ini, walaupun kita kata kita tidak ikut preskripsi IMF, seperti mana yang diberitahu oleh Timbalan Menteri tadi, yang sebenarnya kita tidak ikut preskripsi IMF dari segi hendak meminjam duit. Tuan Yang di-Pertua, meminjam duit betul kita tidak ikut preskripsi IMF. Buat apa kita hendak pinjam duit, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada duit EPF kita, KWSP kita yang mana KWSP kita ini di Thailand tidak ada format macam ini, *social security* seperti mana EPF, yang ada Singapura ada CPF dan Malaysia EPF.

Tuan Yang di-Pertua, EPF ini RM1,200 juta ke-RM1,500 juta sebulan dicarum. Jadi kita ada *cash* itu setiap tahun kita boleh kutip caruman ini daripada KWSP tidak kurang daripada RM22 bilion setiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, maknanya kita ada *cash* dari

sudut *liquid* dalam negara kita ini semua orang akui, *liquid* banyak, jadi maknanya kita tidak perlu pinjam.

Tetapi dalam kita kata kita tidak mengikut preskripsi IMF, akhir-akhirnya kita ikut juga apa dia, contoh penggabungan bank. Daripada bank, bilangan dahulu kalau kita ingat sampai 60. Macam-macam jenis bank, sampai bank itu ada yang tipu koperasi rakan-rakan kita dalam MCA. Ada dahulu kalau Tuan Yang di-Pertua ingat, dahulu tahun 1982 sampai Bangunan Wisma Lee San Choon itu hampir-hampir hendak kena dilelong. Kawan-kawan kita dalam MCA boleh ingat.

Maknanya dahulu *co-operative taking deposit* punya program menggunakan bank-bank serbaguna dan koperasi serba guna. Jadi kita lihat, maknanya dahulu banyak bank tetapi IMF telah mencadangkan supaya untuk menjadi kompetitif, maka 60 itu biarlah digabungkan dan nombor angka yang paling cantik mengikut beberapa penulisan ialah lima, tiga ke lima. Itu angka yang paling cantik. Sebab itu kita lihat walaupun sekarang sudah ada sepuluh bank komersial dalam negara kita, masih ada lagi *tendency* untuk penggabungan, umpamanya berita yang terbaru ialah di antara penggabungan di antara Arab Malaysian Bank dengan CIMB yakni pemilik kepada Bumiputera Commercial Bank tetapi setelah hampir dua bulan berlaku kuasa tawar menawar, akhirnya mereka dengan izin, *put off*, mereka tak jadi untuk bergabung.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang saya hendak lihat di sini kita ada sekarang ini dua sahaja bank, satu itu Bank Islam, satu lagi Bank Muamalat. Bank Muamalat ini merupakan *off spring*, *dengan izin*, daripada Bumiputra Commercial Bank, sebab itu kalau Tuan Yang di-Pertua lihat, bank-bank lain masih ada sektor perbankan Islam, tetapi Bumiputra Commercial Bank sudah tidak ada. Kalau kita hendak berniaga secara Islam maka pada tahap-tahap awal masa mula-mula hendak berpecah itu, dia kata, ini boleh pergi kepada Bank Muamalat. Hatta kalau pada masa itu, kita Bumiputra Commercial Bank Berhad, urus niaga syariah maka ia akan *automatically transfer* kepada Bank Muamalat.

Tetapi dengan sendirinya, kita lihat saiz bank kecil, fasal ia merupakan *off spring*, dengan izin, orang lain dicelah-celah penggabungan, ia terbitan daripada satu bank, jadi merupakan saiz yang kecil. Maksud di sini bank yang ada sekarang ini, kedua-dua bank perbankan Islam yang ada di tanah air kita merupakan bank yang masih kecil, sama ada Bank Islam yang telah bermula operasi 1983 ataupun Bank Muamalat masih kecil.

Jadi, boleh atau tidak kita bayangkan bagaimana yang begitu kecil ini, kita hendak besarkan, kerana *players* pemain-pemain perbankan yang lain, walaupun perbankan komersial sudah mula menceritakan tentang *tier one* mereka hendak menjadi bank *tier one* supaya bank ini boleh bersaing dengan Overseas Chinese Banking Corporation (OCBC), mereka boleh bersaing dengan Hong Kong Shanghai Bank, mereka boleh bersaing dengan Dresdner Bank, mereka boleh bersaing dengan Sumitome, Tokyo dan Citi Bank yang mana sekarang ini bank-bank tersebut telah mula meletakkan *position* mereka, telah mula beroperasi di dalam negara kita.

Sebab itu kita telah mengikut preskripsi IMF supaya diadakan penggabungan bank dan bilangan bank tidak perlu menjadi begitu banyak, cukup dengan bilangan yang tertentu, tiga ke lima dan bank ini boleh bersaing dengan bank-bank gergasi dunia yang ada hari ini, terutama kalau di dalam negara kita yang masyhurnya ialah Hong Kong Shanghai Bank, yang ini memang pemiliknya adalah pemilik Inggeris bukan pemilik Hong Kong, tetapi pemiliknya ialah daripada England, dari Great Britain. Tetapi macam Overseas Chinese Bank, DBS Bank Singapore, OUB Bank, ini merupakan pemilik-pemilik daripada Singapura.

Jadi, apa yang kita hendak lihat ialah kalau bank-bank ini sedang berlumba-lumba, untuk pergi kepada *tier one*. *Tier one* ini maknanya dia punya *paid up capital* dengan izin, tidak kurang daripada RM1 bilion tetapi kita perhatikan bank-bank kita ini sama ada Bank Islam ataupun Bank Muamalat, dia punya modal berbayar masih terlalu kecil.

Saya ingat kalau hendak dibandingkan umpamanya dengan Maybank yang mana merupakan bank yang terbesar di negara kita, bank terbesar di negara kita Maybank, Maybank ini keuntungan dia sahaja dijangka tidak kurang daripada RM2 bilion, tetapi Bank Islam hanya dianggarkan sekitar RM100 juta, yang itu RM2 bilion, yang ini RM100 juta.

Jadi, masih terlalu jauh untuk kita mempromosikan produk dan kekuatan perbankan Islam di negara kita. Sebab itulah, saya tidak segan dan tidak silu, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya tertarik dengan pandangan Jeli tentang bagaimana bank terkemuka dunia, Hong Kong Shanghai Bank, yang asalnya beroperasi di Shanghai dan benar-benar di Hong Kong oleh penjajah-penjajah British masa itu telah menjadi begitu besar, salah satu bank terbesar di dunia bersama-sama dengan kumpulan City Group daripada Amerika, trend hari ini ialah bahawa dan saya ingat minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Jeli untuk menggunakan kaedah pengiklanan yang dipanggil *branding*.

Jadi, Hong Kong and Shanghai Bank kalau kita ingat dulu-dulunya, namanya penuh begitu "Hong Kong and Shanghai Bank", di papan-papan di pintu-pintu bank di atas dinding bank di tulis "Hong Kong and Shanghai Bank". Tetapi apabila membesar dan membesar dan mengambil alih Midland Bank di United Kingdom dan menjadi lebih besar, maka dengan rasminya Hong Kong and Shanghai Bank tidak lagi dinamakan begitu, dinamakan HSBC.

Begitu juga saya hendak bertanya pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, Bank Islam Malaysia Berhad, jadi panjang sangat Bank Islam Malaysia Berhad, yang takut kepada Islam, oh, Bank Islam ini tidak boleh, kenapa tidak kita pakai sebahagian daripada kaedah yang digunakan oleh HSBC ini tukar dengan rasminya, Bank Islam Malaysia Berhad, kita ganti dengan BIMB. BIMB supaya *branding* itu mudah jelas, dengan izin, *catchy* dan oleh itu selaras dengan *trend* perniagaan antarabangsa untuk meningkatkan *branding* supaya naik taraf Bank Islam kita dikenali dengan BIMB selepas ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, saya kadang-kadang sangat kagum jugalah dengan sahabat saya daripada Tumpat ini, [*Ketawa*] mesti kena puji kawan, kita tidak lawan kawan punya.

Jadi, kita hendak beritahu ada kebenaran di sebalik apa yang dikatakan oleh Tumpat itu, Tuan Yang di-Pertua, aspek terutama ekoran daripada Peristiwa 11 September itu, di mana Islam telah dipandang sebegitu rupa. Ini ada kebenarannya. Maknanya bila sebut Islam Tuan Yang di-Pertua, kita hendak pergi mana-mana pun kita kena *through security check*, di mana-mana tempat.

Jadi, saya fikir ada hujah di sebalik cadangan Yang Berhormat bagi Tumpat yakni kita tahu dia punya *content*, dia punya perniagaan ialah sepenuhnya syariah tetapi nama *dishortformkan* kepada BIMB kalau kita tahu Islam itu, Tuan Yang di-Pertua, maka *automatically* kita telah adakan satu *phobia* untuk dia bermuamalat, bertransaksi secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, saya minta sedikit ulasan daripada Jeli, iaitu letak nama Islam ini orang takut. Saya tidak bersetuju yang itu. Saya tidak bersetuju pandangan itu, sebabnya kita lihat Bank Islam, saya akui dibuat ditaja oleh Kerajaan Barisan Nasional, tetapi pelanggan saya nampak bila saya duduk dua tiga jam dalam Bank Islam, saya nampak jarang orang UMNO pergi ke Bank Islam, kebanyakannya Bank Islam ini dahulunya dibuka di kawasan yang kuat PAS dahulu di Kelantan, Terengganu, di Alor Setar. Pelanggannya saya nampak kebanyakannya kopian putih belaka, jadi jarang orang UMNO masuk. Jadi, UMNO ini taja sahaja Bank Islam tetapi dia tidak yakin. Kalau Yang Berhormat bagi Jeli tahu berapakah akaun, misalnya wang UMNO bahagian disimpan di Bank Islam, sedangkan bagi PAS kebanyakannya kawasan, Pemuda dan sebagainya disimpan di Bank Islam. Di sini menunjukkan bahawa UMNO hanya taja Bank Islam tetapi keyakinan mereka itu kurang. Minta ulasan sikit, bukan kerana nama Islam itu. [*Ketawa*]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya pasti, kalau akaun PAS kawasan selagi mana ada Bank Islam di tempat itu memang kita tidak membenarkan, sebolehnya kita tidak membenarkan membuka akaun di selain daripada Bank Islam. Tetapi saya yakin UMNO Pahang yang terlibat dengan tidak bayar

premium balak RM4 juta lebih terhutang dengan kerajaan negeri walaupun balak sudah disapu habis, akaun dia pasti di Standard Chartered Bank. Saya pasti Standard Chartered akaun dia. Itu saya tahu fasal kawan saya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta penjelasan. Saya juga bersetujulah pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Kita jangan takutlah guna label Islam ini. Kalau kita orang Islam takut guna label Islam, siapa lagi hendak *promote* Islam ini. Yang itu saya sependapatlah dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Yang kedua yang saya kurang sependapat dengan Kuala Kedah, saya minta pandangan Yang Berhormat pasal dia kata orang PAS sahaja dok simpan duit di Bank Islam. Macam mana Yang Berhormat boleh tahu. Yang Berhormat tanyakah “*You* orang PASKah atau orang UMNO?” Tentu tidak tanya. Tetapi *indication* yang diberi oleh Kuala Kedah tadi ialah kopiah putih – PAS, yang songkok hitam dia kata UMNO. Jadi, Yang Berhormat ini songkok hitam. *[Ketawa]* Kemudian Rantau Panjang songkok hitam. *[Ketawa]* Di belakang ada tiga orang songkok hitam, dua yang songkok putih sebelah sana.

Jadi, adakah macam Yang Berhormat kata seolah-olah Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tidak mahu terima Yang Berhormat seperti sebahagian ahli PAS kerana Yang Berhormat pakai songkok hitam. Semalam pun saya tengok dalam surat khabar waktu Ketua Pemuda PAS menyambut ketibaan Nik Aziz, Ketua Pemuda PAS pakai songkok hitam, dia tidak pakai kopiah putih pun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Yang Berhormat Kuala Kedah macam tak sokong sahaja Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini. Jadi, yang itu saya tidak setuju.

Yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat pasal balak tadi. Saya hendak tanya kalau Yang Berhormat kata balak di Pahang tidak bayar premium, tetapi di Terengganu pun sama. Kes ini kalau tidak percaya pergi cek. Di Kuala Terengganu, seorang pembeli balak bernama Encik Yap dari Sekinchan, Tanjong Karang. Semasa dia membeli balak, balak itu belum keluar, tetapi pemimpin PAS di Terengganu beritahu Mr. Yap, “Lu jangan takut, ini orang agama dia tidak tipu, tak serupa orang UMNO tipu-tipu, pusing-pusing. Yap kawan baik saya, dia pun bayar duit kepada Kerajaan Negeri Terengganu, kepada pihak berkenaan. Bila dia bayar, balak tidak boleh bawa keluar. Sekarang ini dia saman Kerajaan Negeri Terengganu kerana menipu balak. Jadi, Yang Berhormat jangan tengok balak dekat Pahang sahaja, balak dekat Terengganu lagi teruk sampai ke mahkamah sekarang ini. Tidak pernah lagi orang saman kerajaan kerana menipu keluar balak.

Jadi, dua isu inilah minta ulasan daripada Yang Berhormat. Mengenai songkok ini, Yang Berhormat kena isytihar Yang Berhormat orang PASKah atau orang UMNO? Itu yang pertama. Kalau Yang Berhormat kata orang PAS, suruh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tarik balik *statement* itu. Saya cabar Yang Berhormat, suruh dia tarik balik *statement* yang mengelirukan, kalau anak jantan! *[Ketawa]* Kalau ada berani! Kalau tak berani, ikutlah, pangkalah ataupun esok jangan pangkah jadi Naib Presiden. Kalau Naib Presiden PAS jangan pangkah dia. *[Ketawa]* Tetapi tidak mengapalah, tarik baliklah, mengelirukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya pun hairanlah sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, takkan saya orang UMNO duduk dekat sini. Kalau saya orang UMNO saya duduk dekat sana. *[Ketawa]* Silap-silap saya tidak hendak duduk dekat sana, duduk dekat sana. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, itu tidak bersangkutan. Tidak bersangkutan dengan rang undang-undang, Yang Berhormat. Ya, sudahlah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sikit bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Pergi perkara lain ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, hak pembalakan di Terengganu ada satu kawasan lebih kurang dalam 16,000 hektar, lebih kurang 41,000 ekar.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ke mahkamahkah perkara ini? Masuk dah?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saman baru, Tuan Yang di-Pertua. Sudah saman kira masuk mahkamahkah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saman itu sudah masuk dalam mahkamahlah. Tak payah cakaplah. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Macam mana dia tanya, dia *lawyer*. *Lawyer* tanya saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa itu dia tidak beritahu kepada saya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila pergi perkara lain.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kita tengok contohnya, dalam banyak negeri, sekali lagi saya kena tekan, dalam banyak-banyak negeri dalam keadaan siapa yang tubuhkan Bank Islam? Memang kita akui yang tubuh Bank Islam ini ialah kerajaan. Kerajaan maknanya Kerajaan Pusat yang dipimpin oleh UMNO. Mereka yang menubuhkan Bank Islam pada tahun 1983. Tetapi benda yang baik datang dari mana-mana pun kita terima, kita tidak ada masalah.

Sebab itu satu benda yang cukup kita banggakan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan, bila dia pegang kerajaan dia telah tukar segala akaun-akaun kerajaan negeri daripada perbankan bukan Islam kepada perbankan Islam. Ini satu keberanian, maknanya negeri yang selama ini sudah turun temurun menggunakan bank-bank lain.

Kemudian Terengganu pula baru-baru ini turut serta, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya yakin saya sudah tengok cek-cek yang keluar daripada negeri-negeri yang diperintah oleh UMNO saya fikir hanya mungkin 15%, 20% mereka yang tukar kepada perbankan Islam tetapi yang lainnya lazimnya mereka terus mengekalkan kepada perbankan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu cerita awal saya itu saya hendak beritahu statistik kita ini dalam Bank Islam. Saya beritahu Bank Muamalat merupakan serpihan daripada Bumiputra Commercial Bank. Bank Islam kita tahu kecil, kita hendak berlawan dengan orang besar-besar yang *tier one*, tiba-tiba siapa yang hendak sokong sekarang, sedangkan kita tahu ekonomi negara, minta maaf dengan izin, adalah dikuasai oleh orang bukan Islam. Itu satu realiti yang kita kena terima.

Sebab itulah Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Perdana Menteri memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru supaya ekuiti orang bumiputera Islam ini lebih. Jadi, sekarang realiti itu kita kena faham bahawa maknanya kebanyakan transaksi ekonomi ini bukan di tangan orang Islam. Jadi, maknanya siapa lagi yang hendak menyuntik, hendak membesarkan perbankan Islam ini kalau tidak kerajaan itu sendiri.

Sebab itu saya sentiasa beritahu, umpamanya dari segi perbelanjaan kerajaan, dalam segi Belanjawan yang dibentangkan. Tahun ini kerajaan belanja RM114 bilion. Cuba bayangkan kalau RM114 bilion itu adalah transaksi yang menggunakan transaksi Islam. Sudah tentu secara automatik kita telah menggemukkan, kita telah membesarkan permainan ataupun transaksi Islam itu sendiri. Bila kita yang guna dengan sendirinya kita mengheret pemain-pemain awam yang bukan Islam ini untuk turut serta *support*. Tetapi kita kerajaan mesti *support* dahulu. Sebab itu saya tengok Tuan Yang di-Pertua, kalau kita yang memulakan *support* ini maka kita akan boleh heret ramai lagi pasal orang tengok *volumentya* besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan isu kopiah. *[Ketawa]* Isu lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu wang yang banyak ialah Tabung Haji dan Bank Islam ini bank yang menguruskan perniagaan secara Islam. Kalau tunjuk kerajaan ini sokong Bank Islam, selain daripada wang pelaburan Tabung Haji itu, wang tunai Tabung Haji itu apa salahnya Jeli minta semuanya disimpan di Bank Islam barulah dia boleh dapat bilion ringgit dan Bank Islam akan boleh berkembang, barulah nampak UMNO betul-betul sokong.

Jangan buat ini kerana hendak lepas menang pilihan raya sahaja tetapi dari segi hendak amalkan iaitu hendak simpan di Bank Islam dan sebagainya, saya duduk di Shah Alam atau di mana tiga, empat jam saya nampak muka orang PAS sahaja masuk, muka orang UMNO pergi bank-bank lain.

Mereka taja dalam ceramah sahaja "lihat kerajaan buat Bank Islam" tetapi tidak masukkan duit dalam Bank Islam. Begitu juga Tabung Haji di bawah kawalan Setiausaha Parlimen itu pun tidak diarahkan supaya wang Tabung Haji disimpan di Bank Islam. Jadi, setujukah supaya Bank Islam ini arahan dibuat dalam Parlimen ini?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Selalunya yang jawab soalan-soalan Tabung Haji ialah Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Maka pada hari ini yang paling bertanggungjawab untuk memastikan segala anak-anak syarikat Tabung Haji Tuan Yang di-Pertua, yang mana Tabung Haji mempunyai ekuiti majoriti sepatutnya kita minta Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kalau kita jumpa dia tiga bulan lagi, kita hendak tanya dia, apakah akaun anak-anak syarikat Tabung Haji itu sudah dipindahkan daripada bank-bank lain ke Bank Islam atau Bank Muamalat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tetapi, saya yakin banyak lagi anak-anak syarikat Tabung Haji yang tidak menggunakan Bank Islam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebelum saya jawab, saya ingat Yang Berhormat balik nanti pergi ke Bank Islam dan tanya Bank Islam, siapakah pemegang saham yang paling besar di Bank Islam ini. Penyimpan yang paling besar dan pengasas yang paling besar di Bank Islam ini. Tengok betul-betul, ialah Tabung Haji. Tabung Hajilah yang memegang saham yang paling besar di Bank Islam ini. Mana pula Yang Berhormat kata Tabung Haji tidak simpan di Bank Islam?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Dia mana tahu!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita simpan di Bank Islam yang merupakan pemegang saham yang terbesar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, perkara-perkara ini. Ya, yang hendak minta pinda ini ialah dua benda sahaja.. *[Dewan riuh] [Beberapa Ahli ketawa]* Masalah hendak menubuhkan Majlis Penasihat Syariah dan satu lagi pindaan daripada Seksyen 21 berkenaan dengan memotongkan perkataan "*tidak kurang*" dengan menggantikan kepada perkataan "*tidak lebih*", mengikut Peraturan Mesyuarat 36 ya, saya rasa. Jika sekiranya semasa

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: sekejap, sekejap, sekejap.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sila, sila, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: semasa membahaskan satu-satu rang yang meminda rang induk maka perkara-perkara yang dalam rang undang-undang induk itu tidak payah, tidak patut disentuh melainkan jikalau sekiranya ada sangkutan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini mana ada sangkutan. Berkenaan siapa masukkan duit ke dalam Bank Islam ataupun keluarkan duit....., mana ada sangkutan? Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat mintalah kurangkan sedikit. Kita haraplah kira kalau boleh hari ini kita selesaikan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Boleh. Boleh, Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua: Kerana sekarang banyak lagi rang undang-undang, lagi pula yang susah-susah sekarang ini faktor masa. Masa kita! Kita akan masuk ke dalam bulan puasa pada pengakhiranya. Jadi jagalah masa sedikit, ya..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *Insyah-Allah*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *Ati'ullahu waati'ul-rasul wa'ulil amri minkum. [Ketawa]* Saya taat. Saya terima pandangan Tuan Yang di-Pertua hari ini. *[Ketawa]* Maknanya Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, saya patuh pasal Tuan Yang di-Pertua sebagai ketua hari ini. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya tengok di sini Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: sekarang ini, dalam kita bincang dalam bulan awal September tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Tuan Yang di-Pertua. Walhal Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini bank-bank sudah ada Lembaga Syariah masing-masing. Jadi, kita kena ambil kira bahawa akan berlaku perbezaan sedikit sebanyak sebab banyak perniagaan baru ini Tuan Yang di-Pertua, instrumen-instrumen baru banyak berlaku. Umpamanya niaga hadapan, permainan *derivative*. Itu masih benda yang baru dalam keadaan sekarang ini bagi instrumen-instrumen Islam. Jadi sudah tentu Tuan Yang di-Pertua kita boleh menjangkakan ada perbezaan-perbezaan pandangan.

Jadi, kita hendak mengetepikan terus pandangan majlis ataupun Lembaga Penasihat Syariah bank-bank ini, hendak mengetepikan terus dan hanya hendak mengambil kira daripada Bank Negara, maknanya dari sudut pandangan-pandangan tersebut saya fikir tidak berapa tepat Tuan Yang di-Pertua.

Sepatutnya dia tidak boleh dipaksa. Maknanya nasihat majlis itu mesti dipatuhi oleh Bank Islam. Padahal Bank Islam dia sudah ada Lembaga Syariah dia sendiri. Sudah lama berzaman dia ada. Bahkan bukan setakat Bank Islam dan Bank Muamalat, bank-bank lain yang ada *department* ataupun yang ada segmen perbankan Islam itu pun, itu pun masing-masing bank ada badan Penasihat Syariah dia sendiri.

Sebab itu saya fikir, macam Bank Islam, dia sudah *establish* Tuan Yang di-Pertua. Dia *establish* semenjak tahun 1983 dan Bank Negara baru hendak buat. Jadi, kalau Bank Negara baru hendak buat sedangkan yang ini sudah *establish* semenjak tahun 1983, tiba-tiba yang ini seolah-olah diwajibkan mematuhi Bank Negara yang baru hendak buat, jadi, saya rasa ada sedikit canggunglah. Itu bagi fahaman saya kerana kita tidak boleh

meletakkan perkataan, maknanya “wajib” ataupun “mesti dipatuhi” oleh Bank Islam itu sendiri. Saya tidak setuju meletakkan nasihat majlis itu mesti dipatuhi oleh Bank Islam.

Jadi, bagaimana dengan pandangan-pandangan dan juga keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh lembaga ataupun Majlis Penasihat Syariah Bank Islam yang asal itu. Sebab itu saya minta kalau boleh ayat ini tidak boleh dibuat sebegitu rupa kerana kita belum tahu lagi, siapakah yang bakal-bakal dilantik untuk menganggotai Majlis Penasihat Syariah Bank Negara itu. Kita tidak tahu. Sebab apa Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini adalah tidak lain tujuan kita adalah hendak memberi keyakinan. Kita hendak beri keyakinan tentang maknanya dengan izin, tidak ada syak dan keraguan tentang satu-satu keputusan syariah yang dibuat sama ada oleh mana-mana Majlis Penasihat Syariah Bank Islam ataupun Majlis Penasihat Bank Negara. Kita tidak mahu ada satu syak. Bila orang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau dia syak maka dia tidak akan pergi *invest* atau tidak pergi letak dia punya wang dan sebagainya, tidak bertransaksi dengan bank tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam negara kita ini kalau kita buat kajian, masih ramai lagi orang-orang tua kita yang kaya-kaya Tuan Yang di-Pertua, yang masih tidak menggunakan kesempatan dan manfaat sepenuhnya daripada perbankan Islam. Ramai Tuan Yang di-Pertua! Saya fikir kalau kita buat kajian dan saya telah bertemu dengan ramai orang terutama orang-orang yang di peringkat lama Tuan Yang di-Pertua, mereka masih tidak mengambil kesempatan. Dia masih ada lagi sangsi dan was-was terutama dari sudut, dia kata pinjam yang ini pun terpaksa bayar lebih juga.

Yang itu perlu kita jelaskan. Itu memang dia silap faham tetapi maknanya, ada beberapa perkara yang dia sendiri tidak yakin menyebabkan dia tidak masuk tetapi itulah tujuan kerajaan sepatutnya tidak meletakkan ayat ini kerana Bank Islam itu telah terlebih dahulu mengadakan Majlis Penasihat Syariah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Saya ingat, saya ingat daripada pihak blok itulah juga yang satu masa dahulu, yang beberapa hari dulu yang mengatakan jika sekiranya Majlis Penasihat Syariah ini tidak diendahkan, buat apa? Kemudian barulah ditunjukkan kepada kita iaitu perkataan “*Shall be..*” sekarang ini Yang Berhormat berkata tidak patut diterima. Jadi janganlah, janganlah macam itu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sedikit kalau boleh minta pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, saya masih ingat lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dia dalam perkataan “*legal*” ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: “*Shall*”, “*Must*” masih adakah perkataan “*legal*” Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, “*shall here*”.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: “*Must*” *Must*, *m-u-s-t*, masih ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yes.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hah! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, perkara yang Bank Islam kena terima ialah perkara-perkara syariah sahaja. Perkara-perkara lain tidak.. [Dewan riuh]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hah, apa itu..? [Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, cukuplah itu Yang Berhormat, berucap panjang sangat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum menggulung.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: sebelum menggulung, saya minta pihak kerajaan supaya perkara ini benar-benar maju dan berjaya. Saya minta supaya akaun-akaun kerajaan khususnya akaun Persekutuan dan juga akaun-akaun kerajaan negeri ikutlah contoh Kelantan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: supaya perbankan ini benar-benar bukan setakat kita pinda di Dewan tetapi ia benar-benar maju. [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Sudah. Sudah, sudahlah Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, sudahlah, sudahlah. Baik.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Lepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya bagi Yang Berhormat 10 minit. Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu kita mintalah supaya perkara ini diputuskan pada hari ini juga. Ya, sila. Pastikan Yang Berhormat mematuhi masa 10 minit, ya.

5.30 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan patuhi had masa 10 minit yang dihadkan.

Pindaan bagi memasukkan klausa Bank Islam mesti mengikuti nasihat Majlis Penasihat Syariah dan sebuah Majlis Penasihat Syariah ditubuhkan. Pada dasarnya kita menyokong klausa ini, sama seperti Yang Berhormat bagi Jeli juga. Cuma dalam perkara ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, apakah Majlis Penasihat Syariah ini akan tertakluk kepada hanya satu mazhab tertentu?

Setakat yang saya fahami dalam bab *trading*, Mazhab Hanafi jauh lebih *advance* kerana Imam Abu Hanafiah juga adalah seorang peniaga dan dengan demikian pandangan-pandangan perniagaannya pada waktu itu dianggap lebih relevan berbanding imam-imam mazhab yang lain.

Oleh yang demikian, saya berharap Majlis Penasihat Syariah ini tidak tertumpu kepada satu mazhab sahaja tetapi mengambil kira mazhab-mazhab yang lain dan bukan menyempitkan keadaan tetapi memperluaskan lagi supaya menjadi lebih fleksibel dan relevan dengan perkembangan semasa.

Saya mengemukakan pandangan ini kerana saya berpendapat bahawa Bank Islam mempunyai potensi untuk dikembangkan, bukan sahaja dalam negara kita, dengan penglibatan bersungguh-sungguh semua agensi kerajaan, termasuk Petronas umpamanya, yang menyimpan wang yang banyak daripada hasil minyak tetapi juga mengembangkannya ke luar negara.

Telah berpuluh tahun usia bank ini seharusnya cukup matang untuk kita mengembangkan bank kita, mempunyai cawangan-cawangan sebagaimana bank-bank besar seperti Citibank daripada Amerika yang diberikan peluang untuk melabur dan membuka cawangan di Malaysia, Commercial IBT, yang bukan bank di Australia, hanya sebuah syarikat *two dollars company*, diberikan *investment bank* di Labuan. Seharusnya Bank Islam lebih maju daripada mereka.

Saya berharap bahawa dapat dilakukan satu *master plan* bagi Bank Islam berkembang ke negara serantau dan juga di bahagian-bahagian lain di dunia kerana kita lihat bukan sahaja konsep ini telah diterima oleh masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, bahkan di Switzerland iaitu pusat kewangan dunia. Kita ada Bank of Taqwa di Geneva dan

Zurich dan begitu juga di Amerika, ada bank yang berasaskan kepada *Islamic banking* tetapi kenapa Bank Islam tidak boleh melangkah, meneroka ke alam di luar daripada Malaysia, lebih-lebih lagi menjelang AFTA di mana *deregulation* akan berlaku?

Seharusnya kita mengambil kesempatan mengembangkan perkara ini ke luar negara. Namun untuk berkembang ke luar negara, kita harus mempunyai fleksibiliti syariah. Kita ada asas-asas syariah yang tidak berubah dan kita ada asas-asas syariah yang fleksibel dan dalam masalah ini, saya kira kita memilih fleksibiliti di samping memelihara asas-asas yang utama.

Begitu juga dengan cabang-cabang *banking* yang lain, umpamanya Merchant Bank. Mengapakah kita tidak meminta Bank Islam membuat pelan bagi Bank Islam berkembang jauh lebih pesat daripada keadaan sebenarnya? Setiausaha Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang pernah membangkitkan. Saya tidak berapa ingat Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

Seorang *backbenchers* ataupun wakil kerajaan pernah membangkitkan, kononnya Bank Islam di Bangunan MARA duduk dalam keadaan yang tidak menarik. Saya ingat sekarang, barangkali Yang Berhormat bagi Tambun. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, perkara ini telah saya bangkitkan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan pada waktu itu, bahawa Bank Islam, oleh kerana telah mempunyai pelangan yang tetap, tidak perlu duduk di sudut yang strategik. Sebab itu mereka telah dipindahkan daripada *ground floor* ataupun *first floor* ke tingkat yang lain, kerana kononnya ruangan tersebut adalah untuk *small traders* dan bank boleh duduk di mana-mana kerana orang tetap akan pergi ke bank tersebut.

Ini menunjukkan satu gambaran bagaimana kita kadang-kadang menganggap Bank Islam sebagai satu perkara sampingan dan bila kita menubuhkan Bank Islam, hasrat yang utama ialah untuk mengikuti syariah. Dalam kewangan kita ikut syariah supaya semua urusan niaga kita menjadi halal. Bank Islam telah dicadangkan oleh Allahyarham Tok Kenali dalam majalah *Pengasuh* pada tahun 1920. Lama sebelum kita mengasaskannya pada tahun 80-an. Tok Kenali juga telah mencadangkan penubuhan Universiti Islam dalam artikel yang sama pada tahun 1920 yang ada dalam majalah *Pengasuh*.

Ini bermakna bahawa ulama-ulama pada waktu itu sudah begitu dinamik, pada waktu orang Melayu belum kenal sistem *banking* dan menyimpan wang mereka di bawah bantal. Di zaman moden ini, bekas Pengerusi PERNAS pernah menyimpan wang tunai di rumahnya RM2 juta, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulung dan Sri Gading tidak mengamalkan perkara yang sama. RM2 juta disimpan di rumah dan akhirnya dirompak oleh orang Indonesia, RM2 juta, *cash*.

Saya minta maaf sedikit, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Dan ada pula yang bawa duit ke Australia. Ini perkara-perkara lucu yang saya terpaksa luahkan, bawa duit dalam guni di Australia dan sebagainya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sangkut, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, tidak masuk, tidak sangkut. Memang saya tahu... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sangkut, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, tidak sangkut langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Memang tidak sangkut, saya minta maaf sekali lagi tetapi ini perkara-perkara lucu di mana pada masa orang Melayu belum lagi kenal sistem *banking*, Tok Kenali telah mencadangkan sistem *banking*.

Kalau Bank Islam yang namanya pun Islam, walaupun ada orang kata, kalau kita letak nama gerakan kita dengan Islam, maka mungkin bila kita mengamalkan satu kesalahan dan kesalahan itu jatuh kepada Islam. Mereka tidak dapat membezakan di antara Islam dengan aktiviti yang *related* dengan Islam. Bank Islam sendiri mengambil nama Islam.

Bank Islam mengikut klausa ini diminta ikut nasihat Majlis Penasihat Syariah. Bank yang sudah Islam kerana namanya pun Islam kena ikut nasihat syariah, apa lagi badan-badan lain? Macam kerajaan kita sendiri, adakah kerajaan ikut nasihat syariah? Kalau bank kena ikut, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kena minta Jabatan Perdana Menteri pun ikut nasihat syariah dalam semua bidang. Jangan masalah bila kita dapat untung, kita ikut syariah. Bila yang tidak berkaitan dengan wang, tidak boleh pungut wang, cukai, keuntungan dan sebagainya, kita kata syariah tunggu dahulu. Tunggu dahulu, tunggu dahulu, kita buat cara lain tetapi wang kena ikut syariah, pasal orang Melayu tidak akan simpan wang dalam bank kecuali mengikut garisan syariah bagi membolehkan urusan ini adalah halal.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Tuan Yang di-Pertua, akan sekat saya tetapi saya hendak sebut umpamanya salah faham terhadap Islam ini masih berleluasa, bukan sahaja dalam isu-isu kewangan tetapi juga dalam isu-isu yang lain. Umpamanya, berkenaan dengan Enakmen Jenayah Syariah Kelantan yang ketiga, yang dipanggil Hudud, kononnya PAS telah membenarkan liwat ke atas isteri. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Dan Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, Larut.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudahlah itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada berkesudahan itu....

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, Tuan Yang di-Pertua, benda itu lari sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Emm.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak apa kita bahas semula pada masa yang lain. *[Ketawa]* Kita kena.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah sangkut dengan bank itu. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Betul, betul, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Memang tidak sangkut. Saya sudah agak perkara ini, Tuan Yang di-Pertua akan sekat saya. Majlis Penasihat Syariah ini, adakah kita akan lantik

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa itu, Larut, Tuan Yang di-Pertua, Larut sudah

Tuan Yang di-Pertua: Emm...

Tuan Husam bin Haji Musa: Kita lantik, adakah rakyat Malaysia sahaja ataupun pakar-pakar syariah dari luar negara? Pernah saya bincang dengan pegawai Bank Islam, Bank Negara juga, bahawa kadang-kadang jika kita ambil penasihat daripada luar negara, mereka mengamalkan mazhab yang berlainan. Umpamanya kalau kita ambil daripada Sudan, mereka mempunyai mazhab yang berlainan.

Tetapi saya percaya, jika tidak pun melalui Majlis Penasihat Syariah ini kita perlu ada satu *platform* di mana pandangan-pandangan yang berbeza dalam mazhab yang berbeza, dapat diketengahkan supaya satu pendekatan yang lebih meluas dapat kita ambil. Janganlah oleh kerana mereka mempunyai pandangan yang mungkin berbeza daripada kita, kita tidak *expose* diri kita kepada pandangan-pandangan tersebut.

Sehubungan dengan ini jugalah saya yakin bahawa Majlis Penasihat Syariah bukanlah satu badan yang mutlak, tepat pada sebarang masa, bahkan jika kita biasa berurusan dengan Bank Islam, satu daripada rungutan yang paling besar ialah bahawa kadar yang dikenakan oleh Bank Islam jauh lebih tinggi daripada bank komersial. Jauh lebih tinggi.

Cuma kata mereka, ini ayam yang disembelih, ayam bank konvensional, ayam yang tidak disembelih. Keua-duanya ayam, tetapi satu halal dan satu haram. Saya yakin

bahawa premis ini sudah harus diubah. Mengapa tidak Bank Islam menawarkan kadar yang jauh lebih kompetitif daripada bank komersial. Ini adalah satu pendekatan konvensional yang saya rasa harus berubah dengan masa.

Untuk menjadi lebih kompetitif, Bank Islam patut menawarkan kadar yang lebih rendah dan saya yakin memang ada jalan untuk berbuat demikian. Tidaklah mungkin oleh kerana kita *Islamic*, maka kadar kita lebih tinggi. Kita harus menjadi lebih inovatif, *Islamic* dan kadar yang lebih rendah, Islam dan faedah-faedah kewangan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oleh kerana itulah saya... masa sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. 10 minit sahaja Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen, boleh jawab dalam masa 15 minit, boleh ya?

5.31 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama sekali saya hendak menyentuh tentang Yang Berhormat bagi Jeli yang menyentuh bahawa Bank Islam Malaysia lambat dalam menggunakan teknologi moden. Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar bahawa sebelum ini bank Islam dilihat sebagai agak lambat daripada segi penggunaan teknologi. Walau bagaimanapun, dengan adanya persaingan daripada bank-bank konvensional yang menawarkan perbankan Islam, bank Islam telah mengubah strateginya dalam pembangunan produk. Bank Islam menawarkan produk yang kompetitif malah dari segi penggunaan cip dalam kad ATM, bank Islam merupakan antara yang paling awal dalam menggunakan teknologi moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli juga menyentuh bahawa sejak 1993, kita cuma ada satu bank Islam dan pada tiga tahun lepas cuma satu lagi bank Islam iaitu Bank Muallamat. Beliau mahu supaya ditambah lagi bilangan yang ada sekarang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, memang merupakan Dasar Bank Negara Malaysia seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan Malaysia untuk meliberalisasikan industri perbankan Islam dengan mengeluarkan lesen perbankan Islam yang baru. Bukan sahaja untuk syarikat tempatan, malah kita juga akan buka lesen baru kepada pihak luar.

Dasar ini bertujuan untuk membenarkan bank-bank asing juga untuk memohon Lesen Perbankan Islam untuk meningkatkan daya saing bank Islam di Malaysia dan ini bukan sahaja mendorong bank Islam untuk lebih bersaing, tetapi juga dapat membina Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Jadi itu adalah di antara matlamat bank Islam.

Isu yang seterusnya ialah penggabungan bank merupakan nasihat IMF.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, kita tidak ada masa. Ya, ya, tolonglah, tolong. Saya menggunakan kuasa saya. Baik. Ya, sila, sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Yang Berhormat bagi Jeli ada mengatakan bahawa penggabungan bank adalah hasil daripada nasihat IMF. Saya ingin nafikan Yang Berhormat sekeras-kerasnya bahawa penggabungan bank bukan atas nasihat IMF. Ia merupakan satu fenomena global. Ertinya semua negara mengambil tindakan tersebut. Ia merupakan langkah dalaman yang diambil oleh negara kita bagi mempertingkatkan keberkesanan dan *competitiveness*, dengan izin institusi perbankan domestik. Ia juga selaras dengan perkembangan di negara-negara lain. Bukan IMF, ia tidak ada kena-mengena dengan IMF di sini. Kita buat ini di atas budi bicara kita sendiri dan kebijaksanaan kita sendiri.

Yang Berhormat bagi Jeli juga menyentuh tentang perbezaan antara bank asing yang besar dan bank domestik yang kecil - bagaimana mahu bersaing kata beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Skim Perbankan Islam diperkenalkan pada tahun 1993, di mana institusi perbankan konvensional dibenarkan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam, bank-bank Islam telah menunjukkan daya tahan yang kukuh dalam menghadapi persaingan dengan institusi konvensional yang lebih besar dengan rangkaian perbankan yang luas.

Dengan pelancaran Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK), pelbagai langkah sedang dilaksanakan ke arah mengukuhkan kapasiti keinstitutionan perbankan Islam untuk menangani cabaran globalisasi secara berkesan. Di antaranya:-

- (i) memperkenalkan program tanda aras untuk meningkatkan prestasi bank Islam agar setanding dengan amalan antarabangsa terbaik;
- (ii) di samping itu bank-bank Islam juga digalakkan untuk menjalankan program tanda aras dalaman di peringkat institusi masing-masing yang mencakupi kedua-dua aspek kuantitatif dan kualitatif; dan
- (iii) memperkukuhkan struktur urus tadbir korporat dan penglibatan pemegang-pemegang saham dalam memacu prestasi bank-bank Islam.

Yang Berhormat bagi Jeli juga menyentuh tentang saiz modal bank-bank Islam yang kecil. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyedari bahawa saiz modal adalah penting untuk bersaing dalam suasana dan persekitaran kewangan yang kompetitif. Dalam hubungan ini, bank-bank Islam sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan modal berbayar. Dana pegangan saham bank Islam ialah sebanyak RM1000 juta dan keperluan modal berbayar bagi bank-bank Islam akan ditingkatkan ke satu tahap yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita ada pindaan di dalam itu dan kena menerangkan sedikit pindaan, ya. Banyak perkara yang diucapkan oleh Jeli itu terkeluar daripada tajuk. *[Dewan gamat dengan ketawa]*

Ya, kalau saya jadi Yang Berhormat, saya tidak akan menjawab soal-soal yang terkeluar daripada *[Disampuk]*.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak sentuh tentang peranan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan agensi-agensi kerajaan untuk menggunakan perbankan Islam dalam urusan mereka. Ekoran seruan ini, deposit agensi kerajaan dalam perbankan Islam adalah lebih kurang 20% daripada keseluruhan jumlah deposit perbankan Islam di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Tuan Hashim bin Ismail: Jadi tidak betullah apa yang disebutkan tadi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jawablah berkenaan dengan pertanyaan bagi Kubang Kerian mengenai penasihat syariah tadi, cukup.

Tuan Hashim bin Ismail: Kubang Kerian Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang....

Tuan Yang di-Pertua: Syariah. Dia kata patut diambil mazhab-mazhab lain juga, Hambalikah, Hanafikah, kesemua sekali. Empat-empat mazhab sekali ya. *[Dewan gamat dengan ketawa]*

Apa kata jawapannya, Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ismail: Ya, nanti sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak kena bacalah. Hmm.

Tuan Hashim bin Ismail: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah. Akan timbanglah.

Tuan Hashim bin Ismail: Sebenar Tuan Yang di-Pertua, kita tidak terikat dengan mana-mana mazhab walaupun kita mengambil kira, asas kita ialah Mazhab Shafie, tetapi kita juga akan mengambil kira pandangan daripada mazhab-mazhab lain asalkan ia tidak terkeluar daripada Sunnah Waljamaah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk menjadikan ia lebih *flexible* dan perlu saya sambung?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat! Sudah jawablah tu.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain-lain itu tidak bersangkutan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, terima kasih. [*Tepuk*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 2 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 (Pindaan) –

Tuan Pengerusi: Pindaan Yang Berhormat. Yang Berhormat, cuba bagi penerangan sedikit apa yang dipotong di dalam Seksyen 6. Apa perkara yang dipotong?

Tuan Hashim bin Ismail: Kita mahu potong Seksyen 6....

Tuan Pengerusi: Ya, apa dia benda itu?

Tuan Hashim bin Ismail: Kerana kita mahu bagi membolehkan kita mengeluarkan lesen untuk membolehkan syarikat-syarikat

Tuan Pengerusi: Undang-undang induk yang diberi kepada Yang Berhormat, adakah?

Tuan Hashim bin Ismail: Ada di sini dan saya akan baca.

Tuan Pengerusi: Cuba baca yang hendak dipotong itu, ya. Kalau tidak, tidak boleh ditimbang.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Pengerusi, pindaan kepada Rang Undang-undang ini dibuat untuk memasukkan Fasal 3 yang baru bagi membolehkan Menteri Kewangan untuk melesenkan sesuatu syarikat di bawah kepunyaan dan kawalan yang

asing untuk menubuhkan bank Islam dan menjalankan perniagaan perbankan Islam di Malaysia dan menomborkan semula Fasal 3 dan 4 yang sedia ada masing-masing sebagai Fasal 4 dan 5.

Itu sahaja.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya, baiklah. Masalahnya ialah pindaan seperti mana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan tadi terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

1. Masukkan Fasal 3 yang baru seperti yang berikut:
"Pemotongan Seksyen 6
3. Akta ibu dipinda dengan memotong Seksyen 6".
2. Nomborkan semula Fasal 3 dan 4 yang sedia ada masing-masing sebagai Fasal 4 dan 5

English Language Text:

1. Insert a new clause 3 as follows:
"Deletion of Section 6
3. The principal Act is amended by deleting Section 6."
2. Renumber the existing clauses 3 and 4 as clauses 4 and 5 respectively.

Fasal 3 hingga 5 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasihlah banyak kerana siap dalam masa 15 minit. Kerjasama di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat itu saya junjung tinggi dan Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 4.00 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 petang.